



LAPORAN TAHUNAN
2018



>>> www.dbkl.gov.my <<<

Isi Kandungan

Laporan Tahunan 2018 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

► *LATAR BELAKANG ORGANISASI*

| | |
|---|----|
| Isi Kandungan | 02 |
| Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur | 05 |
| Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur | 06 |
| Pengurusan Tertinggi | 09 |
| Pengarah-Pengarah Jabatan | 10 |
| Carta Organisasi DBKL | 13 |
| Latar Belakang | 14 |
| Visi, Misi, Objektif | 14 |
| Slogan, Fungsi, Piagam Pelanggan | 15 |
| Pencapaian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur | 16 |
| · Jabatan Landskap dan Rekreasi | 18 |

► *SEKTOR DATUK BANDAR*

| | |
|--------------------------------------|----|
| Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan | 26 |
| Jabatan Perancangan Korporat | 29 |
| Jabatan Audit Dalam | 36 |
| Jabatan Integriti | 42 |

► *SEKTOR PERANCANGAN*

| | |
|---|----|
| Jabatan Perancangan Bandaraya | 48 |
| Jabatan Perancangan Infrastruktur | 66 |
| Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan | 70 |
| Jabatan Kawalan Bangunan | 80 |





► *SEKTOR PENGURUSAN PROJEK*

| | |
|---|-----|
| Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan | 86 |
| Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Pengangkutan Bandar | 96 |
| Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal | 102 |
| Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi | 114 |
| Jabatan Ukur Bahan | 123 |

► *SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI*

| | |
|---|-----|
| Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar | 128 |
| Jabatan Penguatkuasaan | 131 |
| Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja | 135 |
| Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar | 138 |
| Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan | 143 |

► *SEKTOR PENGURUSAN*

| | |
|--|-----|
| Jabatan Pengurusan Sumber Manusia | 152 |
| Jabatan Kewangan | 159 |
| Jabatan Pengurusan Maklumat | 165 |
| Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta | 167 |
| Jabatan Pentadbiran | 170 |

► *LAPORAN PENYATA KEWANGAN* 185



Perutusan

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



DBKL berusaha untuk memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan memberi impak positif kepada warga kota serta mengikut kemampuan kewangan semasa selaras dengan prinsip '*value for money*'.

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Salam Sejahtera

BERSYUKUR kepada Allah atas berkat dan keizinan-Nya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan 2018 melibatkan pelaporan program dan aktiviti DBKL bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018. Saya mewakili warga kerja DBKL berharap agar Laporan Tahunan 2018 ini dapat menjadi rujukan bukan sahaja kepada DBKL sendiri tetapi juga kepada pelbagai pihak termasuklah Agensi Kerajaan serta Institusi Pengajian Tinggi termasuklah warga kota.

Bagi tahun 2018, pelbagai kejayaan dan anugerah yang telah diterima oleh DBKL berkat usaha dan pengorbanan warga kerja serta bantuan agensi-agensis sahabat. DBKL juga telah menerima Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau iaitu Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS) untuk Kategori Bandaraya sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2018. Selain itu, Kejayaan Kumpulan Inovasi dan Kualiti (KIK) DBKL memenangi pelbagai anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa juga adalah sesuatu yang dapat dibanggakan.

Fungsi asas sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga tidak pernah diambil mudah. Pelbagai aktiviti dan program yang memberikan impak kepada warga kota telah dilaksanakan dengan jayanya. Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan awam seperti taman awam, jalan raya, longkang dan saliran serta perumahan awam diberi peruntukan yang sewajarnya selaras dengan tema Bajet 2018 DBKL iaitu "Kemajuan Dan Kesejahteraan Untuk Warga Kota". DBKL berusaha untuk memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan memberi impak positif kepada warga kota serta mengikut kemampuan kewangan semasa selaras dengan prinsip '*value for money*'.

Di kesempatan ini juga, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi sahabat atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Semoga komitmen dan jalinan kerjasama yang diberikan ini dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi demi kesejahteraan warga kota. Amanah yang dipikul bukanlah sebagai beban tetapi sebagai tanggungjawab yang harus dilaksanakan dengan penuh integriti dan akauntabiliti.

Akhir kata, saya berdoa semoga usaha dan pengorbanan warga kerja DBKL diberi keredhaan dan mendapat rahmat dari-Nya.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat,


DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN
Datuk Bandar Kuala Lumpur





Ahli Lembaga Penasihat

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018



YBHG. DATUK MUSTAPA
KAMAL MOHD YUSOFF



YBHG. DATUK RIZALMAN
DATO' MOKHTAR



YBRS. PUAN A. SAMALAH
A/P A. ARUMUGAN



YBHG. DATUK SERI
FATEH ISKANDAR TAN SRI
DATO' MOHAMED MANSOR



YBHG. DATUK
ZAINAL ABIDIN
MOHD RAFIQUE



YBHG. DATUK
WILSON LAU HOI KEONG



YBRS. ENCIK AHMAD FAISAL
ABDUL KARIM




YBRS. ENCIK NG HOW DOO





Ahli Lembaga Penasihat

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018



YBHG. DATUK DR.
KAMARIAH NORUDDIN

YBHG. DATO' SHAHROL
ANUWAR SARMAN

YBHG. DATUK M NOOR
AZMAN TAIB

YBHG. DATUK S. RAJAH

YBRS. AR. EZUMI HARZANI
ISMAIL

YAD DATO' SETIA DIRAJA
DATO' ABDUL GHANI HAJI
PATEH AKHIR



Ahli Lembaga Penasihat

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018



YBHG. DATO' ISMAIL BIN NGAH



YBRS. ENCIK SANKARA NARAYANAN A/L SANKARAN NAIR



YBRS. IR. AHMAD TAMBY KADIR



YBRS. ENCIK ABDUL RAHMAN H HUSSEIN



YBRS. ENCIK AZLI YUSOF



YBRS. PUAN KHAIRIAH TALHA



YBRS. ENCIK ZAHIR HASSAN



YBRS. PUAN SIAN KENG ENG



Pengurusan Tertinggi

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018



YBHG. DATUK MAHADI
CHE NGAH
**Pengarah Eksekutif
(Perancangan)**

YBHG. DATUK HJ. MUSTAFA
MOHD NOR
**Pengarah Eksekutif
(Pengurusan)**

YBHG. DATUK IBRAHIM
YUSOFF
**Pengarah Eksekutif
(Pembangunan
Sosio-Ekonomi)**

YBHG. DATUK HJ. MOHD
NAJIB MOHD
**Pengarah Eksekutif
(Pengurusan Projek)**



Pengarah-Pengarah Jabatan

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018

PENGARAH JABATAN-JABATAN DI BAWAH DATUK BANDAR



FADZILAH ABD RASHID
Pengarah Jabatan
Undang-Undang dan
Pendakwaan

JUNAINAH REPIN
Pengarah Jabatan
Audit Dalam

NORHASLINDA NORDIN
Pengarah Jabatan Perancangan
Korporat

ZULFIKRI ABD MANAF
Pengarah Jabatan
Integriti

SEKTOR PERANCANGAN



HJ. NURAZIZI MOKHTAR

**Pengarah Jabatan
Perancangan Bandaraya**



SULAIMAN MOHAMED

**Pengarah Jabatan
Perancangan Infrastruktur**



HJ. AZMI ABDUL HAMID

**Pengarah Jabatan Perancangan
Ekonomi dan Pembangunan**



NORIZAN SULAIMAN

**Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan**

SEKTOR PENGURUSAN PROJEK



HJ. MOHD SAHAK
HJ. SURIP

**Pengarah Jabatan
Pelaksanaan Projek
& Penyelenggaraan
Bangunan**



HJ. ABD HAMID SURIP

**Pengarah Jabatan
Kejuruteraan Awam
& Pengangkutan
Bandar**



MOHD KHAIDER
MOHD YUSOFF

**Pengarah Jabatan
Kejuruteraan Mekanikal
dan Elektrikal**



SUHANA ABD MALEK

**Pengarah Jabatan
Pembangunan Landskap
& Rekreasi**



ASIAHNOR
MOHD YASSIN

**Pengarah Jabatan
Ukur Bahan**

SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI



ANWAR MOHD ZAIN
**Pengarah Jabatan
Pembangunan Komuniti
& Kesejahteraan
Bandar**



AZMAN MAHMOOD
**Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan**



JABARILAH JA'AFAR
**Pengarah Jabatan
Pelesenan &
Pembangunan
Penjaja**



DATIN DR. NOOR
AKMA SHABUDIN
**Pengarah Jabatan
Kesihatan & Alam Sekitar**



KHAIRUL ANUAR
MHD JURI
**Pengarah Jabatan
Kebudayaan, Kesenian,
Pelancongan &
Sukan**

SEKTOR PENGURUSAN



HASIMAH ISMAIL
**Pengarah Jabatan
Pengurusan Sumber
Manusia**



MOHAMAD HAMIM
**Pengarah Jabatan
Kewangan**



CHE AZHAR
ABDULLAH
**Pengarah Jabatan
Penilaian & Pengurusan
Harta**



NOR EYNIWATI
HASSAN
**Pengarah Jabatan
Pengurusan Maklumat**




KHAIRUL AZMIR
AHMAD
**Pengarah Jabatan
Pentadbiran**



Carta Organisasi

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2018



Dikemaskini : 3.12.2018



Latar Belakang

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (*sole corporation*) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

◀ Kuala Lumpur 1926



Visi, Misi Dan Objektif



VISI

DBKL akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang 2020.

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan kepada tadbir urus yang cemerlang.



MISI



OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

Menyediakan dan mempertingkatkan perkhidmatan yang efisien, mesra dan telus selari dengan kemajuan dan pembangunan kakitangan.



DASAR KUALITI



◀▶ Slogan

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

◀▶ Fungsi

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
12. Menyedia, mengurus dan menyelenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid / surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas / teksi, tanah perkuburan dan krematorium)

◀▶ Piagam Pelanggan

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial / pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk / Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan / Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan *online* dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari) .
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
8. Menkuatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.



Pencapaian

- Jabatan Pengurusan Maklumat



Anugerah Emas Konvokesyen 3rd ACE International Awards Competition 24th APQO International Conference 2018.

- Jabatan Perancangan Infrastruktur

Pemenang Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejurangan Hijau iaitu Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) untuk Kategori Bandaraya.



• Jabatan Kebudayaan, Kesenian Pelancongan dan Sukan

Pencapaian Yang Diraih Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa Bagi Tahun 2018.

| BULAN | ACARA | KEPUTUSAN |
|---------------------------------------|---|------------------------|
| JANUARI | 1) Hoki – Div 1 Liga Kuala Lumpur | - Johan |
| | 2) Tarik Tali – Seri Menanti | - Johan (Awam) |
| | 3) Tenpin Boling – PBT Alor Setar | - Naib Johan |
| | 4) Badminton - MAKSWIP | - Johan |
| FEBRUARI | 5) Ping Pong – MAKSWIP | - Naib Johan |
| | 6) Karom – Terbuka DB Ipoh | - Suku Akhir |
| MAC | 7) Olahraga – All Comers FTKLAA | - Johan |
| | 8) Tenpin Boling – Tertutup Kakitangan DBKL | - Penganjur |
| | 9) Karom – Terbuka Kulim | - Naib Johan |
| | 10) Bola Sepak – MAKSWIP | - Suku Akhir |
| | 11) Tenpin Boling – Terbuka Kuantan | - Ke-5 |
| APRIL | 12) Sepak Takraw – MAKSWIP | - Veteran – Johan |
| | 13) Sukan Tradisional – MAKSWIP | - Terbuka – Suku Akhir |
| | 14) Tenpin Boling – Jemputan MP Pasir Gudang | - Johan Keseluruhan |
| | 15) Ragbi Wanita – Terbuka USM | - Ke-5 |
| | 16) Olahraga – FTKLAA Cross Country | - Naib Johan |
| | 17) Tenpin Boling – Piala SU MBMB | - Ke-3 |
| | 18) Tenpin Boling – Piala Datuk Bandar Melaka | - Johan & Naib Johan |
| | | - Naib Johan |
| MEI | 19) Sukanun Pantai | - Johan Keseluruhan |
| JUN | RAMADHAN / AIDILFITRI / AGM-29 | |
| JULAI | 20) Tenpin Boling – MALA | - Ke-3 & Ke-4 |
| | 21) Futsal Lelaki – MAKSWIP | - Johan |
| | 22) Futsal Wanita – MAKSWIP | - Johan |
| | 23) Menembak – Ulangtahun MBI | - Johan Keseluruhan |
| | 24) Karom – Terbuka UUM | - Ke-5 |
| | 25) Kayak – Jemputan Belitong, Indonesia | - Johan |
| | 26) Bola Sepak – Piala Liga FAM | - Ke-5 |
| OGOS | 27) Golf - Sukanun | - Ke-19 (Cross) |
| | 28) Kayak – Belitong, Indonesia | - Johan |
| | 29) Karom - MALA | - Ke-4 |
| SEPTEMBER | 30) Tenpin Boling – PBT Penang | - Naib Johan |
| | 31) Festival Permainan Tradisional @ Kuala Lumpur | - Johan Keseluruhan |
| | • Khemah Tercantik | • Johan |
| | • Tarik Tali Lelaki | • Johan |
| | • Tarik Tali Wanita | • Johan |
| | • Galah Panjang Lelaki | • Johan |
| | • Galah Panjang Wanita | • Johan |
| | • Dam Aji | • Naib Johan |
| | • Congkak | • Naib Johan |
| | • Terompah Gergasi | • Naib Johan |
| • Bola Pelikat | • Naib Johan | |
| • Sepakraga | • Naib Johan | |
| • Batu Seremban | • Naib Johan | |
| 32) Bola Sepak – Piala Emas Raja-Raja | - Ke-3 Kumpulan | |
| 33) Karom - MAKSWIP | - Johan (Wanita) | |
| | - Ke-3 (Lelaki) | |

bersambung...

... sambungan

| BULAN | ACARA | KEPUTUSAN |
|-----------------|--|--|
| OKTOBER | 34) Petanque – MAKSWIP | - Ke-3 (Lelaki) |
| | 35) Bola jaring - MALA | - Johan (Wanita) |
| | 36) Bola Sepak - MALA | - Suku-Akhir - Peringkat Kumpulan |
| NOVEMBER | 37) Badminton - MALA | - Naib Johan |
| | 38) Bola Jaring – Piala BMMB | - Naib Johan |
| | 39) Futsal – Piala BMMB | - Naib Johan |
| | 40) Tenpin Boling – Jemputan DBIpho | - Ke-3 |
| | 41) Festival Kesenian MAKSAK Malaysia 2018 (21 – 26 Nov) - Tarian rakyat - Nyanyian lagu asli | - Johan - Ke-3 |
| DISEMBER | 42) Ragbi – Hatyai International | - Naib Johan |
| | 43) Sukan Integrasi MAKSWIP - Bola Tampar Pantai Lelaki - Bola Tampar Pantai Wanita - Bola Jaring 5's - Bola Sepak | - Johan - Johan - Naib Johan - Peringkat Kumpulan |

- Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

- i) Anugerah Institute Of Landscape Architects Malaysia (ILAM)**

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi telah menerima *Award Hibiscus & Orchid Garden Master Plan For Perdana Botanical Gardens* bagi kategori profesional. Selain itu bagi kategori agensi kerajaan, jabatan telah menerima dua *Green Initiatives Award* iaitu Taman Pudu Ulu Fasa 2 dan Laman Tun Perak.

Anugerah ini telah diterima pada 21 April 2018 di Malam Makan Malam ILAM pada 7.00 malam bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.





Anugerah ILAM yang diperolehi



Award yang diterima semasa FLORIA



Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan isteri, Tengku Permaisuri Norashikin Abd Rahman diiringi oleh YB Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan melawat ke laman Rendezvous DBKL selepas merasmikan Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2018.



Laman *Rendezvous*

ii) **MLAA-President Award 2018 & MLAA-Honour Award-Landscape Design Award 2018**

Pada 20 April 2019, Projek *River of Life P7* (ROL Fasa 1) telah menerima dua anugerah di Majlis Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA) kali ke-11 bertempat di New World PJ.

Anugerah yang diterima adalah *MLAA-President Award 2018* dan *MLAA- Honour Award-Landscape Design Award 2018* di atas pencapaian *Transforming Kuala Lumpur Heritage Quarters Urban Landscape*.



Anugerah yang diterima oleh Projek River of Life P7 (ROL Fasa 1)



Pasukan Projek dari Pihak DBKL dan Perunding AECOM yang terlibat dengan Projek ROL P7

(iii) Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2018 (KL Mayor Universal Access Award 2018)

Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada pembangunan-pembangunan kerajaan dan swasta yang terletak di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja yang mengaplikasikan konsep serta prinsip Reka bentuk Sejagat atau *Universal Design* di dalam perancangan, reka bentuk, pembinaan serta penyelenggaraan.

Anugerah ini terbuka untuk tipologi pembangunan yang pengunjungnya adalah orang awam seperti hab pengangkutan, komersil, bangunan kerajaan dan ruang awam. Antara bangunan-bangunan yang terkandung di dalamnya adalah seperti pejabat, pembangunan bercampur, rumah kedai, rumah ibadat, pusat perubatan, hotel, institusi pendidikan dan taman-taman awam.

Projek Pustaka PKL @ TTDI di bawah pelaksanaan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan merupakan salah satu kategori yang telah menerima Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2018 di Malam Apresiasi Reka bentuk Kuala Lumpur 2018 yang telah dirasmikan oleh YBhg Menteri Wilayah Persekutuan pada 4 Disember 2018 bertempat di Grand Ballroom, Sunway Hotel Putra (Level 9), Kuala Lumpur.

PEMENANG ANUGERAH AKSESIBILITI SEJAGAT DATUK BANDAR KUALA LUMPUR 2018 (KL MAYOR UNIVERSAL ACCESS AWARD)
kemaskini pada 29 November 2018

| Bil | Kategori | Sub-kategori | Pemenang | Anugerah | |
|-----|-------------------|--------------------------------|---|-------------------------|---------------------------|
| A. | Hab Pengangkutan | 1) Rel | Stesen LRT Bukit Jalil | Anugerah Khas Juri | |
| | | | Stesen MRT Phileo Damansara | Anugerah Utama | |
| | | | Stesen Kuala Lumpur Sentral | Anugerah Khas Juri | |
| | | 2) Pengangkutan Awam Bermotor | Terminal Bersepadu Selatan | Anugerah Utama | |
| B. | Komersil | 3) Pejabat | PAM Centre | Anugerah Khas Juri | |
| | | | 4) Pembangunan Bercampur | My Town Shopping Centre | Anugerah Utama |
| | | | | Mid Valley City | Anugerah Khas Juri |
| | | | | 5) Hotel | Prescott Hotel KL Sentral |
| | | | The RuMa Hotel and Residences | Anugerah Khas Juri | |
| C. | Bangunan Kerajaan | 6) Pejabat Kerajaan | Menara DBKL 1 | Anugerah Khas Juri | |
| | | | Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia | Anugerah Utama | |
| | | 7) Hospital/ Pusat Perubatan | Hospital Rehabilitasi Cheras | Anugerah Utama | |
| | | | 8) Universiti Awam | Residensi UTM KL | Anugerah Khas Juri |
| D. | Ruang Awam | 9) Taman & Fasiliti Awam | Istana Budaya | Anugerah Utama | |
| | | | Naiktaraf Pustaka PKL @ TTDI | Anugerah Khas Juri | |
| | | | 10) Tokoh Aksesibiliti | Pastor Sia Siew Chin | Anugerah Khas Juri |
| E. | Khas | 11) Tokoh Aksesibiliti Harapan | Siti Huraizah Binti Ruslan | Anugerah Khas Juri | |


 Sr. Hj. Mohd. Saif bin Surip
 Pengarah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan


 YBhg. Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan
 Datuk Bandar Kuala Lumpur

Senarai Pemenang Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2018 mengikut kategori



Para Pemenang Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2018 bersama Pihak Pengurusan DBKL



Sijil Penyertaan dan Sijil Anugerah Khas Projek Pustaka PKL @ TTDI



Trofi Anugerah Khas Juri Projek Pustaka PKL @ TTDI



SEKTOR DATUK BANDAR





Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976.

Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan. Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu :

- 1.1 Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP); dan
- 1.2 Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan adalah seramai 73 orang.

2.0 FUNGSI

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut :

- 2.1 Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- 2.2 Menggubal dan menyemak semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur;
- 2.3 Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan;
- 2.4 Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur; dan
- 2.5 Menyelaras dan mengendali kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah Perbadanan Tunggal dan Pihak Berkuasa Tempatan dari segi undang-undang dalam semua transaksi dan dokumentasi perundangan.
- 3.2 Memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan-pelanggan dengan menjangkakan isu-isu perundangan dan membantu pentadbiran menyelesaikan isu-isu / masalah berdasarkan amalan pengurusan dan perundangan yang baik.

4.0 BAJET

Perbelanjaan jabatan telah diluluskan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 16,676,100.00 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM 15,863,189.42 dengan peratusan sebanyak 95%.

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|--|------------------|-------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 16,676,100.00 | |
| <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan | RM 15,863,189.42 | 95.13 |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 DBR 87 – Kes Am :

- Sebanyak 2,918 Kes Am telah dikendalikan sepanjang tahun 2018 dengan 343 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2017 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,575.
- Daripada 2,918 Kes Am yang dikendalikan, sebanyak 2,243 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 675 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2019.
- Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 130,190.00.

5.2 DBR 86 – Kes Trafik:

- Sebanyak 59,575 Kes Trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya telah dikendalikan sepanjang tahun 2018 dengan 13,475 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2017 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2018 adalah sebanyak 46,100.
- Daripada jumlah tersebut, hanya 24,565 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 35,010 kes yang tidak dapat diselesaikan dibawa ke tahun 2019.
- Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 75,500.00.

5.3 DBR 83 – Kes Tangkapan:

Kes-Kes Tangkapan ini melibatkan kesalahan penjaga kereta haram iaitu kesalahan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebanyak 63 Kes Tangkapan telah didaftarkan dan dikendalikan pada tahun 2018 dan kes diselesaikan sepenuhnya dan jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM 23,900.00.



Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jabatan Perancangan Korporat



1.0 LATARBELAKANG

Fungsi Perhubungan Awam mula dilaksanakan di DBKL dalam tahun 70-an dan diselaraskan oleh Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1995 fungsi tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Pengurusan Organisasi. Seterusnya pada tahun 2006 unit ini telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran dan dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA).

Pada tahun 2008 sekali lagi nama unit ini telah ditukarkan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) selaras dengan hasrat Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberikan imej baru kepada organisasi DBKL. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali pula sebagai Jabatan Perancangan Korporat. Pertukaran nama ini juga memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai fungsi JPRK bersesuaian dengan keadaan semasa yang berperanan sebagai perancang, pengurus dan pelaksana usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL supaya terus berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota, agensi kerajaan dan swasta bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.
- 2.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai pentadbiran DBKL serta memberi maklum balas ke atas komen, aduan dan isu berbangkit kepada media massa.
- 2.3 Memastikan urusan perhubungan pertubuhan antarabangsa yang baik disamping menyelaras lawatan luar dan dalam negeri dengan baik.
- 2.4 Membantu dan memudahcara setiap pelanggan yang berurusan dengan DBKL dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.
- 2.5 Memastikan dan mendapatkan maklumbalas terhadap aduan yang dikemukakan daripada jabatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- 2.6 Menyelaras sambutan perayaan, majlis dan acara rasmi DBKL dengan teratur.
- 2.7 Menerbitkan bahan bercetak dan elektronik kepada golongan sasaran disamping memberikan maklumat terkini dan tepat mengenai DBKL
- 2.8 Menyelaras perhubungan antara DBKL dengan Media menerusi penyampaian atau penyaluran maklumat yang tepat dan cepat.
- 2.9 Menyelaras penerbitan bahan bercetak, promosi dan pengurusan foto serta video.
- 2.10 Menyelaras majlis rasmi dan protokol
- 2.11 Menyelaras hubungan dua hala negara luar dan bandar raya serta lawatan-lawatan rasmi.

3.0 OBJEKTIF

Memastikan komunikasi yang berkesan dengan *stakeholders* disamping jaringan perhubungan antarabangsa yang baik ke arah imej Kuala Lumpur bertaraf dunia.

4.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

4.1 Unit Media

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain daripada itu, unit ini juga menyelaras dan menyediakan maklumat untuk sidang media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2018, unit ini telah menyelaras 40 sidang media dan 8 temubual bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan.

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada warga kota dan mendapat liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak 78 liputan media (*Note to Editor*), 87 Kenyataan media (*Press Release*) dan 37 maklumbalas media (*Press Rebuttal*) sepanjang tahun 2018.

(i) Sukan DBKL Bersama Media – Bowling

Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan sebagai menghargai sumbangan pihak media menerusi penulisan mereka mengenai DBKL. Lebih 88 orang pengamal media telah hadir yang meliputi media cetak, media elektronik dan penulis media *online*. Program ini telah diadakan di Arena Bowl, Bukit Jalil Golf and Country Club pada 14 Julai 2018 (Sabtu).

(ii) Majlis Perhargaan DBKL Kepada Media

Majlis penghargaan ini telah diadakan pada **14 Julai 2018 di Bukit Jalil Golf & Country Club**. Program adalah bagi menghargai hubungan yang baik di antara DBKL dengan media di samping dapat memahami tugas di antara satu sama lain.

4.2 Unit Majlis Rasmi dan Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Jabatan Perancangan Korporat telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun 2018, unit ini telah terlibat secara langsung dalam 112 majlis rasmi di mana 108 ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan 7 majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi kerajaan serta 2 acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandaraya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2018 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2018, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

4.3 Majlis Rasmi (Anjuran DBKL, Bersama Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan) dan Lawatan Rasmi Pembesar Asing Bagi Tahun 2018

| BULAN | BILANGAN MAJLIS RASMI | | | | JUMLAH |
|---------------|-----------------------|---------------------------------|---------------------------------------|------------------------------|------------|
| | ANJURAN DBKL | ANJURAN BERSAMA AGENSI KERAJAAN | ANJURAN BERSAMA AGENSI BUKAN KERAJAAN | LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING | |
| JANUARI | 5 | | | - | 5 |
| FEBRUARI | 16 | 2 | | - | 18 |
| MAC | 7 | 2 | | | 9 |
| APRIL | 9 | | | - | 9 |
| MEI | 3 | | | - | 3 |
| JUN | 3 | | | - | 3 |
| JULAI | 9 | 1 | | - | 10 |
| OGOS | 3 | | | - | 3 |
| SEPTEMBER | 11 | 1 | | - | 12 |
| OKTOBER | 19 | | | - | 19 |
| NOVEMBER | 5 | | 1 | 1 | 7 |
| DISEMBER | 14 | 1 | | - | 15 |
| JUMLAH | 104 | 7 | 1 | 1 | 113 |

Jadual 1: Jumlah Majlis Rasmi dan Lawatan Rasmi Pembesar Asing Bagi Tahun 2018



Gambar Acara-Acara.

4.4 Unit Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri dan kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berikut merupakan statistik bagi jumlah ketiga-tiga perkara tersebut di atas:

| PERKARA | BILANGAN LAWATAN | BILANGAN PELAWAT |
|--|------------------|------------------|
| Jumlah Lawatan Dalam Negeri | 47 | 1247 |
| Jumlah Lawatan Luar Negeri | 17 | 241 |
| Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur | 29 | 213 |
| JUMLAH | 97 | 1701 |

Jadual 2: Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada 2018

Statistik Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada 2018

| TARIKH | KUNJUNG HORMAT |
|--------------|---|
| 23 Januari | Kunjung Hormat daripada Royal Danish |
| 5 Februari | Kunjung Hormat daripada Ambassador of Nepal |
| 6 Februari | Kunjung Hormat President of the council of Kingdom of Morocco |
| 6 Februari | Kunjung Hormat High Commissioner Pakistan |
| 7 Februari | Kunjung Hormat Fukoka City Government |
| 13 Februari | Kunjung Hormat daripada UCLG-ASPAC |
| 13 Februari | Kunjung Hormat daripada H.E MAYOR OF QUITO, ECUADOR |
| 14 Februari | Kunjung Hormat Ambassador of Denmark |
| 14 Februari | Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Republik Korea |
| 14 Februari | Kunjung Hormat Mayor of Hebron, Palestine |
| 14 Februari | Kunjung Hormat Governor of Algiers, Algeria |
| 15 Februari | Kunjung Hormat Mayor of Cordoba, Argentina |
| 15 Februari | Kunjung Hormat European Commision |
| 25 Jun | Kunjung Hormat Mayor of Geelong, Vistoria, Australia |
| 12 Julai | Kunjung Hormat Mayor of Bristol |
| 2 Ogos | Kunjung Hormat Embassy of Belgium |
| 21 Ogos | Kunjung Hormat Mayor Changsa, Hunan |
| 9 September | Kunjung Hormat daripada 'Delegasi Republic of Uzbekistan' |
| 29 September | Kunjung Hormat daripada Kedutaan Denmark |
| 30 September | Kunjung Hormat daripada Kedutaan Brazil |
| 7 Oktober | Kunjung Hormat daripada Kedutaan Turkmenistan |
| 29 Oktober | Kunjung Hormat daripada Delegasi Australia |

bersambung...

... sambungan

| TARIKH | KUNJUNG HORMAT |
|-------------|--|
| 15 November | Kunjung Hormat Ambassador of Hungary |
| 18 November | Kunjung Hormat daripada Duta Besar Finland |
| 23 November | Kunjung Hormat daripada Delegasi Baishan City, China |
| 26 November | Kunjung Hormat daripada Duta Besar Turki |
| 26 November | Kunjung Hormat Embassy of Palestine |
| 14 Disember | Kunjung Hormat Embassy of Sweden |
| 18 Disember | Kunjung Hormat High Commissioner of India |

Jadual 3: Senarai Kunjung Hormat Tahun 2018

Selain menyelaras aktiviti lawatan dalam dan luar negeri serta kunjung hormat kepada DBKL, unit ini turut terlibat dalam penyelarasan persidangan dan program antarabangsa di mana DBKL terlibat sebagai ahli dalam pertubuhan atau persatuan tersebut.

| PERSIDANGAN ANTARABANGSA | | | |
|--------------------------|--------------------------|--|--|
| BIL. | TARIKH | PROGRAM | MAKLUMAT KOLABORASI |
| 1. | 7-13 Februari 2018 | World Urban Forum 9 (WUF9) | DBKL terlibat sebagai rakan kongsi UN HABITAT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Urbanice Malaysia bagi pelaksanaan WUF 9. Antara aktiviti : <ul style="list-style-type: none"> • <i>Urban Village</i> di Medan Pasar • <i>Cycling with Mayor</i> disertai Menteri daripada Netherlands, Executive Director UN HABITAT, Raja Muda Perlis • Lawatan tapak di bawah penyeliaan DBKL iaitu <i>River of Life</i>, Taman Botani Perdana, Taman Herba LA21 dan PPR • Makan malam WUF9 (Kenduri in The Park) • Kuala Lumpur Exhibition Pavilion • Sebanyak lebih dari 22,000 peserta dari dalam dan luar Negara hadir ke WUF9. |
| 2. | 23-26 Julai 2018 | Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) XXXII, Strategics' Cluster dan CityNet Infrastructure Cluster Meeting | <ul style="list-style-type: none"> • DBKL telah pun mengadakan kerjasama dengan <i>CityNet Secretariat</i> yang beribu pejabat di Seoul untuk menganjurkan program ini melibatkan bandar raya-bandar raya di Asia Pasifik. Perbincangan KLRTC menumpukan kepada aspek pengangkutan dan mesyuarat cluster memberi tumpuan kepada isu berkaitan <i>infrastruktur, Sustainable Development Goal, disaster dan climate change</i>. |
| 3. | 16-19 Oktober 2018 | Mesyuarat Agung World Energy Cities Partnership (WECP AGM) 2018 | DBKL berkerjasama dengan Sekretariat WECP di Houston untuk menghoskan WECP AGM di Kuala Lumpur. 19 bandar raya tenaga berkumpul untuk membincangkan hala tuju bandar raya masing-masing dalam bidang tenaga. DBKL turut berkolaborasi dengan pelbagai agensi tempatan dalam menghoskan program Malaysia Petroleum Resource Corporation (MPRC), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), PETRONAS, GreenTech dan MIDA. |

Jadual 3: Persidangan Antarabangsa tahun 2018 yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Korporat



YBhg. Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur, memberi ucapan di program *World Assembly of Local and Regional Government* sempena Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 8 Februari 2018 (Khamis).





Program Business to Business (B2B) di Petronas sempena AGM WECP tahun 2018

4.5 Unit Promosi Dan Fotografi

Unit Promosi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan, bahan bercetak dan digital serta menghebahkan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara kerja-kerja yang dilakukan oleh Unit Promosi sepanjang tahun 2018 termasuk:

- (i) Promosi Acara/Aktiviti DBKL, KWP, Dan Agensi Berkaitan
- (ii) Diari tahunan DBKL
- (iii) *Desktop planner* dan *stand table calender*
- (iv) Penerbitan kad-kad ucapan perayaan
- (v) Portal DBKL
- (vi) Video DBKL
- (vii) Aktiviti lain Unit Promosi
 - Membuat hebahan aktiviti/program DBKL di KLFM
 - Membuat pengumuman aktiviti DBKL di Perhimpunan Bulanan DBKL
 - Mencetak *banner* dan *bunting* hebahan



Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diwujudkan dengan rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan bawah Pejabat Datuk Bandar. JAD diterajui oleh Pengarah Gred WA54 dengan kekuatan seramai 29 orang pegawai dan kakitangan. Selaras dengan kompleksiti fungsi dan tanggungjawab DBKL, JAD telah dikembangkan kepada lima (5) Bahagian seperti berikut :-

- 1.1 Bahagian Audit Sektor Perancangan.
- 1.2 Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek.
- 1.3 Bahagian Audit Sektor Pengurusan.
- 1.4 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi.
- 1.5 Bahagian Pentadbiran & Kewangan.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menentukan sama ada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan dipatuhi;
- 2.2 Menentukan kekukuhan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod dalam Sistem Perakaunan dan Sistem Kawalan Dalaman;
- 2.3 Menilai secara teratur dan sistematik operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di bawahnya dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan kekesan;
- 2.4 Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, stok dan sumber-sumber lain demi meningkatkan akauntabiliti; dan
- 2.5 Mengemukakan laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai pematuhan jabatan-jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada standard yang digunapakai.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menjalankan auditan berpanduan Rancangan Audit Tahunan bagi memastikan semua aktiviti serta tanggungjawab jabatan-jabatan yang dilaksanakan adalah mengikut peruntukan undang-undang, acara kewangan, peraturan kewangan, prosedur dan pekelling yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan mengemukakan laporan kepada Datuk Bandar mengenai hasil auditan; dan
- 3.2 Membantu menjaga imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari segi pengurusan kewangan yang bersih, sempurna dan teratur.

4.0 BAJET

- 4.1 Bajet yang diperuntukan kepada Jabatan Audit Dalam pada Tahun 2018 adalah RM1,924,700.00.
- 4.2 Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2018 adalah RM1,816,916.80 (94.40%).

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-----------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 1,924,700.00 | 94.40 |
| • Perbelanjaan | RM 1,816,916.80 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Bersama Agensi Bagi Tahun 2018.

- (i) Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Bersama Agensi adalah satu inisiatif di bawah Teras 5: Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Kementerian Wilayah yang dikenali sebagai Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Kementerian Wilayah Persekutuan. Persidangan ke-5 pada Tahun 2018 telah diadakan pada 4 hingga 7 September 2018 di Hotel Permai, Kuala Terengganu, Terengganu di bawah anjuran Unit Audit Dalam, Kementerian Wilayah.
- (ii) *Moving Forward* telah dipilih sebagai tema persidangan pada kali ini. Tema ini dipilih bagi memenuhi objektif berikut :-
 - Meningkatkan kecekapan, pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan pengalaman kakitangan Audit Dalam berkaitan pelaksanaan aktiviti pengauditan;
 - Memberikan pendedahan kepada kakitangan Audit Dalam Agensi terhadap kerja-kerja pengauditan prestasi yang melibatkan pembangunan projek *Information and Communications Technology* (ICT) yang melibatkan banyak peringkat atau kitaran *System Development Life Cycle* (SDLC); dan
 - Meningkatkan mutu pengauditan dengan menjalinkan kerjasama yang erat di antara Unit Audit Dalam, Kementerian Wilayah dan Agensi dengan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman pengauditan di antara satu sama lain berdasarkan senario yang berlaku di agensi masing-masing.



Gambar Sekitar Persidangan

5.2 Bengkel Penyediaan Fail Meja (FM) Pegawai dan Kakitangan Jabatan Audit Dalam (JAD) Dan Manual Prosedur Kerja (MPK) Jabatan

- (i) Bengkel ini dilaksanakan dalam bentuk perbincangan kumpulan dan pembentangan hasil perbincangan oleh setiap kumpulan. Bengkel ini telah diadakan pada 18 hingga 20 April 2018 di NOVA Highlands Resort & Residence, Cameron Highland, Pahang.

- Objektif bengkel adalah seperti berikut : Mengemaskini Manual Prosedur Kerja (MPK) Jabatan dan Fail Meja (FM) sedia ada mengikut proses kerja terkini selaras dengan MS 9001:2015 yang berasaskan risiko;
 - Menyemak dan menyeragam Manual Prosedur Kerja (MPK) Jabatan dan Fail Meja (FM) mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh MAMPU;
- (ii) Menyemak semula piagam pelanggan Jabatan berdasarkan teguran Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh Pasukan Audit SIRIM; dan;
- (iii) Memperkemas dan menambahbaik fungsi dan peranan Jabatan selaras dengan keperluan semasa DBKL.



Gambar Sekitar Bengkel

5.3 Kursus Pelaksanaan Sistem Penilaian Kendiri Cemerlang Indeks Akauntabiliti (AI)

- (i) Program Cemerlang Indeks Akauntabiliti (AI) merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Teras 5: Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam 2.0 Tahun 2016 bagi memantapkan pengurusan kewangan Kementerian dan Agensi di bawah KWP. Matlamat program adalah bagi membantu Kementerian / Agensi mencapai dan mengekalkan pencapaian 5 bintang dalam penarafan AI oleh Jabatan Audit Negara (JAN).
- (ii) Jabatan Audit Dalam (JAD) telah melaksanakan sebanyak tiga (3) Sesi *Awareness* dan Uji Cuba sepanjang tahun 2017 melibatkan semua Jabatan-Jabatan di DBKL. Sesi *Awareness* mengenai pelaksanaan program ini di peringkat Pengurusan Tertinggi juga telah diadakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil 1/2017 pada 22 Mac 2017.
- (iii) Lanjutan daripada beberapa pindaan dan pengemaskinian di dalam Borang Penilaian Kendiri (BPK) oleh pihak JAN, JAD sebagai Urusetia Program AI di DBKL berhasrat untuk mengadakan semula Sesi *Awareness* kepada semua Jabatan bagi memantapkan lagi kefahaman mengenai pelaksanaan program ini. Kursus ini telah diadakan pada 3 Julai 2018 bertempat di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB), Cheras, Kuala Lumpur.

(iv) Objektif kursus adalah seperti berikut :-

- Memastikan Jabatan-Jabatan menyediakan Borang Penilaian Kendiri (BPK) mengikut Garis Panduan seperti yang dikehendaki; dan
- Memberi penerangan mengenai terdapatnya elemen pengurusan risiko dalam setiap senarai semak bagi semua indikator / sub indikator.



5.4 Bengkel Gerak Kerja Jabatan Audit Dalam Tahun 2019

- (i) Jabatan Audit Dalam (JAD) telah mengadakan Bengkel Gerak Kerja Tahun 2019 pada 12 hingga 15 November 2018 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB), Cheras, Kuala Lumpur. Bengkel ini merangkumi perkara-perkara berikut
 - Kerja-kerja pengauditan dan pentadbiran bagi tahun 2019; dan
 - Slot dua (2) hari bersama-sama Pengarah dan Juruaudit dari Jabatan Audit dan Kualiti Asurans, Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pengauditan berasaskan risiko.
- (ii) Bengkel ini diadakan bagi memastikan pegawai dan kakitangan dapat memberi komitmen untuk mencapai tujuan berikut:
 - Mempelajari tentang penyediaan tajuk Rancangan Audit Tahunan (RAT) berasaskan risiko.
 - Merangka program dan menyusun atur gerak kerja audit Tahun 2019;
 - Merangka gerak kerja pentadbiran Jabatan pada Tahun 2019; dan
 - Meningkatkan ukhwah bersama demi memantapkan dan melancarkan tugas harian Jabatan.



Gambar Sekitar Bengkel

5.5 Rancangan Audit Tahunan (RAT)

Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada Tahun 2018 adalah seperti berikut:-

| TAJUK RAT | AUDITI | BIL. PENEMUAN |
|--|--------|---------------|
| • Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL | JPSM | 5 |
| • Pengauditan Terhadap Program Mengecat Bangunan Usang | JKB | 2 |
| • Pengauditan Ke Atas Pengurusan Pengisian Unit-Unit Sewa Gerai DBKL | JPPP | 8 |
| • Pengauditan Pembangunan Bangunan Komersial, Pasar & Gerai | JPPPB | 5 |

5.6 Status Maklumbalas Dashboard Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)

Ministerial Key Performance Indicator (M-KPI) YB Menteri Wilayah - Peratusan Penyelesaian Teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sebanyak 90% hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen.

- (i) Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ini telah dibentangkan di Parlimen pada 27 November 2017. Sebanyak dua belas (12) teguran perlu diselesaikan dalam tempoh satu (1) tahun dari 27 November 2017. Sebanyak dua belas (12) teguran telah diselesaikan 100% pada 1 Oktober 2018.

(ii) Pecahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2016

| TAJUK KAJIAN AUDIT | LKAN SIRI /TAHUN | *STATUS DI DASHBOARD JAN (BILANGAN) | | |
|---|------------------|-------------------------------------|----------|----------|
| | | HIJAU | KUNING | MERAH |
| Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan | | | | |
| Auditi : | 2/2016 | 12 | – | – |
| • KWP | | | | |
| • DBKL | | | | |
| JUMLAH | | 12 | – | – |

STATUS : HIJAU (SELESAI), KUNING (DALAM TINDAKAN), MERAH (TIADA TINDAKAN)

(iii) Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2017

Jabatan Audit Dalam DBKL dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan enam (6) penemuan audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 2017 bersama-sama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). LKAN bagi tajuk Projek Kawalan Kualiti Air Sungai Di Bawah Komponen Pembersihan Sungai Program *River Of Life* (ROL) telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018.

(iv) Status LKAN sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| TAJUK KAJIAN AUDIT | LKAN SIRI /TAHUN | *STATUS DI DASHBOARD JAN (BILANGAN) | | |
|---|------------------|-------------------------------------|----------|----------|
| | | HIJAU | KUNING | MERAH |
| Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan | | | | |
| Auditi : | 2/2016 | 1 | 6 | 0 |
| • KWP | | | | |
| • DBKL | | | | |
| JUMLAH | | 1 | 6 | 0 |

STATUS : HIJAU (SELESAI), KUNING (DALAM TINDAKAN), MERAH (TIADA TINDAKAN)



Jabatan Integriti

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Integriti telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 susulan dari Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri yang bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Jabatan Integriti melaksanakan enam (6) fungsi utama iaitu **Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Siasatan dan Risiko, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.**

2.0 FUNGSI

- 2.1 **Pengurusan Aduan** - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- 2.2 **Siasatan dan Risiko** - Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- 2.3 **Tatatertib** - Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib;
- 2.4 **Pengukuhan Integriti** - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- 2.5 **Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- 2.6 **Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif penubuhan Jabatan Integriti adalah bagi menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu bahagian khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang..

4.0 BAJET

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-----------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 2,438,600.00 | 87.69 |
| • Perbelanjaan | RM 2,138,417.15 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Pengurusan Aduan

Aduan/maklumat mengenai salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika yang disalurkan kepada Jabatan Integriti.

(i) Statistik Jenis Aduan

| KAEDAH ADUAN DITERIMA | BULAN | | | | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|-----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | |
| • Surat layang | 2 | 1 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 | 1 | 3 | 15 |
| • Bersemuka | 2 | 2 | 3 | 11 | 11 | 2 | 2 | 4 | 3 | 5 | 3 | 3 | 51 |
| • Emel | 5 | 2 | 1 | 2 | 2 | 2 | 8 | 2 | 1 | 0 | 2 | 3 | 30 |
| • Surat menyurat | 3 | 1 | 4 | 1 | 0 | 2 | 4 | 0 | 1 | 4 | 4 | 4 | 28 |
| • Panggilan telefon / aplikasi whatsapp | 0 | 0 | 4 | 1 | 2 | 1 | 4 | 4 | 8 | 0 | 1 | 2 | 27 |
| Lain-lain | | | | | | | | | | | | | |
| • SPRM | 4 | 1 | 4 | 2 | 3 | 5 | 0 | 4 | 3 | 1 | 3 | 7 | 37 |
| • Aduan ISPAA | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 1 | 7 |
| • Arahan Pegawai | 1 | 0 | 1 | 3 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 11 |
| JUMLAH | 17 | 7 | 19 | 20 | 24 | 13 | 18 | 15 | 17 | 15 | 16 | 25 | 206 |

(ii) Kaedah Penerimaan Maklumat / Aduan

Aduan yang diterima juga dipecahkan mengikut Sektor di mana Sektor Pentadbiran mempunyai jumlah terbanyak iaitu sebanyak 96 aduan yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti ringkasan berikut:

| KLASIFIKASI ADUAN MENGIKUT SEKTOR | BULAN | | | | | | | | | | | | JUMLAH |
|-----------------------------------|-----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | |
| • Pentadbiran | 8 | 2 | 12 | 10 | 12 | 8 | 8 | 5 | 11 | 6 | 5 | 9 | 96 |
| • Perolehan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 2 |
| • Kewangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| • Penguatkuasaan | 5 | 3 | 2 | 4 | 7 | 3 | 6 | 6 | 4 | 6 | 2 | 7 | 55 |
| • Perlesenan | 0 | 0 | 1 | 2 | 4 | 2 | 2 | 1 | 0 | 3 | 2 | 3 | 20 |
| • Lain-lain | 4 | 2 | 4 | 4 | 1 | 0 | 2 | 3 | 2 | 0 | 6 | 5 | 33 |
| JUMLAH | 17 | 7 | 19 | 20 | 24 | 13 | 18 | 15 | 17 | 15 | 16 | 25 | 206 |

5.3 Pengukuhan Integriti

| PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|--|-------------------------------------|----------------|
| Retreat Pemurnian Modul Kursus Smart Integriti DBKL | Hotel Darul Makmur, Jerantut Pahang | 16-18 Januari |
| Program Gerah dan Pelancaran Kempen GEMPUR anjuran DBKL dan SPRM | Auditorium DBKL | 13 Februari |
| Kursus Pengukuhan Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, DBKL | Impiana Hotel, Ipoh Perak | 13-15 Februari |
| Kursus Integriti Berasaskan Nilai Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Institut Latihan DBKL | 27-28 Februari |

bersambung...

... sambungan


| PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|--|--|---------------------------------------|
| Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni (Integriti dihatiku) | Institut Latihan DBKL | 8 Mac 25 April 14 Mei 27 Jun |
| <i>Retreat</i> Kajian Semula Pelan Integriti DBKL 2015-2019 (PIDBKL 2015-2019) | Nova Highlands Resort & Residence, Cameron Highlands | 13-15 Mac |
| Program Pengukuhan Sahsiah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Institut Latihan DBKL | 16 Mac |
| Lawatan ke SPRM Putrajaya | SPRM Putrajaya | 27 Mac |
| Kursus Kem Jati Diri Integriti Untuk Rekrut Baru Jabatan Penguatkuasaan, DBKL | De Rhu Beach Resort, Kuantan Pahang | 10-12 April |
| Ceramah Pemantapan Sahsiah : Program Qiamullail & Zikir Munajat Perdana Sempena Sambutan 'Israk Mikraj' Peringkat DBKL 2018 | Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 13-14 April |
| Seminar Tunjukkan Kuasamu, Wanita Tolak Rasuah dan Pelancaran Gerakan Wanita Anti Rasuah (G-WAR) Peringkat Wilayah Persekutuan | Institut Latihan DBKL | 23 April |
| Kursus Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Institut Latihan DBKL | 24-25 April |
| Kursus Eksplorasi Insani Untuk Kakitangan PRO ADU 1 KL Jabatan Perancangan Korporat, DBKL | Holiday Villa, Cherating Pahang | 25-27 April |
| Program Qalibun Salim Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan | 28 April |
| Program Pemantapan Rohani Qiamullail Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Surau Balai Islam, Jalan Tun Razak | 2 Jun |
| Program Majlis Khatam Al-Quran Perdana DBKL 1439H | Dewan Perdana Mestika, IDB | 7 Jun |
| Walk Stop Talk : Six Hour Quarter Million Message 2018 | Dataran DBKL | 7 Julai |
| Kursus Pengukuhan Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, DBKL Siri 2/2018 | Seri Suasana | 18-20 Julai |
| Kursus Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Institut Latihan DBKL | 30-31 Julai |
| Seminar Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan | Dewan Jejantas, JAWI | 2 Ogos |
| Program Ceramah Pemantapan Pemikiran : Seminar Halalan Taiyiban | Masjid Almuqarrabin, Bandar Tasik Selatan | 16 Ogos |
| <i>Retreat</i> Kajian Pertindihan Fungsi Penyelamat (JPK), Skuad Kecemasan (JKAS) & Unit Pokok Rendang (JPLR) | Avillion, Port Dickson | 2- 4 September |
| Forum Bicara Integriti Daie Selebriti Sempena Maal Hijrah Peringkat DBKL 1440 /2018 Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL | Dewan Perdana Mestika, IDB | 13 September |
| Kursus Smart Insani (Modul Explorasi Insani) Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja dan Jabatan Kebudayaan Kesenian Pelancongan dan Sukan DBKL | Seri Suasana | 26 - 28 September |
| Lawatan ke SPRM WPKL | SPRM WPKL | 4 Oktober |
| Sustainable Leadership & Integrity Management <i>Retreat</i> 2018 untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Integriti, DBKL | Kalumpang Resort & Training Centre | 12-14 Oktober |

bersambung...

... sambungan

| PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|--------------------------|
| Ceramah Pemantapan Ibadah : Kursus Pengurusan Jenazah Perdana 1440 H/2018 | Masjid Saidina Hamzah, Kampung Batu Muda | 16 Oktober |
| Kursus Integriti Berasaskan Nilai Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL Siri 2/2018 | Institut Latihan DBKL | 23-24 Oktober |
| Forum Perdana Ehwal Islam (LIVE)DBKL Sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat Wilayah Persekutuan | Dewan Perdana Mestika, IDB | 8 November |
| Kursus Smart Insani (Modul Explorasi Insani) Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penguatkuasaan DBKL | Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur Besut, Terengganu | 28 November – 1 Disember |

Program integriti ini diadakan adalah untuk membangunkan modal insan peserta dalam mengamalkan nilai-nilai murni dan meningkatkan tahap integriti warga DBKL. Selain itu, program-program yang diadakan juga adalah untuk memotivasikan warga DBKL bagi mempersiapkan diri ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti di samping membentuk sahsiah peribadi.



Forum Perdana Ehwal Islam (live) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat Wilayah Persekutuan. Dewan Perdana Mestika, IDB . 8 November 2018



Forum Bicara Integriti Daie Selebriti Sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat DBKL 1440H/2018 untuk pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dewan Perdana Mestika, IDB. 13 September 2018



SEKTOR PERANCANGAN





Jabatan Perancangan Bandaraya

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Perancangan Bandar telah ditubuhkan pada tahun 1984. Melalui Penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015, Jabatan Perancangan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Perancangan Fizikal dan terbentuklah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 2.1 Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur.
- 2.2 Pengurusan Pelaksanaan Pelan- pelan Tempatan.
- 2.3 Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.4 Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.5 Penyediaan Garis Panduan Perancangan.
- 2.6 Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL.
- 2.7 Perancangan Bandar Mampan.
- 2.8 Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Melaksanakan perkhidmatan kawalan perancangan bertepatan dengan wawasan, dasar dan strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur.
- 3.2 Mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang efektif di antara jabatan dengan orang awam.
- 3.3 Memastikan perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan.
- 3.4 Memastikan pegawai dan kakitangan jabatan diberi latihan yang secukupnya bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.

4.0 BAJET

4.1 Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan

- i) Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | JUMLAH (RM) | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| · Peruntukan yang Diluluskan | RM 14,237,700.00 | |
| · Perbelanjaan | RM 13,114,087.00 | 92.11 |

4.2 Sektor Perancangan Fizikal

i) Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | JUMLAH (RM) | PERATUS (%) |
|------------------------------|-----------------|-------------|
| · Peruntukan yang Diluluskan | RM 1,378,900.00 | 87.09 |
| · Perbelanjaan | RM 1,200,815.23 | |

ii) Perbelanjaan Pembangunan

| PERKARA | JUMLAH (RM) | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| · Peruntukan yang Diluluskan | RM 20,788,200.00 | 88.31 |
| · Perbelanjaan | RM 18,357,573.78 | |

4.3 Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan

Bagi Vot peruntukan SS2200, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM13,114,087.00 (92%) daripada jumlah yang diperuntukan pada tahun 2018 sebanyak RM14,237,700.00 . Pengurangan peratus perbelanjaan tersebut menunjukkan bahawa pihak Jabatan telah mengambil inisiatif langkah berjimat cermat dalam berbelanja.

| PERKARA | JUMLAH (RM) |
|--|---------------------|
| Bajet 2018 | 14,237,700.00 |
| Perbelanjaan 2018 | 13,114,087.00 |
| Baki perbelanjaan sehingga 31/12/2018 | 1,123,612.00 |

4.4 Sektor Perancangan Fizikal

Sektor Perancangn Fizikal telah membelanjakan sebanyak **RM19,558,389.01 (88%)** daripada jumlah keseluruhan bajet yang diperuntukan pada tahun 2018 sebanyak **RM22,167,100.00**. Pengurangan peratus perbelanjaan tersebut menunjukkan bahawa pihak Jabatan telah mengambil inisiatif langkah berjimat cermat dalam berbelanja

| JENIS PERBELANJAAN | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|--------------------|----------------------|----------------------------|
| Mengurus | 1,378,900 | 1,200,815.23 |
| Pembangunan | 20,788,200 | 18,357,573.78 |
| JUMLAH | 22,167,100.00 | 19,558,389.01 (88%) |


Jadual 11 : Peruntukan dan Perbelanjaan tahun 2018

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

5.1 Seksyen Penyelarasan Perancangan

(i) Pengawasan Pembangunan Dan Penilaian Permohonan Lesen

Ulasan terhadap Permohonan Lesen Premis yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja melalui Sistem E-Lesen berjaya 100% diproses dan diberi maklumbalas mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti di dalam Carta 2.



Carta 2: Statistik Permohonan Baru Lesen Premis Dan Komposit Tahun 2018

| PERKARA | PREMIS | KOMPOSIT | JUMLAH |
|--------------------------|--------------|--------------|---------------|
| JUMLAH PERMOHONAN | 9,335 | 6,537 | 15,872 |

(ii) Aduan Awam

Sejumlah 127 Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui sistem iSPAAA sepanjang tahun 2018 dan telah diselesaikan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 hari bekerja.

| BULAN | ADUAN AWAM YANG DITERIMA | TINDAKAN JABATAN |
|---------------|--------------------------|------------------|
| Januari | 20 | 4 |
| Februari | 13 | 7 |
| Mac | 4 | 1 |
| April | 5 | - |
| Mei | 8 | 2 |
| Jun | 3 | 1 |
| Julai | 16 | 2 |
| Ogos | 32 | 16 |
| September | 9 | 3 |
| Oktober | 8 | 2 |
| November | 8 | 4 |
| Disember | 1 | 1 |
| JUMLAH | 127 | 43 |

Jadual 5 : Bilangan dan Status Aduan Awam Melalui Sistem iSPAAA bagi Tahun 2018

(iii)Garis Panduan Perancangan

Sejumlah lima (5) garis panduan perancangan telah disediakan bagi tahun 2018. Garis panduan tersebut adalah:-

- i. Garis Panduan Perancangan Backpackers Hotel
- ii. Garis Panduan Perancangan Hotel Kapsul


- iii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kereta Kenderaan
- iv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan Pangsapuri Servis
- v. Garis Panduan Perancangan Pembangunan Small Office Home Office (SOHO)

Pada tahun 2019, kesemua garis panduan ini akan diterbitkan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta akan mula diedarkan kepada pihak-pihak berkepentingan termasuklah perunding, pemaju hartanah dan lain-lain setelah proses penerbitan garis panduan ini selesai dijalankan.

5.2 Sektor Kawalan Pembangunan

(i) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS)

Sebanyak 129 kali Mesyuarat JKPS telah diadakan sepanjang tahun 2018 yang melibatkan pelbagai kategori iaitu JKPS 1 (*Full Board*), JKTPS (Teknikal) dan JKPS 2 seperti di dalam Carta 3 di bawah:-



Carta 3: Bilangan Mesyuarat JKPS mengikut jenis tahun 2018

(ii) Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Melalui Urusetia Pusat Setempat / One Stop Centre (OSC)

Sebanyak 6,769 permohonan telah diterima oleh OSC melibatkan 5 jenis permohonan. D daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,417 permohonan (94.79%) telah diselesaikan dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan seperti di Jadual 6 di bawah:-

| JENIS PERMOHONAN | BIL PERMOHONAN | SELESAI | | DALAM PROSES |
|---------------------|----------------|-----------------------|-------------------|--------------------|
| | | DALAM TEMPOH PIAGAM | MELEBIHI PIAGAM | |
| Serentak | 703 | 584 | 23 | 96 |
| Kebenaran Merancang | 1,353 | 1,244 | 4 | 105 |
| Pelan Kejuruteraan | 257 | 224 | 2 | 31 |
| Pelan Bangunan | 4,448 | 4,365 | 8 | 74 |
| CFO | 8 | 1 | 0 | 7 |
| JUMLAH | 6,769 | 6,418 (94.81%) | 37 (0.55%) | 314 (4.64%) |

Jadual 6 : Statistik Permohonan diterima melalui OSC Tahun 2018

(iii) Pengeluaran Perintah Pembangunan

Sebanyak 901 Perintah Pembangunan (DO) telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak 200 Perintah Penolakan telah dibuat kerana tidak menepati syarat-syarat Perintah Pembangunan dan tamat tempoh pengemukaan pindaan. Keterangan lengkap seperti di Jadual 7 di bawah.

| KATEGORI / BULAN | JANUARI | FEBRUARI | MAC | APRIL | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPTEMBER | OKTOBER | NOVEMBER | DESEMBER | JUMLAH |
|---|------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|-----------|------------|
| (i) Pembinaan bangunan-bangunan baru | 30 | 17 | 25 | 18 | 17 | 15 | 11 | 10 | 12 | 16 | 11 | 10 | 192 |
| (ii) Penukaran kegunaan tanah | 9 | 4 | 9 | 2 | 6 | 6 | 3 | 2 | - | 14 | 4 | 4 | 63 |
| (iii) Penambahan ketumpatan penduduk | 1 | 1 | 2 | 2 | 8 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | - | 20 |
| (iv) Pindaan kepada pelan yang diluluskan | 17 | 13 | 12 | 18 | 17 | 15 | 5 | 7 | 12 | 10 | 9 | 6 | 141 |
| (v) Tambahan dan perubahan | 10 | 21 | 10 | 12 | 18 | 8 | 14 | 15 | 12 | 17 | 19 | 11 | 167 |
| (vi) Bangunan / pembinaan sementara | 5 | 10 | 10 | 2 | 3 | 2 | 2 | 6 | 5 | 5 | 1 | 2 | 53 |
| (vii) Penukaran sementara kegunaan bangunan | 1 | 1 | 3 | 3 | 2 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | 3 | 1 | 17 |
| (viii) Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | - | - | - | - | 3 | 3 |
| (ix) Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot) | 2 | 5 | 3 | 4 | 4 | 3 | 5 | 5 | 1 | 5 | 3 | 5 | 45 |
| JUMLAH | 75 | 72 | 74 | 61 | 75 | 50 | 41 | 47 | 44 | 69 | 51 | 42 | 701 |
| (x) Perintah Penolakan | 26 | 7 | 21 | 4 | 5 | 8 | 11 | 8 | 18 | 6 | 57 | 29 | 200 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 101 | 79 | 95 | 65 | 80 | 58 | 52 | 55 | 62 | 75 | 108 | 71 | 901 |

Jadual 7 : Perintah Pembangunan Tahun 2018

(iv) Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah diwartakan pada 4 November 2004 dan tempoh pemakaian adalah sehingga tahun 2020. Sehubungan dengan itu, bermula November 2017 Seksyen Pelan Struktur telah memulakan Kajian Semakan PSKL 2020. Pada 2 Januari 2018 perunding AJM Planning telah dilantik sebagai pakar runding bagi kajian ini. Sehingga 31 Disember 2018, kajian ini berada di peringkat Laporan Draf Semakan PSKL.

| BIL | PERINGKAT KAJIAN | MESYUARAT / TARIKH |
|-----|----------------------|---|
| 1. | Laporan Awal | Jawatankuasa Kerja : 26.2.2018 Jawatankuasa Teknikal : 28.2.2018 |
| 2. | Laporan Penemuan | Jawatankuasa Kerja : 4.6.2018 Jawatankuasa Teknikal : 11.6.2018 Jawatankuasa Pandu : 20.6.2018 |
| 3. | Laporan Draf Semakan | Jawatankuasa Kerja : 29.8.2018 Jawatankuasa Teknikal : 12.9.2018 Jawatankuasa Pandu : 19.9.2018 |

bersambung...

... sambungan

| BIL | PERINGKAT KAJIAN | MESYUARAT / TARIKH |
|-----|--------------------|--|
| 4. | Laporan Draf Akhir | *Keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk tempoh perkhidmatan perunding bagi Kajian Semakan PSKL2020 dilanjutkan untuk diselaraskan dengan penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040. (Minit Mesyuarat Taklimat Pelan Pembangunan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 9 November 2018). |

Jadual 12 : Peringkat Kajian Semakan PSKL 2020 dan mesyuarat jawatankuasa yang telah diadakan.

| BIL | BENGGEL | TARIKH |
|-----|--|------------|
| 1. | Bengkel Dialog Kumpulan Dalaman DBKL di Hotel Pullman, Bangsar Kuala Lumpur | 19.3.2018 |
| 2. | Mini FGD bersama Penganjur Industri Ekonomi Bandar Raya Di Premis Perunding AJM | 28.5.2018 |
| 3. | Bengkel Halatuju Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur | 22.10.2018 |

Jadual 13 : Program/bengkel yang telah diadakan untuk Kajian Semakan PSKL 2020 sepanjang tahun 2018.

Bengkel Dialog Kumpulan Dalaman DBKL Bagi Tujuan Kajian Semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Tujuan bengkel Siri I ini untuk mendapatkan pandangan awal dan isu-isu berbangkit penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur yang berikutnya.

- (i) Mengemaskini, menyemak strategi-strategi di dalam draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020
- (ii) Mendapatkan input awal mengenai visi dan aspirasi Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf global.
- (iii) Memastikan ketersediaan data yang diperlukan untuk semua parameter yang dipersetujui

Bengkel Halatuju Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) Bagi Kajian Semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL2020). Tujuan bengkel Siri III ini untuk mendapatkan maklumbalas daripada pengurusan DBKL dan Kementerian Wilayah serta agensi terpilih berkaitan Visi dan Matlamat PSKL2040 dan cadangan-cadangan tindakan untuk pelaksanaan.



Bengkel Dialog Kumpulan Dalaman DBKL di Hotel Pullman, Bangsar Kuala Lumpur pada 19.3.2018



Bengkel Halatuju Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040), Hotel Sri Pacific pada 22.10.2018

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah diwartakan pada 4 November 2004 dan tempoh pemakaian adalah sehingga tahun 2020. Sehubungan dengan itu, bermula November 2017 Seksyen Pelan Struktur telah memulakan Kajian Semakan PSKL 2020. Pada 2 Januari 2018 perunding AJM Planning telah dilantik sebagai Pakar Runding bagi kajian ini. Sehingga 31 Disember 2018, kajian ini berada di peringkat Laporan Draft Semakan PSKL.

(v) Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur

Pelan Tempatan merupakan sebuah pelan yang di hasilkan secara terperinci melalui penterjemahan dasar, strategi dan cadangan yang terkandung dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur. Pelan Tempatan bagi Kuala Lumpur dikenali sebagai Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah diwartakan pada 30 Oktober 2018 yang merangkumi tiga dokumen berikut:


- Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 1)
- Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 2)
- Kaedah-kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018



Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 1)



Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 2)



Kaedah-kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018

Pelan ini mula dijual dan disemak di Lobi Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur oleh orang awam pada 12 November 2018. Unjuran perancangan Pelan Tempatan ini adalah sehingga tahun 2020. Sehubungan itu, beberapa persiapan awal telah dirancang bagi menyediakan Pelan Tempatan yang baru iaitu dengan mengadakan sesi pra rundingan awam. Sesi pra rundingan awam ini bertujuan mendapatkan pandangan, saranan dan buah fikiran dari semua pihak yang berkepentingan dan warga kota Kuala Lumpur sebagai input bagi penyediaan Terma Rujukan untuk kajian Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040. Sesi pra rundingan dijangka dilaksanakan pada awal tahun 2019.

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
NOTIFICATION OF ADOPTION OF THE DRAFT LOCAL PLAN FOR THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR

IN exercise of the powers conferred by section 16 of Federal Territory (Planning) Act 1982 (Act 267), the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, with the approval of the Minister, has adopted the draft local plan for the Federal Territory of Kuala Lumpur named as Kuala Lumpur City Plan 2020 on 5 September 2018.

A copy of the Kuala Lumpur City Plan may be inspected or purchased during office hours at the Department of Town Planning, Level 13, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur from 12 November 2018.

The fee for a copy of the Kuala Lumpur City Plan 2020 shall be as prescribed in the Federal Territory (Planning) (Fees For Purchase of Local Plan) Rules 2018. The fees for the purchase of a copy of the local plan under section 16 of the Act, that is Kuala Lumpur City Plan 2020 shall be as specified in the Schedule.

| SCHEDULE [Rule 2] | | |
|-----------------------|-----------------|--|
| (1) Copy | (2) Fee (RM) | |
| (a) National language | | |
| (i) hard copy | 200.00 | |
| (ii) electronic form | 150.00 | |
| (b) English language | | |
| (i) hard copy | 250.00 | |
| (ii) electronic form | 150.00 | |

30 October 2018
 Commissioner of the City of Kuala Lumpur
 www.dbkl.gov.my

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN, 1982
PEMBERITAHUAN PENERIMAAN DRAF PELAN TEMPATAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR


PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (AKTA 267), Datuk Bandar Kuala Lumpur, dengan kelulusan Menteri, telah menerima draf pelan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dinamakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 pada 5 September 2018.

Sesalinan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 boleh diperiksa atau dibeli pada waktu pejabat di Jabatan Perancangan Bandaraya, Tingkat 13, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dari 12 November 2018.

Fi bagi salinan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Fi Bagi Pembelian Pelan Tempatan) 2018. Fi bagi pembelian salinan pelan tempatan di bawah seksyen 16 Akta, iaitu Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

| JADUAL [Kaedah2] | | |
|------------------------|----------------|--|
| (1) Salinan | (2) Fi (RM) | |
| (a) Bahasa kebangsaan | | |
| (i) salinan cetak | 200.00 | |
| (ii) bentuk elektronik | 150.00 | |
| (b) Bahasa Inggeris | | |
| (i) salinan cetak | 250.00 | |
| (ii) bentuk elektronik | 150.00 | |

30 Oktober 2018
 DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
 www.dbkl.gov.my


 Oktober 2018
 October 2018
 P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN (KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2018

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (CLASSES OF USE OF LAND AND BUILDINGS) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2018

DISIARKAN OLEH/
 PUBLISHED BY
 JABATAN PEGUAM NEGARA/
 ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PELAN BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 2020
Ke Arah Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia



Penjualan
 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020

Tarikh : 12 November 2018 - 7 Disember 2018
Masa : 8.00 hingga 4.30 petang
Tempat : Lobi dan Tingkat 13 Menara DBKL1

Tarikh : Bermula 10 Disember 2018
Masa : 8.00 hingga 4.30 petang
Tempat : Tingkat 13, Menara DBKL1

| Bahasa Kebangsaan | RM |
|--------------------------------------|-----|
| Salinan Cetak | 200 |
| Bentuk Elektronik (USB Flash Drives) | 150 |
| Bahasa Inggeris | |
| Salinan Cetak | 250 |
| Bentuk Elektronik (USB Flash Drives) | 150 |

 Jabatan Perancangan Bandaraya
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



(vi) Unit Bandar Hijau

- **Pembangunan Kejiranan dan Teknologi Hijau**
Pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan, Pembangunan dan Pelaksanaan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan Bil. 1/2018.
- **Pelan Tindakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)**
Pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan, Pembangunan dan Pelaksanaan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan Bil. 1/2018 melibatkan 6 Teras dan 19 Tindakan.
- **Penyertaan 5 Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau**
Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2018 anjuran JPBD yang melibatkan lima (5) inisiatif iaitu; pemakluman ke arah Kuala Lumpur Rendah Karbon 2030 pada papan skrin, pewartaan empat (4) kawasan Rezab hutan, penyediaan laluan basikal, laluan pejalan kaki, pembangunan kebun kejiranan, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan dan program pengkomposan sisa.
- **Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (LCSB2030)**
Mengadakan empat (4) sesi *Focus Group Discussion* (FGD) iaitu *Retreat 1* (18 -19 Jan 2018, Seri Pacific Hotel), *Retreat 2* (16-18 Ogos 2018, Hatten Place Hotel), *Retreat 3* (24-26 Sept 2018, Hotel Colmar Tropicale, Bukit Tinggi) dan *Retreat 4* (30 Sept – 2 Okt 2018, Hotel Thistle, Port Dickson).
- **Program Petunjuk Bandar Mampan Malaysia (MURNInets)**
Pengumpulan data dan maklumat kemampanan Kuala Lumpur berdasarkan kriteria yang ditetapkan daripada agensi, jabatan DBKL dan komuniti. Maklumat ini dikemukakan kepada PLANMalaysia selaku urusetia.
- **Konferen World Energy Cities Partnership (WECP 2018)**
Urusetia bagi Konferen antarabangsa *World Energy Cities Partnership* (WECP 2018): **POWERING CALLABORATION FOR A SUSTAINABLE FUTURE** pada 16-19 Oktober 2018 bertempat di Orchid & Dahlia, Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur Convention Centre.

• **Projek Newton-Ungku Omar Fund, Disaster Resilient Cities: Forecasting Local Level Climate Extremes And Physical Hazards For Kuala Lumpur**

Urusetia bagi projek yang dijalankan oleh Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM) dengan kerjasama *University of Cambridge*. Kolaborasi antara DBKL dan SEADRI-UKM serta sokongan daripada Dana Newton Ungku Omar memperkenalkan inisiatif baru dalam memperkemaskan operasi pengurusan bencana dengan mewujudkan *Multi Hazard Platform* bagi memberi amaran awal dan komunikasi risiko.

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|--|--|
| 1. | 15 Disember 2017 - 12 Disember 2018 | Mesyuarat Jawatankuasa Pandu |
| 2. | 1 Januari 2018, 13 September 2018, 29 Oktober 2019, 12 November 2018 | (i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal · JK Infrastruktur, JK Ekonomi, JK Takbir Urus, JK Alam Sekitar |
| 3. | 28 Februari 2018/3 Mei 2018/5 Sept. 2018 1 Mac 2018/ 4 Mei 2018/7 Julai 2018 9 Mac 2018/18 Mei 2018/29 Oktober 2018 12 Mac 2018/17 Mei 2018/29 Nov.2018 | (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja · JK Infrastruktur, JK Ekonomi, JK Takbir Urus, JK Alam Sekitar |

Jadual 14 : Senarai Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa LCSB 2030



Mesyuarat Jawatankuasa Pandu dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar



Retreat Jawatankuasa Teknikal Infrastruktur, Tadbir Urus dan Ekonomi bersama Pengarah Eksekutif



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

(vii) Unit Local Agenda 21 (LA21KL)

Berperanan sebagai Urusetia peringkat DBKL yang bertanggungjawab mempromosi dan membangun imej LA21KL melalui penyediaan Risalah/Buletin Berkala/Laporan Tahunan Kemajuan Pelaksanaan Program LA21KL, Laman Web LA21 KL dan barangan promosi seperti di Jadual 12 berikut.

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|--------------------------|--|
| 1. | 29-30 Januari 2018 | Sesi Pembentangan Tapak oleh (Peserta) 22 Kebun Kejiranan LA21KL untuk Anugerah Kebun Kejiranan Bandar 2019 |
| 2. | 1-28 Februari 2018 | Pertandingan Mencipta Logo dan Lagu KL Bebas Asap Rokok LA21 KL |
| 3. | Februari - Disember 2018 | Program Bengkel Jahitan Kreatif Sepanjang Tahun 2018 di Bawah Projek Pembangunan Sosio Ekonomi |
| 4. | 10-11 Februari 2018 | Lawatan Teknikal oleh Delegasi Antarabangsa dan Kebangsaan di PPR Raya Permai Sempena World Urban Forum Kuala Lumpur 2018 |
| 5. | 18 April 2018 | Program Tanam Pokok bersama US Navy di Seri Rampai |
| 6. | 21 April 2018 | Program Blueprint Kebersihan Bukit Bintang 'Jom Bersih Bukit Bintang 14, Jalan Jalan Bersih' LA21 KL |
| 7. | 11-13 Mei 2018 | Persidangan Kawalan Tembakau Asia Tenggara (SE Asia Conference On Tobacco Control 2018 – ACTC2018) |
| 8. | Mei - Disember 2018 | Kursus Pertanian Bandar untuk Komuniti (Peserta Kebun Kejiranan LA21 KL) |
| 9. | 18 Julai 2018 | Lawatan Tapak oleh Delegasi Penyelidik Antarabangsa dan Tempatan ke Kebun Kejiranan LA21 KL sempena Bengkel Newton Southeast Asia Regional Researcher Link Workshop 2018 |
| 10. | 29 September 2018 | Bonus Fun Walk 4 River |
| 11. | 3 Oktober 2018 | Taklimat dan Makluman Pelaksanaan Inisiatif KL Bebas Asap Rokok |
| 12. | 17 Oktober 2018 | Program Be Safe Feel Safe @ Bandar Selamat Brickfields |
| 13. | 20 Oktober 2018 | Program Blueprint Kebersihan Bukit Bintang 'Jom Bersih Bukit Bintang 15, Bersih dan Sihat' LA21 KL |
| 14. | 8 November 2018 | Luncheon Talk : Perkongsian ke Arah Bandar Raya Untuk Semua (Kerjasama dengan Unit Bandar Berdaya Tahan) |
| 15. | 14 November 2018 | Mesyuarat Induk Urusetia Penyelaras LA21KL Bil 1/2018 |

bersambung...

... sambungan

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|--------------------------|--|
| 16. | 16 November 2018 | Mesy Jawatankuasa Kecil Anugerah Kebun Kejiranan Bandar LA21 KL |
| 17. | November - Disember 2018 | Lawatan Penilaian Awal 22 Tapak Kebun Kejiranan sempena Anugerah Kebun Kejiranan |
| 18. | 10-11 Disember 2018 | Urusetia Pempamer Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) |
| 19. | 27 Disember 2018 | Majlis Menandatangani MOU bersama Rakan Kongsi Baru Kebun Kejiranan LA21 KL |

Jadual 15 : Program sepanjang tahun 2018 Unit LA21KL

Gambar-Gambar Program Unit LA21KL



Februari - Disember 2018 : Kursus jahitan kitar semula bunting dan banner di Kg. Ikan Emas



10-11 Februari 2018 : Banner promosi Lawatan Teknikal ke Taman Herba LA21 KL sempena WUF9 Kuala Lumpur



18 April 2018 : Program menanam pokok bersama US Navy anjuran Duta Rimba di Seri Rampai (Rakan Kongsi LA21 KL)



11-13 Mei 2018 : Persidangan Kawalan Tembakau Asia Tenggara (SE Asia Conference On Tobacco Control 2018 - ACTC2018)



29 September 2018 : Program Bonus Fun Walk 4 River



8 November 2018 : Luncheon Talk: Perkongsian ke Arah Bandar Raya Untuk Semua



20 Oktober 2018 : Taklimat Pengurusan Sisa di Program Jom Bersih Bukit Bintang 15



27 Disember 2018 : Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Datuk Bandar dan Rakan Kongsi Baru Kebun Kejiranan Bandar

(viii) Unit Bandar Pintar

- **Penyediaan Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur**

Menyelaras kerja-kerja perunding bagi menyiapkan Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur (Mesyuarat Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pandu, pembayaran perunding dan permohonan bajet dari EPU; membuat pelaporan status Pelan Induk Daya Saing Bandar kepada EPU setiap bulan; menghadiri *syndication meeting* bersama agensi).

- **Penterjemahan Pelan Induk kepada Pelan Tindakan Bandar Berdaya Saing**

Menyelaras pelaksanaan 71 Pelan Tindakan (*Project Implementation Briefs - PIBs*) di bawah Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur bersama 49 agensi dan kementerian serta jabatan-jabatan dalaman DBKL.

- Melaksanakan koordinasi di antara jabatan-jabatan DBKL, agensi-agensi kerajaan dan kementerian, penglibatan awam, dan NGO.
- Penyediaan kajian-kajian khas dalam skop Bandar Pintar dan Bandar Berdaya Saing (Arahan dari semasa ke semasa).

- **Penterjemahan Pelan Induk Jejak Warisan**
Menyelaras perancangan jejak warisan dalam pusat Bandar Kuala Lumpur agar selaras dengan Pelan Induk Jejak Warisan yang telah disediakan.
- **Penyediaan Kajian Penulisan Sejarah Jejak-jejak Warisan**
Menyelaras Perkhidmatan Penulisan Sejarah, Reka bentuk Panel Interpretasi dan Manual Garis Panduan Panel bagi Projek Penulisan Sejarah Panel Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur.
- **Penyediaan Pelan Induk Bandar Pintar**
Cadangan penyediaan Pelan Induk Bandar Pintar yang melibatkan kerja-kerja awal seperti *Literature Study* dan asas rujukan (TOR) kajian.
- **Pelaksanaan Program Bandar Pintar Dan 4**

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|-------------------|--|
| 1. | 7 Mac 2018 | Program Turun Padang Bagi Projek Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur Bersama Ahli Lembaga Penasihat DBKL |
| 2. | 3-4 April 2018 | Bengkel Memuktamadkan Draf Laporan Akhir Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur |
| 3. | 2 Ogos 2018 | Perbincangan Kawasan Projek Perintis Bagi Kajian Bandar Pintar Malaysia Bersama PLANMalaysia. |
| 4. | 6 Ogos 2018 | Bengkel Kumpulan Fokus Jalan Jejak Bukit Nenas dan Reka Bentuk Panel Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur. |
| 5. | 28-30 Ogos 2018 | Bengkel Proof Read dan Memuktamadkan Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur di Imperial Heritage Melaka |
| 6. | 14 September 2018 | Lawatan Turun Padang (TUPA) Bersama Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek Bagi Projek Heritage Trail 5 Fasa II. |
| 7. | 9 November 2018 | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Bagi Laluan Penceritaan Cerita Dalam Kenangan Bagi Projek Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur |
| 8. | 12 November 2018 | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Bagi Laluan Penceritaan Cerita Kampong Bharu Bagi Projek Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur |
| 9. | 15 November 2018 | Bengkel Kumpulan Fokus Pekan Lama Pudu dan Brickfield Bagi Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur. |
| 10. | 16 November 2018 | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Bagi Laluan Penceritaan Cerita Lake Garden, Puisi Jalan Parlimen dan Antara Kota Dan Hutan Bagi Projek Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur |
| 11. | 28 November 2018 | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Bagi Laluan Penceritaan Cerita KL HQ dan Tanah Keretapi Bagi Projek Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur |
| 12. | 28 November 2018 | Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Bagi Laluan Penceritaan Cerita Ong Mali Bagi Projek Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur |
| 13. | 29 November 2018 | Special Mention Award 2018 Untuk Malaysia Institue Planner Award (MIP) |

Jadual 16 : Program sepanjang tahun 2018 Unit Bandar Pintar

Gambar-Gambar Program Unit Bandar Pintar



3-4 April 2018 : Bengkel Memuktamadkan Draf Laporan Akhir Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur



6 Ogos 2018 : FGD Jalan Jejak Bukit Nenas dan Reka Bentuk Panel Penulisan Sejarah



28-30 Ogos 2018 : Bengkel Proof read dan Memuktamadkan Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur di Imperial Heritage Melaka



14 September 2018 : Lawatan Turun Padang (TUPA) Bersama Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek Bagi Projek Heritage Trail 5 Fasa II.



15 November 2018 : Bengkel Kumpulan Fokus Pekan Lama Pudu dan Brickfield Bagi Projek Penulisan Sejarah Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur



29 November 2018 : Special Mention Award 2018 Untuk Malaysia Institute Planner Award (MIP)

(ix) Unit Penjenamaan Bandar

Penjenamaan bandar yang efektif mampu mengubah persekitaran sesebuah bandar atau destinasi ke arah yang lebih kondusif bagi merencanakan lagi pembangunan ekonomi dan sosial penduduk. Penjenamaan bandar juga dilakukan bagi memperbaiki imej sesuatu kawasan bagi menarik lebih ramai pelancong, pelabur di samping mengalakkan masyarakat untuk terus menetap atau sebagai lokasi sesuai untuk bekerja dan belajar.

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|--------------------|---|
| 1. | 7-13 Februari 2018 | Lawatan Delegasi World Urban Forum 9 ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7 |
| 2. | 23 Julai 2018 | Bengkel Halatuju Menaiktaraf Kawasan Medan Pasar di Pejabat Think City |
| 3. | 23 Julai 2018 | Lawatan Delegasi Infrastructure Citynet & KLRTC XXXII ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7 |
| 4. | 13 Ogos 2018 | Taklimat Oleh Think City Mengenai Business Improvement District (BID) kepada DBKL dan Persatuan Peniaga Masjid India (MIBA) & Jalan TAR (BARRA) |
| 5. | 27 September 2018 | Lawatan Delegasi World Class Sustainable Cities (WCSC) 2018 ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7 |
| 6. | 20 Disember 2018 | Taklimat Oleh Think City Mengenai Projek Menaiktaraf Kawasan Sekitar Petaling Street (Madras Lane) Kepada PE (Perancangan) dan DBKL |

Jadual 17 : Program sepanjang tahun 2018 Unit Penjenamaan Bandar

Gambar-Gambar Program Unit Penjenamaan Bandar



7-13 Februari 2018 : Lawatan Delegasi World Urban Forum 9 ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7



23 Julai 2018 : Bengkel Halatuju Menaiktaraf Kawasan Medan Pasar di Pejabat Think City



13 Ogos 2018 : Taklimat Think City Mengenai Business Improvement District (BID) kepada DBKL dan Persatuan Peniaga Masjid India & Jalan TAR



20 Disember 2018 : Taklimat Think City - Projek Menaiktaraf Kawasan Sekitar Petaling Street (Madras Lane) kepada PE (Perancangan) dan DBKL



23 Julai 2018 : Lawatan Delegasi Infrastructure Citynet & KLRTC XXXII ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7



27 September 2018 : Lawatan Delegasi World Class Sustainable Cities (WCSC) 2018 ke Tapak Projek River Of Life, Precinct 7

(x) Unit Bandar Berdaya Tahan

Jadual 18 : Program sepanjang tahun 2018 Unit Bandar Berdaya Tahan

| BIL. | TARIKH | NAMA PROGRAM |
|------|-----------------|--|
| 1. | 15 Mei 2018 | Lawatan ke Pusat Integrasi Traffic Information System (ITIS) DBKL |
| 2. | 31 Mei 2018 | Lawatan Kerja Unit Bandar Daya Tahan Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah - Perkongsian Pengalaman dan Pelaksanaan Melaka Bandar Daya Tahan |
| 3. | 28-29 Jun 2018 | Workshop On Disaster Resilient Cities |
| 4. | 18 Julai 2018 | Lawatan Bengkel Newton di PPR Raya Permai |
| 5. | 8 November 2018 | Festival Perancangan Kebangsaan Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 Luncheon Talk : Perkongsian Pintar Ke Arah Bandar Raya Untuk Semua |

Gambar-Gambar Program Unit Bandar Berdaya Tahan



Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



8 November 2018 : Festival Perancangan Kebangsaan Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 di Biro Pelancongan KL, Jalan Tangsi



Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 FUNGSI JABATAN

Jabatan ini mempunyai 4 bahagian utama seperti berikut:

- (i) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- (ii) Bahagian Pembangunan
 - a. Unit Kawalan Pembangunan
 - b. Unit Perancangan Saliran dan Perparitan
 - c. Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan
 - d. Unit Permit Angkut Bahan
- (iii) Bahagian Perancangan
 - a. Unit Kajian Perancangan Infrastruktur
 - b. Unit Perancangan Jalan dan Saliran
 - c. Unit Kemudahan Pengangkutan Awam
- (iv) Bahagian Geomatik
 - a. Unit Pembangunan Tanah
 - b. Unit Pengukuran Utara
 - c. Unit Pengukuran Selatan
 - d. Unit Pengesanan Utiliti

Fungsi utama Jabatan ini adalah:

- i. Merancang keperluan serahan jalan dan menaiktaraf jalan sediaada berdasarkan kajian Impak Trafik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii. Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii. Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, sistem pengurusan air hujan (**MSMA**) dan pengeluaran sokongan **G17** (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran **CCC**.
- iv. Memproses permohonan permit angkut bahan.
- v. Menjalankan kerja pengukuran kejuruteraan, pengambilan tanah, permohonan tanah, utiliti dan geospatial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.
- vi. Berperanan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, mengisytiharkan jalan persendirian kepada jalan awam, menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalan raya, menyimpan rekod pelan piawaian dan menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk Nama Jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mengawal kerja-kerja pembangunan infrastruktur melalui kelulusan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembentung Pintu Masuk dan Perakuan Aliran Sirkulasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.
- 3.2 Merancang pembangunan infrastruktur jalan dan perparitan dengan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang.
- 3.3 Memastikan infrastruktur jalan dan perparitan yang dibina oleh pihak pemaju mematuhi pelan kelulusan dengan baik dan berfungsi dengan sempurna.

4.0 BAJET

4.1 Peruntukan Bajet Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|---------------|-------------|
| · Peruntukan Yang Diluluskan | RM 893,600.00 | 83.69 |
| · Perbelanjaan | RM 747,873.68 | |

4.2 Peruntukan Bajet Pembangunan

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-----------------|-------------|
| · Peruntukan Yang Diluluskan | RM 1,460,000.00 | 80.88 |
| · Perbelanjaan | RM 1,180,898.00 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

Majlis Pelancaran Garis Panduan
Jabatan Perancangan Infrastruktur,
28 Februari 2018, Lobi Menara DBKL 1



Retreat Semakan dan Pindaan Dokumen MS ISO
9001:2015, 9-11 Mac 2018, Avillion, Cameron Highlands



Sesi Pemakluman Awam Pelaksanaan '*Risk Based Inspection*' bagi Projek Pembangunan Berskala Kecil di Kuala Lumpur, 26 April 2018, Menara DBKL 1



Focus Group Discussions, *Kuala Lumpur Pedestrian and Bicycle Master Plan 2019-2028*, 9 Julai 2018, The Summit Hotel Kuala Lumpur



Kursus Pengurusan Rekod,
19 September 2018, Institut Latihan DBKL (IDB)



Aktiviti Bahagian Geomatik



Kerja pengukuran yang dilaksanakan di lapangan oleh kakitangan Bahagian Geomatik



Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana. Selain itu, JPEP memainkan peranan sebagai penyelaraskan projek-projek penswastaan.

Selaras dengan kemajuan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam memenuhi keperluan masyarakat dan menambahbaik kemudahan awam. DBKL melaksanakan projek pembangunan yang meliputi projek-projek jalan dan jambatan, pembangunan sosial, rekreasi dan kemudahan awam, pasar dan pusat penjaja, baik pulih sungai, pengindahan sungai dan sistem perparitan induk. Justeru, JPEP dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi atau disediakan mengikut jadual.

Misi utama JPEP adalah untuk mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara.

2.0 FUNGSI JABATAN

- (i) Menyelaraskan penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan;
- (ii) Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan penswastaan;
- (iii) Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
- (iv) Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
- (v) Menyelaraskan tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

3.0 OBJEKTIF

Mewujudkan bandar raya Kuala Lumpur bertaraf dunia yang maju, indah, sejahtera dan beridentiti tersendiri berdasarkan strategi perancangan yang mengarah kepada penyediaan infrastruktur, pembangunan sosio-ekonomi serta kemudahan sosial disamping meningkatkan kualiti hidup dari aspek sosio-budaya dan persekitaran mesra insan.

4.0 BAJET

Bahagian Pembangunan berperanan dalam menyelaraskan dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaraskan permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaraskan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

4.1 Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

Pada tahun 2018, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM1,058,522,000** dan pindaan peruntukan sebanyak **RM411,280,300** telah disalurkan bagi pembiayaan Projek Sedia Ada serta 29 Projek Siap (akaun akhir). Sebanyak **13** projek pembiayaan Kerajaan Pusat dan 17 dibawah NKRA dan Greater KL diselaraskan oleh unit ini. Selain itu, terdapat juga 10 Projek Khas yang dipertanggungjawabkan kepada Unit ini di antaranya adalah Tabung Penyelenggaraan Wilayah dan Perpustakaan oleh MRCB melalui program *Corporate Service Responsibility (CSR)*. Jadual 2.1.1 menunjukkan prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan bagi tahun 2018.

| SUMBER PEMBIAYAAN | KESELURUHAN | | |
|-------------------|----------------------|----------------------|-------------|
| | KOS PROJEK (RM) | PERUNTUKAN (RM) | BIL. PROJEK |
| DBKL | 5,429,809,848 | 819,872,000 | 298 |
| RMKe-11 | 1,461,590,605 | 177,800,000 | 13 |
| NKRA | 18,100,000 | 1,000,000 | 2 |
| GREATER KL | 1,578,520,230 | 44,900,000 | 15 |
| PETRONAS | 34,507,900 | 3,000,000 | 1 |
| LAIN-LAIN | 51,111,591 | 11,950,000 | 7 |
| JUMLAH | 8,573,640,174 | 1,058,522,000 | 336 |

Jadual 2.1.1 : Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2018

4.2 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB) dan Projek Khas DBKL dan Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan

Kedua-dua unit ini pula menyelaraskan projek-projek dari pembiayaan DBKL. Sebanyak 336 projek telah diluluskan pada tahun 2018. Jadual 2.2.1 di bawah ini menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek pada tahun 2018.

| SUMBER PEMBIAYAAN | PROJEK BARU | | | PROJEK SAMBUNGAN | | | KESELURUHAN | | |
|-------------------|--------------------|--------------------|-------------|----------------------|--------------------|-------------|----------------------|----------------------|-------------|
| | KOS PROJEK (RM) | PERUNTUKAN (RM) | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | PERUNTUKAN (RM) | BIL. PROJEK | KOS PROJEK (RM) | PERUNTUKAN (RM) | BIL. PROJEK |
| DBKL | 671,647,220 | 127,435,000 | 67 | 4,758,162,628 | 692,437,000 | 231 | 5,429,809,848 | 819,872,000 | 298 |
| RMKe-11 | - | - | - | 1,461,590,605 | 177,800,000 | 13 | 1,461,590,605 | 177,800,000 | 13 |
| NKRA | - | - | - | 18,100,000 | 1,000,000 | 2 | 18,100,000 | 1,000,000 | 2 |
| GREATER KL | - | - | - | 1,578,520,230 | 44,900,000 | 15 | 1,578,520,230 | 44,900,000 | 15 |
| PETRONAS | - | - | - | 34,507,900 | 3,000,000 | 1 | 34,507,900 | 3,000,000 | 1 |
| LAIN-LAIN | - | - | - | 51,111,591 | 11,950,000 | 7 | 51,111,591 | 11,950,000 | 7 |
| JUMLAH | 671,647,220 | 127,435,000 | 67 | 7,901,992,954 | 931,087,000 | 269 | 8,573,640,174 | 1,058,522,000 | 336 |


Jadual 2.2.1 Menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek 2018

Pada tahun 2018, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat 97.8% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,349,243,109.00. Peruntukan pindaan sebanyak RM320,876,300 diperlukan bagi memastikan projek pembangunan pada tahun 2018 dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Jadual 2.2.2 menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

| NAMA JABATAN | BIL PROJEK | PERUNTUKAN 2018 (RM) | BIL PROJEK | PINDAAN PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 30 DIS 2018 (RM) | BAKI PERUNTUKAN | PERATUS BELANJA (%) |
|---------------|------------|----------------------|------------|-------------------------|--|----------------------|---------------------|
| JKPB | 103 | 407,220,000 | 107 | 542,467,800 | 535,169,125.00 | 7,298,675.00 | 98.7% |
| JPPPB | 146 | 359,961,000 | 168 | 616,325,100 | 602,409,022.00 | 13,916,078.00 | 97.7% |
| JPPH | 10 | 136,970,000 | 11 | 43,981,500 | 43,598,311.00 | 383,189.00 | 99.1% |
| JPKKB | 18 | 42,350,000 | 21 | 116,430,000 | 113,302,709.00 | 3,127,291.00 | 97.3% |
| JPIF | 3 | 1,250,000 | 3 | 8,002,000 | 7,921,494.00 | 80,506.00 | 99.0% |
| JLR | 22 | 45,500,000 | 23 | 29,455,300 | 26,690,304.00 | 2,764,996.00 | 90.6% |
| JPRB | 10 | 6,400,000 | 11 | 5,265,000 | 4,407,642.00 | 857,358.00 | 83.7% |
| JKME | 17 | 52,371,000 | 19 | 11,935,800 | 10,402,274.00 | 1,533,526.00 | 87.2% |
| JKB | 2 | 2,100,000 | 2 | 2,573,300 | 2,494,003.00 | 79,297.00 | 96.9% |
| JPEP | 5 | 4,400,000 | 5 | 2,962,500 | 2,848,225.00 | 114,275.00 | 96.1% |
| JUMLAH | 336 | 1,058,522,000 | 370 | 1,379,398,300 | 1,349,243,109.00 | 30,155,191.00 | 97.8% |

Jadual 2.2.2 : Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2018

Jika dilihat dari aspek kategori status projek, status pelaksanaan mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 56%. Ini menunjukkan pembangunan di Kuala Lumpur rancak dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Manakala di peringkat penyediaan dokumen tender projek adalah yang terendah iaitu sebanyak 9%. Carta berikut menunjukkan peratusan keseluruhan status projek.



Carta 2.2.3 : Prestasi Fizikal Mengikut kategori Bagi Tahun 2018

4.3 Unit Pemantauan Projek DBKL dan Pengurusan Pembangunan

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil melalui pejabat-pejabat cawangan seperti berikut :

- i. Projek Kecil Infrastruktur
- ii. Projek Kecil Bekalan

Berikut merupakan perincian peruntukan dan perbelanjaan melalui projek-projek kecil sehingga Disember 2018.

| BIL | VOT | PROJEK / PERUNTUKAN | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | BELANJA TERKUMPUL (RM) | PERATUS (%) |
|---------------|------------|--|------------------------|------------------------|-------------|
| 1 | 6090206900 | Naiktaraf Dewan Masyarakat di seluruh WPKL | 1,500,000 | 806,539 | 54% |
| 2 | 6092500106 | Projek Kecil - Kerja-Kerja Struktur | 10,000,000 | 10,922,352 | 109% |
| 3 | 6092500107 | Projek Kecil - Projek-Projek Khas | 10,000,000 | 8,609,703 | 86% |
| 4 | 6092500115 | Projek Kecil - Kerja-Kerja Jalan dan Parit | 5,000,000 | 3,029,081 | 61% |
| 5 | 6093506600 | Naiktaraf Infrastruktur di Kawasan Kg. Tradisional | 5,000,000 | 1,615,933 | 32% |
| JUMLAH | | | 31,500,000.00 | 24,983,608.00 | 92% |

Jadual 2.3.1 - Prestasi Kewangan Projek Kecil (Infrastruktur) mengikut Jenis Peruntukan Bagi Tahun 2018

4.4 Unit Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil berkaitan infrastruktur dan bekalan. Penyelarasan projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Berikut adalah perincian:

| BIL | VOT | PROJEK / PERUNTUKAN | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | BELANJA TERKUMPUL (RM) | PERATUS (%) |
|---------------|------------|---|------------------------|------------------------|-------------|
| 1 | 6092500106 | Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Infrastruktur) | 1,775,863.17 | 1,775,863.17 | 100 |
| 2 | 6092500115 | Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Jalan Dan Parit) | 303,426.37 | 303,426.37 | 100 |
| 3 | 6092500107 | Peruntukan Khas JPEPP | 972,214.07 | 972,214.07 | 100 |
| 4 | 6093506600 | Infrastruktur Kg. Tradisional | 156,125.38 | 156,125.38 | 100 |
| 5 | 6090206900 | Menaiktaraf Dewan Masyarakat Sekitar Kuala Lumpur | 1,887.87 | 1,887.87 | 100 |
| JUMLAH | | | 3,209,516.86 | 3,209,516.86 | 100% |

Jadual 2.3.1 - Prestasi Perbelanjaan Projek pembangunan (Infrastruktur) Berskala Kecil

Sebanyak 200 Projek Kecil Infrastruktur dipohon pada tahun 2018 dengan jumlah sebanyak RM3.2 juta. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

| BIL | PEJABAT CAWANGAN | JUMLAH | | JABATAN | | | | | | JUMLAH |
|---------------|------------------|--------|------|---------|------|------|-------|------|-----|--------|
| | | PROJEK | SIAP | UPB | JKPB | JPLR | JPPPB | JKME | PCW | |
| 1 | Kepong | 4 | 1 | 3 | - | 1 | - | - | - | 4 |
| 2 | Cheras | 14 | 14 | 11 | 1 | 2 | - | - | - | 14 |
| 3 | Segambut | 7 | 7 | 5 | 2 | - | - | - | - | 7 |
| 4 | Seputeh | 5 | 5 | 4 | 1 | - | - | - | - | 5 |
| 5 | Wangsa Maju | 59 | 47 | 40 | 5 | 8 | 2 | - | 4 | 59 |
| 6 | Bandar Tun Razak | 37 | 27 | 34 | 1 | 1 | 1 | - | - | 37 |
| 7 | Bukit Bintang | 2 | 2 | 2 | - | - | - | - | - | 2 |
| 8 | Batu | 22 | 17 | 18 | 2 | 2 | - | - | - | 22 |
| 9 | Titivangsa | 10 | 7 | 5 | 1 | - | 3 | 1 | - | 10 |
| 10 | Lembah Pantai | 11 | 9 | 9 | 2 | - | - | - | - | 11 |
| 11 | Setiawangsa | 29 | 27 | 12 | 8 | 8 | 1 | - | - | 29 |
| JUMLAH | | 200 | 163 | 143 | 27 | 22 | 7 | - | - | 200 |

Jadual 2.3.2 - Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur 2017 Mengikut Pejabat Cawangan

Sebanyak RM2.7 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan/perkakasan kemudahan masyarakat mengikut pecahan berikut:

| BIL | PEJABAT CAWANGAN | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) | PERATUS (%) |
|---------------|------------------|--------------------------|-------------|
| 1 | Kepong | 98,542.00 | 3 |
| 2 | Cheras | 37,805.00 | 13 |
| 3 | Segambut | 296,222.00 | 10 |
| 4 | Seputeh | 271,860.00 | 9 |
| 5 | Wangsa Maju | 646,735.80 | 24 |
| 6 | Bandar Tun Razak | 606,777.40 | 22 |
| 7 | Bukit Bintang | - | - |
| 8 | Batu | 169,006.20 | 5 |
| 9 | Titiwangsa | 69,056.58 | 1 |
| 10 | Lembah Pantai | 159,438.80 | 5 |
| 11 | Setiawangsa | 270,237.00 | 8 |
| JUMLAH | | 2,625,681.58 | 100% |

Jadual 2.3.3 - Prestasi Bekalan Projek Kecil Pejabat Cawangan Bagi Tahun 2018

4.5 Unit Kuota Bumiputera

Pada tahun 2018, sebanyak 4 kali Mesyuarat Pelepasan Unit Kuota Bumiputera telah diadakan yang melibatkan 23 pemaju bagi permohonan pelepasan Unit Kuota Bumiputera iaitu sebanyak 2,260 unit. Daripada jumlah tersebut sebanyak 843 unit telah dilepaskan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

5.1 Unit Tempat Letak Kereta

DBKL melaksanakan konsep 'Smart Partnership' bersama-sama dengan syarikat swasta bagi pelaksanaan pengurusan tempat letak kereta di bawah kawal selia DBKL. Melalui konsep ini, pengurusan dan operasi tempat letak kereta dilaksanakan oleh syarikat swasta yang dilantik dengan komitmen bayaran sewa bulanan kepada DBKL berdasarkan kepada kutipan bayaran caj letak kereta.

Tempat letak kereta yang diuruskan oleh JPEP melibatkan 3 kategori seperti berikut :-

- (i) Tempat letak kereta bahu jalan
- (ii) Tempat letak kereta terkawal atas tanah lot
- (iii) Tempat letak kereta terbangunan

Sehingga Disember 2018 terdapat sebanyak 22 lokasi tempat letak kereta yang diuruskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP).

Bagi tahun 2018, kutipan hasil yang diterima oleh DBKL melalui sewa bulanan yang dibayar oleh operator berjumlah RM 12,102,062.10 seperti jadual berikut:

| BIL | KATEGORI | JUMLAH | PRESTASI 2018 (RM) |
|---------------|---|-----------|---------------------|
| 1 | Tempat Letak Kereta Terkawal Terbuka / Tanah Lapang | 14 | 933,313.60 |
| 2 | Tempat Letak Kereta Bertingkat Bangunan | 8 | 1,199,491.30 |
| 3 | Tempat Letak Kereta Bahu Jalan (SLKE) | 1 | 4,624,923.47 |
| JUMLAH | | 23 | 6,757,728.37 |

Jadual 3.1.1 - Kutipan Hasil Yang Diterima Oleh DBKL Melalui Sewa Bulanan Bagi Tahun 2018

5.2 Unit Telekomunikasi

Unit ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, melaksana, mengawalselia dan memantau pelaksanaan polisi pembangunan struktur telekomunikasi dengan mengambilkira keperluan industri dan kehendak warga kota. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab mendapatkan keputusan dan halatuju bagi isu-isu yang timbul berkaitan pembangunan telekomunikasi di kawasan pentadbiran DBKL.

Projek Penggantian Tiang Lampu Sedia Ada Milik DBKL Kepada Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi

Sejumlah sembilan (9) syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek ini. Sejumlah 528 kelulusan telah dikeluarkan dan sejumlah 438 struktur telah dibina dengan jumlah kutipan sebanyak RM 3,780,840.00.

Perunding Yang Dilantik

Bagi melicinkan urusan memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi, sebuah syarikat perunding telah dilantik iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Syarikat juga dipertanggungjawabkan mengenalpasti struktur-struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk tujuan Program Pemutihan. Prestasi kutipan hasil bagi memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut:

| BULAN | KUTIPAN (RM) |
|---------------|---------------------|
| Januari | 90,206.00 |
| Februari | 1,924,218.00 |
| Mac | 2,760,452.00 |
| April | 1,849,594.00 |
| Mei | 40,810.00 |
| Jun | 179,622.00 |
| Julai | 762,030.00 |
| Ogos | 474,644.00 |
| September | 466,254.00 |
| Oktober | 96,800.00 |
| November | 71,088.00 |
| Disember | 34,800.00 |
| JUMLAH | 8,750,518.00 |

Jadual 3.2.2 - Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2018

5.3 Unit RUMAWIP

Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 8 April 2013 adalah digubal bagi merealisasikan Dasar Perumahan Negara dicapai di Wilayah Persekutuan di mana keperluan pemilikan rumah disasarkan kepada keperluan penduduk yang disandarkan kepada kemampuan untuk membeli dan membayar. Sasaran iaitu sebanyak 65,000 unit di Kuala Lumpur dan 80,000 unit di Wilayah Persekutuan berdasarkan sasaran penyediaan 1 juta rumah mampu milik (RMM) dalam tempoh sepuluh (10) tahun mulai 2019 – 2028 melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan harga jualan RUMAWIP ditetapkan pada kadar tidak melebihi RM300,000 seunit dengan keluasan tidak kurang dari 800 kaki persegi.



Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bergambar bersama penerima kunci rumah pada majlis penyerahan kunci untuk Residensi Puchongmas di Puchong.



Majlis Perasmian Jualan Dan Permulaan Kerja Bangunan RUMAWIP Residensi Rampai II

Bahagian ini hanya bertanggungjawab dari aspek mengendalikan dan menyelaraskan maklumat - maklumat projek-projek RUMAWIP yang dilaksanakan melalui kaedah penswastaan DBKL dan penjualan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak termasuk tanah swasta/individu. Bilangan projek dan unit bagi pencapaian sehingga Disember 2018 adalah 52,499 unit dengan 80 projek dan perincian pencapaian adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

| Program | Siap | | Pembinaan | | Perintah Pembangunan | | Pertimbangan OSC | | Perancangan | | Jumlah | Bil. Projek |
|---------|--------|-------|-----------|--------|-------------------------|--------|---------------------|--------|-------------|------|--------|----------------|
| | Projek | Unit | Projek | Unit | Projek | Unit | Projek | Unit | Projek | Unit | | |
| RUMAWIP | 15 | 9,196 | 31 | 22,149 | 34 | 21,154 | 21 | 22,711 | - | - | 75,210 | 101 |

Jadual 1:

5.4 Bilangan Unit Pembinaan RUMAWIP di Bawah Seliaan JPEP DBKL

Bahagian ini adalah juga berperanan untuk membantu pihak KWP dalam menerima dan memproses permohonan pembelian unit bagi projek – projek RUMAWIP dibangunkan di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Laporan status semakan kelayakan permohonan kemudian dikemukakan kepada Urusetia RUMAWIP, KWP untuk kelulusan mematuhi tempoh masa 1 bulan dari tarikh tutup permohonan dan kaedah yang telah ditetapkan. Namun, bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RUMAWIP telah dipusatkan di KWP bagi memastikan pemantauan rapi dalam memastikan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh KWP. Status penjualan unit RUMAWIP di bawah seliaan JPEP adalah di Jadual 2 seperti berikut:

| BIL | PROJEK | PEMAJU | JUMLAH UNIT | JUMLAH UNIT TERJUAL | | BAKI | |
|-----|---------------------------------|--------------------------------------|---------------|---------------------|------------|--------------|--------------|
| | | | | JUMLAH | PERATUS | JUMLAH | PERATUS |
| 1 | RESIDENSI RAZAKMAS | ASET KAYAMAS SDN BHD | 427 | 425 | 99% | 2 | 1% |
| 2 | RESIDENSI PANDANMAS 2 | FABER VISTA SDN BHD | 1,920 | 1,920 | 100% | 0 | 0% |
| 3 | RESIDENSI KEPONGMAS | SINERJUTA SDN BHD | 1,514 | 1,494 | 99% | 20 | 1% |
| 4 | RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN | DANAU LUMAYAN SDN BHD | 512 | 510 | 99% | 2 | 1% |
| 5 | RESIDENSI WANGSAMAS | ERA ECOLAND SDN BHD | 441 | 439 | 94% | 2 | 1% |
| 6 | RESIDENSI GURNEYMAS | ERA ECOLAND SDN BHD | 274 | 272 | 99% | 2 | 1% |
| 7 | RESIDENSI JALILMAS | SINERJUTA SDN BHD | 1,050 | 1,020 | 99% | 30 | 3% |
| 8 | RESIDENSI DESAMAS | ERA ECOLAND SDN BHD | 323 | 293 | 85% | 31 | 10% |
| 9 | RESIDENSI ENESTA | THRIVEN AMONA SDN BHD | 254 | 253 | 83% | 1 | 1% |
| 10 | SKYAWANI 3 RESIDENCES | SKY SANCTUARY DEVELOPMENT SDN BHD | 1,905 | 1,483 | 58% | 422 | 24% |
| 11 | RESIDENSI DESA SATUMAS | GARUDA SEARAH SDN BHD | 1,346 | 820 | 29% | 526 | 39% |
| 12 | RESIDENSI VISTA WIRAJAYA | AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD | 515 | 469 | 70% | 46 | 9% |
| 13 | RESIDENSI PV9@ VISTA WIRAJAYA 2 | AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD | 438 | 324 | 74% | 114 | 26% |
| 14 | RESIDENSI AKASIA PERMAISURI | DWITASIK SDN BHD | 200 | 54 | 28% | 146 | 73% |
| 15 | RESIDENSI INSPIRIA | ALMAVENTURES DEVELOPMENT SDN BHD | 900 | 214 | 24% | 686 | 76% |
| 16 | RESIDENSI KUCHAIMAS | UJANA MUTIARA SDN BHD | 478 | 388 | 64% | 90 | 19% |
| 17 | RESIDENSI KEPONGMAS 2 | UJANA MUTIARA SDN BHD | 324 | 274 | 71% | 50 | 2% |
| 18 | RESIDENSI RAMPAI II | PANCARAN NILAI (M) SDN BHD | 308 | 172 | 13% | 136 | 87% |
| 19 | RESIDENSI TASIKMAS | UJANA MUTIARA SDN BHD | 463 | 448 | 95% | 15 | 3% |
| | | JUMLAH | 13,592 | 11,272 | 81% | 2,321 | 18.3% |

Jadual 2: Penjualan Unit Projek RUMAWIP di Bawah Seliaan JPEP



Residential Tower 1- Parcel A



Strata Office - Parcel C



Boutique Office 1, Boutique Office 2, Boutique Office 3 (Parcel C)



Mosque & Heritage House-Parcel D



Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kawalan Bangunan telah ditukar nama daripada Jabatan Kawalan dan Pengawasan Bangunan kepada Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) berkuatkuasa pada 17 November 2016 selarasnya dengan penstrukturan semula jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai satu ratus lima puluh tiga (153) orang.

2.0 FUNGSI

Kawalan bangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Dalam aspek penguatkuasaan, JKB melaksanakan tindakan fizikal dan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985. Disamping itu, JKB turut mengambil tindakan terhadap aduan awam, melaksanakan kerja-kerja meruntuhkan bangunan yang menyeleweng dari pelan diluluskan serta mengambil bahagian dalam menjalankan operasi-operasi khas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kekukuhan struktur dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam WPKL dipantau dengan melaksanakan Penguatkuasaan Pemeriksaan Berkala mengikut Seksyen 85A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan Akta A1286) dengan pengeluaran notis kepada pemunya bangunan-bangunan tinggi yang melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Visual/Struktur Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikemukakan.

Bangunan usang dan terbiar turut dikawalselia supaya dibersihkan atau dibaikpulih oleh pemunya dan program mengecat bangunan diselaraskan bagi memastikan semua bangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur bersih dan teratur.

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama:

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Penguatkuasaan Tapakbina, Permit dan Forensik Bangunan
- Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

3.0 OBJEKTIF

Memastikan kawalan bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan secara teratur serta mematuhi kehendak undang-undang/ dasar /polisi yang berkuatkuasa.

4.0 BAJET

Jabatan Kawalan Bangunan telah mendapat kelulusan peruntukan bajet bagi tahun 2018 dan pencapaian adalah seperti berikut :-

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN (RM) | PERATUS PERBELANJAAN |
|-------------------|-----------------|-------------------|----------------------|
| Bajet Mengurus | 11,422,800 | 9,914,313.35 | 86.8% |
| Bajet Pembangunan | 2,573,300 | 2,494,002.73 | 96.9% |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

5.1 Majlis Taklimat Proses Permohonan Kelulusan Perancangan Dan Pelan Bangunan Bagi Pusat Tahfiz Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selaras dengan hasrat YB Menteri Wilayah, Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad untuk memastikan semua Pusat Tahfiz di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan operasi secara sah dan selamat untuk diduduki, satu taklimat telah diadakan untuk memberi penerangan mengenai tatacara proses kelulusan pelan dari semua agensi terlibat telah dilangsungkan pada 12 Oktober 2018 bertempat di Hotel Putra Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Haji Mustafa Bin. Mohd Nor.

Majlis tersebut juga telah mendapat sambutan baik oleh Pengusaha-Pengusaha Pusat Tahfiz di sekitar Kuala Lumpur, juga turut mendapat sokongan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Agama Wilayah (JAWI), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta NGO-NGO berkaitan.

Melalui sesi taklimat tersebut, para pengusaha Pusat Tahfiz telah diberi pendedahan mengenai tatacara untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan dan lesen operasi. Dalam masa yang sama taklimat tersebut turut memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa pentingnya mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan, sekali gus dapat mengenal pasti apakah punca serta masalah yang dihadapi oleh sesebuah Pengurusan Pusat Tahfiz tersebut.

Sehingga kini sebanyak 50 buah Pusat Tahfiz telah membuat prapendaftaran dengan DBKL dan disasarkan lebih banyak lagi Pusat Tahfiz yang telah beroperasi di sekitar WPKL akan tampil dan kemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen penuh dari semua agensi terlibat secara berperingkat kelak.

Nama Program : Sesi Pendaftaran Peserta Majlis Taklimat Proses Permohonan Kelulusan Perancangan Dan Pelan Bangunan Bagi Pusat Tahfiz Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lokasi : Hotel Putra, Kuala Lumpur.

Tarikh : 12 Oktober 2018.



Nama Program : Sesi Taklimat Majlis Taklimat Proses Permohonan Kelulusan Perancangan Dan Pelan Bangunan Bagi Pusat Tahfiz Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lokasi : Hotel Putra, Kuala Lumpur.

Tarikh : 12 Oktober 2018.



5.2 Bengkel Garis Panduan telah di adakan di Hotel Tamu pada 1hb. hingga 2hb. Oktober, 2018 bersama agensi dalaman dan luaran.

- (i) Cadangan garis panduan bilangan penghuni bagi sebuah kediaman dan rumah kedai penuh sesak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- (ii) Cadangan garis panduan bagi pembinaan tangga kecemasan (tangga ke-2) di luar bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan bangunan rumah kedai/ kedai pejabat (tingkat 1 dan ke atas).
- (iii) Garis panduan asrama sementara pekerja dalam bangunan bertingkat di tapak binaan.
- (iv) Pengesyoran untuk mengenakan fee memproses permohonan kebenaran Kerja Lebih Masa Tapak Bina (KLM) & Kebenaran Khas Kerja Lebih Masa (*special permit* - KKKLM) dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Nama Program : Sesi Bengkel Garis Panduan

Lokasi : Hotel Tamu, Kuala Lumpur.

Tarikh : 1 Oktober 2018.



5.2.1 Sesi Pandangan Awam Garis Panduan.

Sesi Pandangan Awam bagi garis panduan telah diadakan pada 29hb. Oktober, 2019 bertempat di Dewan Megapuri, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut.

- Cadangan garis panduan bilangan penghuni bagi sebuah kediaman dan rumah kedai penuh sesak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Cadangan garis panduan bagi pembinaan tangga kecemasan (tangga ke-2) di luar bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan bangunan rumah kedai/ kedai pejabat (tingkat 1 dan ke atas).
- Garis panduan asrama sementara pekerja dalam bangunan bertingkat di tapak binaan.
- Pengesyoran untuk mengenakan fi memproses permohonan kebenaran Kerja Lebih Masa Tapak Bina (KLM) & Kebenaran Khas Kerja Lebih Masa (*special permit* - KKKLM) dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sesi pandangan awam ini diadakan untuk memberi peluang kepada orang awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan pandangan dan mendapatkan maklum balas terhadap program pemutihan yang dicadangkan sebelum dikuatkuasakan.

Nama Program : Sesi Pandangan Awam Garis Panduan JKB

Lokasi : Dewan Megapuri DBKL 1, Kuala Lumpur.

Tarikh : 29 Oktober 2018.



5.3 Lain-Lain Aktiviti Utama Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Jabatan Kawalan Bangunan) dengan kerjasama Bahagian Ukur Bangunan, Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia (RISM) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan **PERSIDANGAN BANGUNAN NASIONAL “JOINT BUILDING CONFERENCE (BS:RISM-DBKL-MyRBS) JBC 2 BERTEMAKAN PENGUKUHAN PRESTASI KAWALAN BANGUNAN DI MALAYSIA** pada 26 November 2018 bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Nama Program : Sesi Pandangan Awam Garis Panduan JKB

Lokasi : Dewan Megapuri DBKL 1, Kuala Lumpur.

Tarikh : 29 Oktober 2018.





SEKTOR PENGURUSAN PROJEK





Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan ini ditubuhkan pada 1976 dengan nama pertamanya Jabatan Pelaksanaan Projek Khas. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Antara projek-projek terawal jabatan adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar 1.

Lanjutan dari penyusunan semula organisasi DBKL, dari tahun 1989 hingga 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkitek.

Seterusnya, melalui penyusunan semula organisasi DBKL pada 2011, jabatan ini telah digabungkan dengan Bahagian Penyelenggaraan Perumahan Awam dan dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam. Seterusnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah digabung semula dengan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti (JPPPK) menjadikan jabatan ini ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan.

Selain terlibat dengan pelaksanaan projek-projek DBKL, jabatan ini juga terlibat dengan projek-projek di bawah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, antaranya Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kompleks Sukan dan Stadium, Pusat Komuniti dan Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja, Pasar, Surau, Tanah Perkuburan, Padang dan Gelanggang Sukan dan lain-lain lagi.

2.0 FUNGSI

Fungsi utama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan adalah mereka bentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi memastikan setiap fungsi ini dilaksanakan dengan lebih efisien, sistematik dan professional, pelaksanaan fungsi telah dipecahkan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:-

- 2.1 Bahagian Pengurusan Projek Bangunan yang bertanggungjawab dalam pentadbiran kontrak, penyeliaan pembinaan, pembayaran tuntutan projek dan pasca pembinaan.
- 2.2 Bahagian Reka bentuk, Dokumentasi Tender dan Pentadbiran pula bertanggungjawab dalam perancangan serta reka bentuk projek, penyediaan dokumentasi tender dan pengurusan perunding.
- 2.3 Bahagian Penyelenggaraan Bangunan yang bertanggungjawab dalam penyelenggaraan bangunan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan perancangan dan reka bentuk projek-projek bangunan dan kemudahan awam dilaksanakan mengikut amalan professional dan kehendak klien serta mematuhi undang-undang pihak berkuasa yang meluluskan.
- 3.2 Memastikan pelaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dijalankan dengan efisien, sistematik dan profesional.

- 3.3 Memastikan hasrat kerajaan dan DBKL dengan menanam budaya sayang kepada harta dan kemudahan awam bagi mengekalkan bandar raya yang cantik bersih dan selesa kepada kakitangan dan warga kota dengan penyelenggaraan yang sistematik dan berterusan.

4.0 BAJET

4.1 Perbelanjaan Pembangunan

- (i) Daripada sejumlah RM 555,693,760 yang diperuntukkan, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM548,538,156 dengan peratusan pencapaian sebanyak 91.4% di bawah peruntukan pembangunan 2018.
- (ii) Daripada perbelanjaan tersebut, sebanyak RM322,950,058.93 (58.87%) telah dibelanjakan untuk projek pembiayaan DBKL, RM39,214,474.07 (7.15%) bagi projek pembiayaan RMK-11, RM176,832,608 (32.24%) bagi pembiayaan di bawah program Greater KL dan RM9,541,015 (1.74%) bagi pembiayaan projek lain-lain termasuk TPIM.

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 555,693,760.00 | 89.07 |
| • Perbelanjaan | RM 548,538,156.00 | |

4.2 Perbelanjaan Mengurus

- (i) Dalam Bajet Mengurus 2018, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM50,127,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM31,280,000.00 diperuntukkan untuk belanja operasi penyelenggaraan dan RM18,847,000.00 pula untuk belanja mengurus pentadbiran. Sebanyak RM48,624,008.34 telah dibelanjakan dengan pencapaian 97.00% perbelanjaan.
- (ii) Perbelanjaan operasi penyelenggaraan bangunan-bangunan milik DBKL adalah untuk kerja awam, elektrik dan mekanikal.


| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 50,127,000.00 | 97.00 |
| • Perbelanjaan | RM 48,624,008.34 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Pengurusan Projek

(i) Projek Siap

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2018, Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan telah diperuntukkan sebanyak RM9,116,235.00 bagi membiayai projek-projek yang telah disiapkan. Pecahan peruntukan bagi Projek Siap mengikut jenis pembangunan adalah seperti di Carta 1.



Carta 1: Pecahan Peruntukan Projek Siap Mengikut Jenis Pembangunan

(ii) Surau PPR Bukit Jalil 1

| MAKLUMAT PROJEK | |
|-----------------|---|
| Tajuk | Cadangan Membina Surau di PPR Bukit Jalil 1 |
| Nama Kontraktor | Tetuan ID Niaga Enterprise Sdn Bhd |
| Tarikh Mula | 11 Januari 2017 |
| Tarikh Siap | 3 September 2018 |

Jadual 1: Maklumat Projek Surau PPR Bukit Jalil 1



Gambar 1: Tapak Cadangan Pembinaan Surau PPR Bukit Jalil 1 (SEBELUM)



Gambar 2: Tapak Cadangan Pembinaan Surau PPR Bukit Jalil 1 (SELEPAS)

(iii) Heritage Trail 7 & 8

| MAKLUMAT PROJEK | |
|-----------------|---|
| Tajuk | Cadangan Kerja-kerja Penambahbaik dan Pengindahan Bagi Jejak Pekan Dagangan Timah, Kuala Lumpur di bawah NKEA Greater KL/ Klang Valley, EPP7: Iconic Places |
| Nama Kontraktor | Tetuan Adamas Excel Sdn Bhd |
| Tarikh Mula | 29 Disember 2017 |
| Tarikh Siap | 6 November 2018 |


Jadual 2: Maklumat Projek Heritage Trail 7 & 8



Gambar 3: Keadaan Jalan Sultan berhampiran TIANG JING (SEBELUM)



Gambar 4: Keadaan Jalan Sultan berhampiran TIANG JING (SELEPAS)



Gambar 5: Jalan Tun HS LEE berhampiran Guan Li Temple (SEBELUM)



Gambar 6: Naiktaraf Laluan Pejalan Kaki di Jalan Tun HS LEE berhampiran Guan Li Temple (SELEPAS)




Gambar 7: Naiktaraf Pocket Park berhampiran MRT Pasar Seni (SELEPAS)

(iv) Tempat Letak Kereta PPR Intan Baiduri

| MAKLUMAT PROJEK | |
|-----------------|---|
| Tajuk | Cadangan Mereka bentuk, Membina dan Menyiapkan Tempat Letak Kereta di PPR Intan Baiduri (Pakej 3) |
| Nama Kontraktor | Tetuan L.B.H Engineering Sdn Bhd |
| Tarikh Mula | 12 April 2016 |
| Tarikh Siap | 6 November 2018 |

Jadual 3: Maklumat Projek Tempat Letak Kereta PPR Intan Baiduri



Gambar 8: Tapak Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta PPR Intan Baiduri (SEBELUM)



Gambar 9: Tapak Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta PPR Intan Baiduri (SELEPAS)

(v) Pocket Park Lucky Garden Bangsar

| MAKLUMAT PROJEK | |
|-----------------|--|
| Tajuk | Cadangan Menaiktaraf dan Pengindahan Siarkaki dan Pocket Park di Jalan Ara, Lucky Garden, Bangsar, Kuala Lumpur – Fasa 1 |
| Nama Kontraktor | Tetuan AZK Engineering Sdn Bhd |
| Tarikh Mula | 2 Mei 2018 |
| Tarikh Siap | 2 Ogos 2018 |

Jadual 4: Maklumat Projek Pocket Park Lucky Garden Bangsar



Gambar 10: Tapak Cadangan Pocket Park



Gambar 11: Pemandangan Laluan Pejalan Kaki di Jalan Utama (SEBELUM)



Gambar 12: Pemandangan Laluan Pejalan Kaki di Jalan Utama (SELEPAS)



Gambar 13: Pemandangan ke arah kawasan sekitar TNB SubStation (SEBELUM)



Gambar 14: Pemandangan ke arah kawasan sekitar TNB SubStation (SELEPAS)



Gambar 15: Pemandangan landskap Pocket Park (SELEPAS)



Gambar 16: Pemandangan Laluan Pejalan Kaki dari Jalan Ara (SEBELUM)



Gambar 17: Pemandangan Laluan Pejalan Kaki dari Jalan Ara (SELEPAS)

(vi) Pengindahan Lorong Belakang di Bukit Bintang

| MAKLUMAT PROJEK | |
|-----------------|--|
| Tajuk | Kerja-kerja Menaiktaraf Lorong Belakang dan Lorong Sisi Sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur |
| Nama Kontraktor | 1. Tetuan MAZT Resources Sdn. Bhd 2. Tetuan Perkasa Nagamas Services Sdn. Bhd 3. Tetuan AZK Engineering 4. Tetuan Kejuruteraan Kitaki Padu 5. Tetuan Hamazcorp Sdn. Bhd. |
| Tarikh Mula | 4 Oktober 2017 |
| Tarikh Siap | 30 November 2018 |


Jadual 5: Maklumat Projek Pengindahan Lorong Belakang di Bukit Bintang



Gambar 19: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Changkat (SEBELUM)



Gambar 20: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Changkat (SELEPAS)



Gambar 21: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Changkat (SEBELUM)



Gambar 22: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Changkat (SELEPAS)



Gambar 23: Panorama Keseluruhan Lorong Belakang Jalan Changkat (SELEPAS)



Gambar 24: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Rembia (SEBELUM)



Gambar 25: Pemandangan Lorong Belakang Jalan Rembia (SELEPAS)



Gambar 26: Pandangan Keseluruhan dari atas Lorong Belakang Jalan Rembia (SELEPAS)



Gambar 27: Panorama Keseluruhan Lorong Belakang Jalan Rembia (SELEPAS)



Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) mempunyai empat (4) Bahagian yang besar dan disokong oleh unit-unit di bawahnya. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah:

- (i) Bahagian Kejuruteraan Awam
- (ii) Bahagian Saliran
- (iii) Bahagian Pengangkutan Bandar
- (iv) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Perjawatan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar adalah seramai 681 terdiri daripada pelbagai jawatan dan gred.

2.0 FUNGSI

2.1 Penyelarasan Penyelenggaraan

Memastikan kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan perabot jalan dilaksanakan pada tahap yang baik mengikut spesifikasi jabatan dan keberkesanan kos bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya.

2.2 Kejuruteraan Cerun

- (i) Penyelenggaraan cerun di dalam rezab jalan dan tanah milik DBKL dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).
- (ii) Pemantauan kawasan-kawasan yang berkemungkinan mengalami runtuh / kegagalan cerun dan mengambil tindakan awal untuk memperbaikinya oleh kontraktor berpenggal Unit Cerun.
- (iii) Menjalankan kerja-kerja penyasatan dan pembaikan cerun yang berskala besar dengan kerjasama Tetuan Ikram Premier Consulting Sdn Bhd.
- (iv) Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala 290 lokasi cerun dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang merupakan KPI Unit Cerun.

2.3 Penyelenggaraan Jambatan

- (i) Mengawal dan mengemaskini sistem pengurusan jambatan.
- (ii) Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas jambatan, jejantas dan terowong pejalan kaki.
- (iii) Membuat pemeriksaan berkala terhadap jambatan, jejambat, jejantas dan terowong kenderaan.
- (iv) Mengambil alih jambatan, jejambat, jejantas dan terowong setelah siap dibina dan memeriksa inventori.
- (v) Menyelenggara dan membaikpulih jambatan, jejambat, jejantas, terowong pejalan kaki dan terowong kenderaan.

- (vi) Menyediakan dan meningkatkan aspek keselamatan terhadap jambatan, jejambat, jejantas, terowong pejalan kaki dan terowong kenderaan.

2.4 Parit Induk

- (i) Mengurus dan merangka program penyelenggaraan, pembaikan dan pembersihan sistem perparitan induk yang sistematik, teratur dan terancang;
- (ii) Menguruskan aduan berkenaan masalah yang berkaitan sistem perparitan induk;
- (iii) Menjalankan kerja-kerja kecemasan seperti yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/ Pentadbiran DBKL dari semasa ke semasa.

2.5 Tebatan Banjir

- (i) Mengeluarkan Surat Perintah Menjalankan Kerja
- (ii) Menyediakan Dokumen Kontrak
- (iii) Menyelaraskan dan Menyelia Tapak
- (iv) Menyediakan Perakuan Interim
- (v) Mengeluarkan Perakuan Siap Kerja
- (vi) Menyediakan Perakuan Muktamad
- (vii) Melaksanakan Pemeriksaan Berkala Dalam Tempoh Membaiki kecacatan
- (viii) Menyediakan Sijil Bayaran Kemajuan

2.6 Penyelenggaraan Sungai dan Kualiti Air

- (i) Membersihkan perangkap sampah terapung, statik skrin, *gross pollutant traps (GPT)* dan kebuk sampah.
- (ii) Memunggut sampah (*mopping-up*) di tebing sungai di kawasan Pusat Bandar.
- (iii) Memotong rumput /semak samun, belukar dan tumbuhan liar pada struktur sungai.
- (iv) Membersihkan sampah-sarap dan tumbuhan liar di tebing Kolam Takungan Banjir. (Kolam Bukit Tunku)
- (v) Menjalankan kerja-kerja pembersihan kelodak di perangkap kelodak dan Kolam Takungan Banjir. (KTB Lorong Maarof)
- (vi) Membaikpulih tebing 'L-Shape' yang runtuh. (Sg. Toba)
- (vii) Kerja-kerja pembersihan semak samun dan sampah sarap di tebing sungai. (Sungai Batu)
- (viii) Kerja-Kerja Menebang pokok di tebing sungai. (Sungai Gisir).

2.7 Pembinaan Dan Penyelenggaraan

- (i) Meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya melalui penyelenggaraan jejantas pejalan kaki dan siarkaki berbumbung.
- (ii) Pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan pengangkutan bandar seperti pondok menunggu bas / teksi.

2.8 Pengurusan Dan Kawalan Lalulintas

- (i) Pemasangan / Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Jalan Raya
- (ii) Papan Tanda Amaran Lalulintas Dan Tunjuk Arah

2.9 Pengurusan Pengangkutan Bersepadu (ITIS)

- (i) Pengumpulan data maklumat lalu lintas.
- (ii) Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalu lintas kepada pengguna jalan raya.
- (iii) Mengenalpasti lokasi-lokasi *hot spot*, banjir kilat, kemalangan dan kesesakan.
- (iv) Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.
- (v) Mengurus rekod-rekod rakaman CCTV untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan dan jenayah.
- (vi) Membuat kajian serta pemasangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan yang wajar.
- (vii) Menyediakan perancangan dan mewujudkan trafik model Kuala Lumpur.
- (viii) Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang digunakan di Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu seperti *Advanced Traffic Management System (ATMS)*, *Advanced Traffic Information System (ATIS)*, meliputi sistem laman web, *video streaming*, SMS Getway dan 3G Webcam.
- (ix) Merancang dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat trafik menggunakan teknologi terkini.
- (x) Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mereka bentuk dan membina infrastruktur jalan, saliran dan tempat letak kereta yang lengkap dan sempurna.
- 3.2 Mengurus sistem lalulintas dan menyediakan informasi trafik yang tepat dan terkini kepada pengguna jalan raya.
- 3.3 Menyenggara rangkaian jalan, jambatan, jejambat, jejantas, tempat letak kereta, terminal bas dan lampu isyarat yang efisien, selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya.
- 3.4 Menyenggara dan memelihara kapasiti sistem perparitan, sungai, kolam takungan banjir dan perangkap kelodak supaya berfungsi dengan baik bagi mengurangkan risiko banjir.
- 3.5 Mengawal selia serta membaikpulih cerun dalam rezab jalan bagi menjamin kestabilan cerun dan keselamatan pengguna jalan raya.

4.0 BAJET

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 220,192,400.00 | 96.44 |
| • Perbelanjaan | RM 212,343,698.56 | |

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 538,293,600.00 | 98.36 |
| • Perbelanjaan | RM 529,488,460.18 | |

4.3 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Kejuruteraan Awam dan Saliran

| KOD | BUTIRAN | RM | |
|---------------------------|------------------------|-----------------------|-----------------------|
| | | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| | Emolumen | 26,483,200.00 | 23,922,996.72 |
| S3200 | Perkhidmatan & Bekalan | 125,037,100.00 | 124,457,023.79 |
| | Aset (Inventori) | 62,400.00 | 59,764.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | 151,582,700.00 | 148,439,784.51 |

4.4 Bajet Pembangunan Bahagian Kejuruteraan Awam dan Saliran

| KOD | RM | |
|-------|----------------|----------------|
| | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| 61945 | 425,704,300.00 | 424,123,476.68 |
| 61950 | 75,169,000.00 | 71,734,683.50 |

4.5 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Pengangkutan Bandar

| KOD | BUTIRAN | RM | |
|---------------------------|------------------------|----------------------|----------------------|
| | | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| | Emolumen | 14,742,100.00 | 11,640,308.51 |
| S3300 | Perkhidmatan & Bekalan | 21,911,000.00 | 21,858,989.38 |
| | Aset (Inventori) | 23,300.00 | 22,864.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | 36,676,400.00 | 33,522,161.89 |

4.6 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Pengangkutan Bandar (ITIS)

| KOD | BUTIRAN | RM | |
|---------------------------|------------------------|----------------------|----------------------|
| | | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| S3310 | Perkhidmatan & Bekalan | 31,810,400.00 | 30,287,772.06 |
| | Aset (Inventori) | 122,900.00 | 93,980.10 |
| Jumlah Keseluruhan | | 31,933,300.00 | 30,381,752.16 |

4.7 Bajet Pembangunan Bahagian Pengangkutan Bandar dan IT IS

| KOD | RM | |
|-------|---------------|---------------|
| | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| 60940 | 33,630,300.00 | 29,926,726.80 |
| 65975 | 3,790,000.00 | 3,703,573.20 |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Seksyen Penyelenggaraan

| BIL | KETERANGAN | KOS (RM) |
|---------------|---|-----------------------|
| 1. | Membaikpulih dan menurap semula jalan utama/protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 27,000,000.00 |
| 2. | Projek-projek menaiktaraf jalan-jalan dan pembinaan jalan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 82,045,495.87 |
| 3. | Mempertingkatkan jalan-jalan dalam kawasan taman-taman perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 25,515,666.91 |
| 4. | Mempertingkatkan lorong-lorong sisi dan belakang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 6,999,778.07 |
| 5. | Penyelenggaraan jalan raya termasuk longkang | 17,981,332.71 |
| 6. | Penyelenggaraan papan tanda nama jalan dan pagar keselamatan | 1,800,000.00 |
| JUMLAH | | 161,342,273.56 |



Membaikpulih dan menurap semula jalan utama/protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Projek-projek menaiktaraf jalan-jalan dan pembinaan jalan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Mempertingkatkan jalan-jalan kawasan taman-taman perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

5.2 Aktiviti Pembinaan Infrastruktur di Kampung-Kampung

| BIL | KETERANGAN | KOS (RM) |
|---------------|--|-------------------|
| 1. | Kampung Tradisi & Kampung-Kampung Baru (New Village) Kuala Lumpur | 486,002.24 |
| JUMLAH | | 486,002.24 |



Pembinaan Infrastruktur di Kampung Tradisi



Kampung-Kampung Baru (New Village): Kampung Baru, Kuala Lumpur

5.3 Aktiviti-Aktiviti Penyelenggaraan Jalan



Jalan-jalan yang telah siap di turap



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Fungsi utama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal ialah merancang, mengurus dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal dan elektrikal DBKL yang melibatkan 24 buah jabatan.
- 1.2 Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal diketuai oleh Pengarah Jusa C, dibantu oleh Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua (2) orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam (6) orang Timbalan Pengarah Gred J48. Jabatan ini dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu Bahagian Elektrikal (terdiri dari Unit Lampu Jalan, Unit Projek Elektrikal 1 dan Unit Projek Elektrikal 2), Bahagian Projek Mekanikal (PM), Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal (SKM), Bahagian Pengangkutan, Bahagian Bengkel, Bahagian Stor dan Bahagian Pentadbiran. Bahagian Pentadbiran (Pentadbiran dan Kewangan) diletakkan terus dibawah Timbalan Pengarah Kanan.

2.0 FUNGSI

JKME bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, mereka bentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan juga pembekalan. Fungsi jabatan semakin berkembang dari segi skop peranan serta juga dari segi kuantiti beban kerja.

3.0 OBJEKTIF

Menyedia dan menyenggara sistem serta peralatan mekanikal dan elektrikal yang diperlukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam urusan Kuala Lumpur menuju ke sebuah Bandaraya yang bertaraf dunia dengan memupuk budaya kerja yang efisien dan efektif dengan merancang, mereka bentuk, melaksana, mengoperasi dan menyenggara perkhidmatan kejuruteraan mekanikal dan elektrikal.

4.0 BAJET



Peruntukan Jabatan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM193,321,900.00 juta. Peruntukan jabatan yang besar ini diagihkan kepada tiga perbelanjaan utama seperti berikut:-

- Mengurus - RM170,143,300.00
- Pembangunan - RM 11,888,600.00
- Pembangunan Aset Modal - RM 11,290,000.00

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 193,321,900.00 | 93.85 |
| • Perbelanjaan | RM 181,433,300.00 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

| ACARA | TARIKH | PENGLIBATAN | |
|--|---------------|---|---|
| | |  |  |
| • World Urban Forum 9 (WUF9) | 09/02 – 11/02 | 6 | 6 |
| • Wilayah International Motorfest 2018 | 22/02 – 25/02 | 7 | 7 |
| • Le Tour de Langkawi 2018 | 06/04 – 08/04 | 6 | 3 |
| • Standard Chartered KL Marathon 2018 | 26/05 – 31/05 | 62 | 58 |
| • Kejohanan Sukan Pantai SUKANUN 2018 | 09/05 – 15/05 | 12 | 12 |
| • Kejohanan Petanque Wanita Asia 2018 | 12/07 – 18/07 | 7 | 6 |
| • Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2018 (Floria 2018) | 16/07 – 04/09 | 42 | 42 |
| • Kejohanan Woodball Antarabangsa 2018 | 19/07 – 24/07 | 6 | 5 |
| • Sukan Malaysia Ke-19 Perak | 03/09 – 23/09 | 35 | 27 |
| • World Class Sustainable Cities 2018 (WCSC 2018) | 26/09 – 27/09 | 3 | 3 |
| • World Energy Cities Partnership Annual Grand Meeting 2018 | 12/10 – 21/10 | 44 | 44 |
| • OCBC Cycle 2018 | 10/11 – 11/11 | 3 | 3 |
| • Kejohanan Squasy Redtone KL Junior International 2018 | 03/12 – 10/12 | 4 | 4 |
| • Festival Gendang dan Tari Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (KL Genta 2018) | 03/12 – 12/12 | 31 | 27 |
| • Kejohanan Kanu Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 | 06/12 – 11/12 | 7 | 4 |
| • Kejohanan Integrasi MAKSZIP 2018 | 12/12 – 17/12 | 6 | 4 |
| | | 281 | 255 |

GAMBAR SISTEM DAN PERALATAN MEKANIKAL SELIAAN SENGGARAAN KEMUDAHAN MEKANIKAL



Rumah Pam Kawalan Banjir



Sistem Air Pancut dan Siraman



Mesin Spiral Waste Bin



Jejantas



Depoh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal



Krematorium



Eskalator



Waste Water Treatment Plant



Terowong



Kolam Biru

GAMBAR SISTEM DAN PERALATAN MEKANIK SELIAAN SENGGARAAN KEMUDAHAN MEKANIKAL

Lampu Jalan HPSV



Lampu Jalan LED (Retrofit)



Kerja-kerja Retrofit Lampu Jalan HPSV Kepada Lampu Jalan LED



Pemasangan Lampu Hiasan Tanglung Sempena Tahun Baru Cina 2018



Pemasangan Lampu Hiasan LED, Motif Merak dan Pelita sempena Deepavali 2018



Pemasangan Lampu Hiasan Ketupat Sempena Hari Raya Aidilfitri 2018



Pemasangan Lampu Hiasan Ketupat Sempena Hari Raya Aidilfitri 2018



Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan ini bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan rekreasi kepada warga kota dan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kecantikan Bandar Raya Kuala Lumpur secara berterusan ke arah mencapai visi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020. Selaras dengan visi dan misi Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi untuk menjadikan Kuala Lumpur Bandar Raya dalam Taman, kerja-kerja pengindahan sentiasa dipertingkatkan dan memperbanyakkan serta menaiktaraf kawasan rekreasi dan kemudahan riadah bagi semua peringkat umur dan golongan kurang upaya.
- 1.2 Program-program pengindahan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan taman dan kawasan landskap tetap berjalan lancar dan dari tahun ke tahun terdapat taman baru yang dibuka kepada orang ramai bertujuan untuk memberi keselesaan terutama kepada penduduk sekitar dan juga warga kota serta pengunjung-pengunjung dari luar Kuala Lumpur.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Dalam Taman.
- 2.2 Merancang, mereka bentuk dan membangunkan projek-projek landskap, taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga kota berpandukan pelan induk landskap Kuala Lumpur.
- 2.3 Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap serta pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan.
- 2.4 Mengintergrasikan jalinan hijau bagi perkembangan flora dan fauna dalam bandar dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan tanaman pokok-pokok di kawasan bahu jalan, sungai, pejalan kaki serta kawasan-kawasan lapang.
- 2.5 Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat.
- 2.6 Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.
- 2.7 Melaksanakan kawalan dan tindakan penguatkuasaan terhadap penebangan pokok-pokok rendah dibawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).
- 2.8 Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pokok rendah bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang, tunggul dan sekah.
- 2.9 Meluluskan permohonan penggunaan kemudahan awam dan rekreasi di taman-taman awam, padang rekreasi, taman permainan dan sebagainya.
- 2.10 Membangun, menyenggara, memperbanyakkan dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong seperti Taman Burung, Taman Rusa dan Kancil, Taman Orkid dan Taman Bunga Raya.
- 2.11 Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.
- 2.12 Menyediakan perkhidmatan hiasan dan sewaan bunga pasu dan bunga keratan mengikut tempahan.

- 2.13 Memberi khidmat nasihat mengenai landskap dan hortikultur kepada agensi kerajaan, sekolah, badan-badan beruniform dan NGO.
- 2.14 Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap dan rekreasi yang melibatkan penyertaan orang awam seperti :-
 - Pertandingan Landskap
 - Pameran dan Ceramah Bunga Raya dan Orkid.
 - Pertandingan Memancing
 - Kempen Menanam Pokok
 - Klinik Perkebunan
 - Pertandingan Layang-Layang
 - Bicara Taman
- 2.15 Meningkatkan landskap di koridor sungai, trek komuter.
- 2.16 Memperbanyakkan penanaman pokok berbunga dan daun berwarna.
- 2.17 Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan penyertaan warga kota terhadap alam sekitar dan pembangunan landskap.
- 2.18 Membantu sektor pelancongan mempromosikan taman-taman bertema dan taman awam sebagai produk dan destinasi pelancongan.
- 2.19 Pengekalan, pemeliharaan dan pemulihan warisan landskap secara berterusan dan mampan.
- 2.20 Mengawalselia pembersihan tandas-tandas awam oleh kontraktor penyelenggaraan Jabatan ke tahap yang memuaskan.
- 2.21 Mengawal selia perkhidmatan Pengawal Keselamatan di sekitar taman-taman.
- 2.22 Melaksanakan R & D.
- 2.23 Menguruskan dan melaksanakan program landskap di tapak-rezab kawasan lapang.

3.0 OBJEKTIF

Merancang, mereka bentuk, membangun, mengurus dan menyelenggara landskap Bandar yang berkualiti, efektif dan selamat ke arah merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020.

4.0 BAJET

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 64,445,000.00 | 95.92 |
| • Perbelanjaan | RM 61,816,556.50 | |

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 29,872,100.00 | 89.07 |
| • Perbelanjaan | RM 26,607,130.89 | |

4.3 Perbelanjaan dan Hasil

Pecahan peruntukan ditunjukkan melalui carta pai di bawah. Pengurangan sebanyak RM9,575,200.00 peruntukan mengurus pada tahun 2018 jika dibandingkan dengan tahun 2017 adalah disebabkan kos bayaran kontrak penyelenggaraan pokok berisiko, inventori pokok, penyelenggaraan Dataran Merdeka, penyelenggaraan jentera / mesin / lif, penyelenggaraan pasukan berkuda, penyelenggaraan Taman Botani dan pembelian aset jabatan berkurangan.



4.4 Peruntukan Mengurus

| | RM |
|---|-----------------------|
| • Peruntukan Asal | 109,264,500.00 |
| • Penambahan | 9,019,750.00 |
| • Pengurangan | (14,858,550.00) |
| Jumlah | 103,425,700.00 |
| • Peruntukan KWP | |
| S9101/B29138 Bayaran Kontrak Pembersihan Bangunan Lain Milik DBKL | 840,000.00 |
| S9102/B28113 Penyelenggaraan Landskap Muzium Istana | 720,000.00 |
| S9102/B28256 Kubur dan Krematorium | 600,000.00 |
| Jumlah | 2,160,000.00 |
| JUMLAH PERUNTUKAN MENGRUS | 105,585,700.00 |

4.5 Peruntukan Pembangunan

| | RM |
|--|----------------------|
| • Peruntukan Asal | 45,500,000.00 |
| • SB Tambahan | 6,237,500.00 |
| • SB Potongan (Batal, tangguh, kurangan) | (22,365,400.00) |
| JUMLAH PERUNTUKAN | 29,372,100.00 |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Program Pendidikan di Taman Botani


Taman Botani Perdana Kuala Lumpur merupakan taman yang juga menyediakan program pendidikan kepada pengunjung. Program yang dijalankan adalah percuma dan pengunjung dapat menimba ilmu yang berguna untuk diterapkan dalam kehidupan seharian yang melibatkan alam semulajadi. Selain itu, program yang dijalankan juga dapat mempromosikan Taman Botani Perdana kepada orang awam akan kewujudan taman ini.

Antara Program yang telah dijalankan di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur sepanjang tahun 2018 ialah:

| 1 |  | PROGRAM / AKTIVITI | OBJEKTIF |
|--------|---|--|--|
| 6 Jan | 25 | Lawatan Teknikal Malaysian Architectural Study Tour (Kansas University, USA) dengan kerjasama UTM Kuala Lumpur | Lawatan teknikal ke Bamboo Playhouse, melihat keindahan taman dan melihat koleksi spesies tumbuhan di Taman Botani Perdana |
| 10 Feb | 35 | Lawatan Teknikal World Urban Forum (Kumpulan 1) | Lawatan teknikal untuk melihat keindahan taman dan melihat koleksi spesies tumbuhan di Taman Botani Perdana. |
| 11 Feb | 35 | Lawatan Teknikal World Urban Forum (Kumpulan 2) | Lawatan teknikal untuk melihat keindahan taman dan melihat koleksi spesies tumbuhan di Taman Botani Perdana. |
| 15 Mac | 30 | Lawatan Teknikal I-KPKT INST | Membuat pemerhatian dan <i>sampling</i> berkenaan serangga perosak dan penyakit yang terdapat di Taman Botani Perdana. |
| 27 Mac | 35 | Lawatan Teknikal Majlis Bandaraya Kuching Utara | Memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan sesebuah Taman Botani. |
| 23 Mac | 45 | Lawatan berpandu Pengenalan Tanaman Landskap bersama pelajar UiTM Puncak Perdana (Kump. 1) | Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tanaman landskap yang terdapat di Taman Botani Perdana. |
| 11 Apr | 25 | Botanical Photograph | Memberi pendedahan mengenai teknik penggambaran secara 'close up botanical and garden scenic photography' |
| 19 Apr | 20 | Lawatan Teknikal Jabatan Landskap Negara (JLN) Bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) | Memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan sesebuah Taman Botani. |
| 26 Jun | 35 | Lawatan berpandu bersama pelajar UniRazak | Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tanaman landskap yang terdapat di Taman Botani Perdana. Program orientasi yang digabungkan dengan lawatan berpandu. |
| 9 Ogos | 32 | Lawatan Teknikal Jabatan Pertanian Perak | Memberi pendedahan mengenai teknik penjagaan pokok dan penanaman orkid. |
| 16 Ogo | 30 | Lawatan berpandu bersama pelajar Politeknik Nilai (Kump. 1) | Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai Herbarium dan Dendrologi di Taman Botani Perdana. |
| 17 Ogo | 30 | Lawatan berpandu bersama pelajar Politeknik Nilai (Kump. 2) | Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai Herbarium dan Dendrologi di Taman botani Perdana. |
| 27 Sep | 100 | Lawatan Teknikal Persatuan Arborist | Lawatan Teknikal & <i>Tree Climbing Championship</i> di Taman Botani Perdana |

(bersambung...)

(... sambungan)

| 1 |  | PROGRAM / AKTIVITI | OBJEKTIF |
|--------|---|---|--|
| 15 Okt | | Pelancaran Buku Herba & Pengenalan Kepada Tanaman Herba dan Rempah Ratus. | Memperkenalkan tumbuhan herba dan rempah ratus yang terdapat di Taman Botani Perdana di samping memberi pengetahuan mengenai cara penanaman dan penjagaan tanaman. |
| 13 Nov | 72 | Lawatan Berpandu bersama Fakulti Bogor | Lawatan berpandu kepada pelajar untuk melihat keindahan taman koleksi tumbuhan dan cara pengurusan penyelenggaraan di Taman Botani Perdana |
| 30 Nov | 45 | Lawatan Teknikal dan Latihan Amali Bersama Pelajar Universiti Putra Malaysia (Arborikultur) | Memberi pendedahan kepada pelajar teknik yang betul mengenai analisis kesihatan pokok dan cara penjagaan pokok secara tepat |
| 17 Dis | 15 | Lawatan Teknikal Mengenai Koleksi Herbarium Bersama Pihak Taman Botani Putrajaya | Memberi pendedahan mengenai cara penyimpanan koleksi herbarium yang terdapat di Taman Botani Kuala Lumpur kepada pihak Taman Botani Putrajaya |



Lawatan Teknikal Mengenai Koleksi Herbarium Bersama Pihak Taman Botani Putrajaya



Lawatan Teknikal Malaysian Architectural StudyTour (Kansas University, US) dengan kerjasama UTMKL

5.2 Majlis Perancaran Buku Herba

Pelancaran buku herba dan rempah ratus telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg Dato' Nor Hisham bin A Dahlan pada 15 Oktober 2018 di Taman Herba dan Rempah Ratus, Taman Botani Perdana.

Penghasilan buku ini adalah hasil kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Buku panduan ini menyenaraikan 106 spesis tumbuhan herba dan rempah ratus serta tumbuhan beraroma sebagai panduan kepada pengunjung taman herba juga untuk kegunaan luar.

Selain itu, buku ini juga turut mengandungi maklumat penting mengenai tumbuhan yang dinyatakan termasuk nama saintifik, nama tempatan, kegunaan, habitat serta gambar setiap spesis tumbuhan bagi memudahkan proses pengecaman dan pembelajaran dilakukan.



Pengarah JLR dan para pegawai merayakan kehadiran YBhg Datuk Bandar Kuala Lumpur dan diringi Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) ke Taman Rempah Ratus, Taman Botani Perdana.

YBhg Datuk Bandar Kuala Lumpur sedang bergambar bersama Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek), Pengarah JLR dan wakil dari MARDI

5.3 Retreat Pelan Pengurusan Pokok Rendang Siri 2

Pada 25 hingga 28 April 2018, Jabatan ini telah mengadakan *Retreat* Pelan Pengurusan Pokok Rendang Siri 2 bertempat di Hotel Regency, Kuala Terengganu.



Tujuan *retreat* ini diadakan adalah untuk menyediakan strategi pelaksanaan pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang bagi penyediaan Pelan Pengurusan Pokok Rendang. Selain itu, ianya diadakan untuk mewujudkan persefahaman di antara pelbagai agensi yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung di dalam pengurusan pokok rendang. Seterusnya untuk mewujudkan garis panduan yang menepati keperluan pengurusan pokok rendang di Kuala Lumpur. *Retreat* yang berlangsung selama 3 hari ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Mahadi Bin Che Ngah, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek). *Retreat* ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif.

5.4 Retreat KLOBS 2019

Pada 2 hingga 4 Mei 2018, Jabatan ini telah mengadakan *Retreat* KLOBS 2019 bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Tujuan *retreat* ini diadakan adalah untuk menubuhkan pasukan jawatankuasa KLOBS 2019 yang terdiri daripada pelbagai agensi sama ada Jabatan dalaman DBKL dan juga agensi luar. Selain itu, ianya diadakan bagi merangka perancangan dan hala tuju KLOBS 2019 bagi mewujudkan kelainan pada KLOBS 2019 bagi memenuhi kriteria acara berperingkat antarabangsa. Seterusnya ianya bertujuan untuk merangka strategi kerja setiap jawatankuasa bagi memantapkan perjalanan KLOBS 2019

Retreat yang berlangsung selama 3 hari ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj. Mahadi Bin Che Ngah, Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek). *Retreat* ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif.



5.5 Signature Park Adoption Programme

Program Penajaan Taman Angkat atau lebih dikenali dengan nama *Signature Park Adoption Programme* mula diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif program *GREATER KL/KV EPP6 : GREENERKL*, melibatkan badan - badan korporat dan swasta yang berminat untuk menjadikan sesebuah kawasan hijau/kawasan landskap/kawasan lapang sebagai taman angkat untuk dinaiktaraf dan diselenggara. Terdapat beberapa kawasan yang telah ditaja, dinaiktaraf, diselenggara dan dijadikan taman angkat seperti Laman Veritas oleh Veritas Landscape Sdn Bhd, Laman Tun Perak oleh ThinkCity, Laman EcoSky oleh EcoSky Development Sdn Bhd dan juga Pembangunan Taman Tasik Sri Murni oleh JL99 Development Sdn Bhd.



Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amat mengalu-alukan mana-mana pihak seperti badan korporat, syarikat swasta dan NGO untuk terus menyertai 'Signature Park Adoption Programme' ini untuk sama-sama membantu menjalankan tanggungjawab menjaga alam sekitar dan menghijaukan bandar raya ini, sejajar dengan idea untuk Kuala Lumpur menuju ke arah Bandaraya Masyarakat Rendah Karbon.

Untuk tahun 2018, Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi telah menerima permohonan dan penyertaan daripada AIA Berhad di mana perjanjian penajaan pembangunan sebahagian kawasan Taman Metropolitan Kepong telah ditandatangani pada 19 Februari 2018. AIA Berhad telah menaiktaraf kawasan alat permainan kanak-kanak dengan memasang dan mendirikan beberapa peralatan senaman, papan tanda penggunaan alat senaman, papan tanda ayat-ayat positif dan motivasi serta mengecat laluan pejalan kaki dengan kata-kata motivasi khusus untuk menggalakkan masyarakat untuk hidup secara sihat.



5.6 Program Corporate Social Responsibility (CSR) Penajaan dan Penanaman Pokok

Sejajar dengan matlamat kerajaan dalam menghijaukan Kuala Lumpur dan menuju ke arah Bandaraya Masyarakat Rendah Karbon, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR) telah melaksanakan pelbagai program penanaman pokok di sekitar Kuala Lumpur serta bekerjasama dengan syarikat swasta, korporat dan pemaju bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Bermula pada tahun 2011 di bawah program GREATER KL/KV EPP6 : GREENER KL, sasaran untuk penanaman 100,000 pokok menjelang tahun 2020 telah berjaya dicapai dengan jumlah penanaman sebanyak 161,440 batang pokok sehingga hujung tahun 2014.

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur walau bagaimanapun sehingga kini masih meneruskan pelaksanaan program bagi mencapai objektif 'Ke Arah Masyarakat Rendah Karbon 2030'.

Pada tahun 2018, Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah disempurnakan Oleh Tetuan Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB). Tujuan menjalankan program penanaman pokok ini adalah sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dari pihak syarikat. Program ini telah diadakan pada 15 Disember 2018 (Sabtu) bertempat di Taman Tasik Ampang Hilir bermula jam 8.00 pagi yang dihadiri oleh peserta GenNext dan para pekerja dari syarikat Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB). Sebanyak 25 batang anak pokok *Tabebuia pentaphylla* (Tecoma) telah ditanam pada hari tersebut.

Pihak Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berharap program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Penanaman pokok oleh Tetuan Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB)

Jabatan Ukur Bahan



1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 dibawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelarasn Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981.
- 1.2 Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walaubagaimanapun bermula pada tahun 2003, Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

2.0 FUNGSI

Di dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan DBKL yang berobjektifkan 'value for money', Jabatan Ukur Bahan perlu memainkan peranan utama di dalam memastikan kos dan kewangan projek diuruskan dengan baik dan efisien. Di samping itu jabatan juga perlu memastikan tatacara perolehan dan pelaksanaan pentadbiran kontrak adalah teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

- 2.1 Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos;
- 2.2 Menyediakan Laporan Penilaian Tawaran;
- 2.3 Menyediakan Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi;
- 2.4 Menyemak Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi;
- 2.5 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek; dan
- 2.6 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menyeragamkan pelaksanaan peraturan dan tatacara pengurusan kontrak perolehan.
- 3.2 Memastikan pengurusan kewangan projek mengikut peraturan dan pekeliling semasa.
- 3.3 Menyediakan perkhidmatan profesional Ukur Bahan yang dinamik selaras dengan perkembangan teknologi.

4.0 BAJET

Sehingga 31 Disember 2018, Jabatan telah membelanjakan sebanyak **RM154,234.16** bagi perbelanjaan mengurus. Manakala peruntukan tahunan bagi tahun 2018 adalah sebanyak **RM3,767,100.00**. Jabatan Ukur Bahan telah mendapat peruntukan kewangan bagi perbelanjaan operasi dan perbelanjaan dalam tahun 2018 seperti berikut :-

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|---------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 202,100.00 | 76.32 |
| • Perbelanjaan | RM 154,234.98 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018


5.1 Menyediakan Anggaran Kos Dan Perancangan Kos

Bagi sepanjang tahun 2018 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran-anggaran kos bagi 26 projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dan sebutharga.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **14** anggaran kos iaitu bersamaan **54%** dari jumlah keseluruhan projek adalah bagi perolehan secara tender dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM700 juta**.

Selebihnya sebanyak **12** anggaran kos projek bersamaan **46%** dari jumlah keseluruhan projek adalah bagi perolehan secara sebutharga dengan nilai anggaran kos keseluruhan sebanyak **RM6 juta**.

MENYEDIAKAN ANGGARAN KOS DAN PERANCANGAN KOS




Carta 5.1 Pecahan Penyediaan Anggaran Kos dan Perancangan Kos Bagi Tahun 2018

5.2 Menyediakan Laporan Penilaian Perolehan Kontraktor Perkhidmatan dan Perunding

Bagi tempoh Januari hingga April 2018 jabatan ini juga bertanggungjawab di dalam menyediakan laporan penilaian bagi:-

- **Penilaian Perolehan Kontraktor Perkhidmatan Bukan Perunding** - sebanyak **18** laporan telah disediakan bagi perolehan ini bersamaan **82%** dari jumlah keseluruhan;
- **Penilaian Cadangan Kewangan Perunding** - sebanyak **4** laporan telah disediakan bagi perolehan ini bersamaan **18%** dari jumlah keseluruhan.

MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN PEROLEHAN



Carta 5.2 Pecahan Penyediaan Laporan Penilaian Perolehan Bagi Tahun 2018

5.3 Menyediakan Dokumen Tender dan Sebutharga

Sebanyak **26** Dokumen Tawaran telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebutharga di sepanjang tahun 2018. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

| KATEGORI PENYEDIAAN DOKUMEN | JUMLAH | PERATUSAN |
|-----------------------------|-----------|-------------|
| • Dokumen Tender | 12 | 46 % |
| • Dokumen Sebutharga | 14 | 54% |
| JUMLAH | 26 | 100% |

Jadual 5.3 Statistik Penyediaan Dokumen Tender Dan Sebutharga Tahun 2018

5.4 Menyemak Dokumen Tender / Sebutharga Dan Kerja Undi

Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan sebutharga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada dokumen tender dan sebutharga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan. Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2018 mengikut kategori adalah seperti berikut:

| KATEGORI SEMAKAN DOKUMEN | JUMLAH | PERATUSAN |
|---------------------------------------|------------|-------------|
| • Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga | 413 | 75% |
| • Dokumen Kerja Undi | 136 | 25% |
| JUMLAH | 549 | 100% |

Jadual 5.4 Statistik Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Tahun 2018

5.5 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun **2018** sebanyak **1,105 sijil** telah disyorkan oleh JUB di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang **RM200 juta**.

5.6 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan Kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan (*loss & expenses*) dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur.

Bagi tahun **2018** sebanyak **59** akaun projek telah berjaya dimuktamadkan.

GAMBAR PROGRAM CABUTAN KERJA UNDI





SEKTOR
**PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI**





Jabatan Pembangunan Komuniti & Kesejahteraan Bandar

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan Jabatan asal iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti Bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan pejabat cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing ke arah kesejahteraan Bandar selaras usaha DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia pada tahun 2020.

Penggabungan ini akan memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

2.0 FUNGSI

- Mengurus dan menyelenggara perumahan awam.
- Mengurus pendaftaran sewa dan jual melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT).
- Menguruskan pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak.
- Menguruskan penjualan rumah kos rendah/ sederhana.
- Mewujudkan suasana harmoni dikalangan penghuni dengan menyediakan program-program sosial, keagamaan dan lain-lain.
- Bertindak sebagai Perbadanan Pengurusan (MC) sementara rumah jual DBKL sebelum Hakmilik Strata dikeluarkan.
- Mengurus rekod awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara teratur dan sistematik.

3.0 OBJEKTIF

- Mengurus dan menyelenggara perumahan awam untuk memberi keselesaan kepada penghuni - penghuni.
- Mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, sihat, bekerjasama dan bertanggungjawab.

4. BAJET

Pengurusan kewangan Jabatan adalah merupakan salah satu daripada tugas utama bahagian ini. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada tiap-tiap awal tahun dan juga pengawalan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2018.

PRESTASI BELANJA DAN PERUNTUKAN KOS PENYELENGGARAAN PERUMAHAN AWAM/PPR TAHUN 2014 – 2018

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | JUMLAH (RM) | PERATUS (%) |
|------------------------------|----------------|-------------|
| · Peruntukan yang Diluluskan | 182,262,264.00 | 96.01% |
| · Perbelanjaan | 174,990,000.00 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

| PROGRAM / AKTIVITI PEMBANGUNAN BERSAMA KOMUNITI | | |
|---|--|--|
| TARIKH | AKTIVITI | LOKASI |
| 22 Feb | Program Taklimat Penyelia dan Pemantau Tuisyen | Kompleks Darul Puteri, Cheras |
| 24 – 25 Feb | Kursus Jahitan Tudung dan Baju Kebaya | Arena Fashion & Design Inst., Subang Perdana |
| 27 Feb | Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan (Tahun Baru Cina) | Auditorium DBKL, Menara DBKL 1 |
| 1 Mac | Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina | Dataran DBKL, Menara DBKL 1 |
| 14 Mac | Sukaneka Kanak-Kanak Tadika Sang Kancil | Stadium Tititwangsa |
| 17 Mac | Kursus Jahitan Baju Kurung Moden | Arena Fashion & Design Inst., Subang Perdana |
| 18 Mac | Program Smart Ibadah | Masjid Al-Najihin, Bandar Tun Razak |
| 19 – 20 Mac | Kursus Teknik Mengajar Gamifikasi Guru-Guru TSK | Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak |
| 24 – 25 Mac | Kursus Jahitan Baju Melayu dan Langsir | Arena Fashion & Design Inst., Subang Perdana |
| 14 – 15 April | Motivasi Kepimpinan Pengawas UPSR | Agrotek and Chalet Garden Resort |
| 16 – 19 April | Lawatan Kanak-Kanak Tadika Sang Kancil | Aquaria KLCC |
| 4 Mei | Majlis Ramah Mesra Persatuan Penduduk WPKL, Surau PPR / PA DBKL dan Kelab Warga Emas | Dewan Perdana Felda, Jalan Maktab |
| 12 – 13 Mei | Kursus Biskut Raya | Ida Bakeri, Keramat |
| 12 Mei | Program Best Belajar UPSR | Kompleks Darul Puteri, Cheras |
| 13 Mei | Program Best Belajar PT3 dan SPM | Institut Latihan DBKL, Bandar Tun Razak |
| 15 Mei | Program Motivasi dan Sambutan Hari Guru Tadika Sang Kancil | Restoran Terapung D'Saji Titiwangsa |
| 2 Jun | Kursus Masterclass Usahawan | KRU Akademi, Technology Park Malaysia |
| 23 – 26 Julai | Program Lawatan Kanak-Kanak TSK | Young Chef Academy, Sri Hartamas |
| 28 Julai | Kursus Aneka Kek Antarabangsa | Gourmet International College, Setapak |
| 29 Julai | Kursus Puff dan Pastrri | Gourmet International College, Setapak |
| 4 Ogos | Kursus Aneka Roti | Gourmet International College, Setapak |
| 5 Ogos | Kursus Hiasan Kek | Gourmet International College, Setapak |
| 9 September | Kursus Pembuatan Frozen Food | Gourmet International College, Setapak |

| | | |
|-------------------|--|--|
| 23 - 27 September | Lawatan Sambil Belajar ke Balai Bomba | Balai Bomba dan Penyelamat, Taman Desa |
| 29-30 September | Kursus Refleksologi : Asas | Spa @ MAEPS, Serdang |
| 13 - 14 Oktober | Kursus Facial | Jemari Studio, Setapak |
| 20 - 21 Oktober | Kursus Spa | Jemari Spa, Hotel Royale Chulan |
| 3 November | Majlis Konvoquesyen Kanak-Kanak Tadika Sang Kancil | Kompleks Darul Puteri Islam |
| 17 - 18 November | Kursus Urutan Aromaterapi | Jemari Spa, Hotel Royale Chulan |
| 10 - 15 Disember | Karnival Usahawan Komuniti | |

| PROGRAM / AKTIVITI PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI | | |
|--|---|---|
| TARIKH | AKTIVITI |  |
| 13 Januari | Perasmian Pustaka KL @ Medan Idaman | 550 |
| 10 Februari | Pertandingan Mewarna Sempena Karnival Hari Wilayah Persekutuan di Dataran Merdeka | 300 |
| 18 Mac | Kempen Keahlian sempena Komuniti Ceria di PPR Batu Muda | 250 |
| 22 Mac | Sesi Robotik Robo-Robo sempena cuti sekolah | 30 |
| 4 April | Perasmian Kem Membaca 1Malaysia Peringkat Kuala Lumpur di Pustaka KL @ Medan Idaman | 550 |
| 24 April | Pelancaran Program Inisiatif Membaca 2018: Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit/Lets Read Together For 10 Minutes Peringkat Kuala Lumpur di Auditorium DBKL | 300 |
| 27 April - 6 Mei | Kempen Keahlian sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur PBAKL 2018 di PWTC | 250 |
| 14 - 15 Mei | Lawatan kerja dan belajar kakitangan PKL ke UPSI, Tanjung Malim Perak dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) | 30 |
| 7 Jun | Program WORLD #QuranHour peringkat Perpustakaan Kuala Lumpur di Auditorium Elyas Omar Perpustakaan Kuala Lumpur | 200 |
| 16 Julai | Bengkel Robotik Lego Mindstorm Education EV3 untuk kakitangan PKL dan Cawangan di Pustaka KL @ Medan Idaman | 30 |
| 27 Ogos | Seminar IFLA di Pustaka KL @ Taman Tun Dr Ismail dan sesi bercerita kepada kanak-kanak Tadika Brainy Bunch TTDI | 300 |
| 30 Ogos | Lawatan Delegasi IFLA ke <ul style="list-style-type: none"> • Pustaka KL @ Lembah Pantai • Pustaka KL @ Setiawangsa • Pustaka KL @ CLIC UTC Sentul | 250 |
| 13 Oktober | Kempen Keahlian Sempena Hari Habitat Sedunia di PPR Beringin, Jinjang | 200 |
| 16 Oktober | Kempen Keahlian dan Promosi Perpustakaan Kuala Lumpur dan Cawangan di Sekolah Kebangsaan Padang Tembak (2) | 210 |
| 27 Oktober | Majlis Pelancaran Bengkel Perdana Ekspres-i Peringkat Lembah Klang dan Buku Doodle Ekspres-I di Pustaka KL @ Lembah Pantai | 150 |
| 29 Oktober | Seminar Sejarah Kuala Lumpur di Institut Latihan DBKL, Cheras | 300 |
| 10 November | Lawatan dari Komuniti PPR Semarak ke Pustaka KL @ Setiawangsa | 50 |
| 17 - 18 November | Karnival Bercerita KL Story Fest 2018 di Pustaka KL @ Medan Idaman | 500 |
| 22 Disember | Program Riang Ria Cuti Sekolah di Pustaka KL @ Lembah Pantai | 250 |



Jabatan Penguatkuasaan

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada asalnya sebagai Skwad Pemusnah (*Demolition Squad*) dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya.

Jabatan Penguatkuasaan mempunyai perjawatan sebanyak **2,029** yang terdiri daripada skim perkhidmatan Keselamatan dan Penguatkuasaan (KP), Pentadbiran (N), Kewangan (W), Teknologi Maklumat (F), Undang-undang (U) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Penguatkuasaan ditadbir oleh Pengarah Gred M54 bersama **23** orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalulintas, tempat letak kereta elektronik, penjaga kereta tanpa kebenaran, ingkar menggunakan jejantas dan halangan/pelanggaran isyarat lalulintas.
- 2.2 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan Awam DBKL.
- 2.3 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.
- 2.4 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan aktiviti penjajaan iaitu penjaja berlesen, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.
- 2.5 Membanci, memindah dan melaksanakan tindakan pembersihan setingan.
- 2.6 Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan di Taman-Taman Awam dan Dataran Merdeka.
- 2.7 Membantu Pejabat-Pejabat Cawangan DBKL dan Jabatan Pengurusan Perumahan di dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan.
- 2.8 Menyediakan dan memberi perkhidmatan kawalan keselamatan fizikal ke atas harta benda Datuk Bandar.
- 2.9 Memberi perkhidmatan bantuan menyelamatkan apabila berlaku sebarang bencana dan bertindak sebagai Sekretariat Bilik Gerakan Pusat Bantuan Bencana Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan dasar-dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dicapai sepenuhnya melalui tindakan penguatkuasaan.
- 3.2 Memacu masyarakat Kuala Lumpur supaya bersikap lebih bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sivik terhadap kualiti alam sekitar, keselamatan, keselesaan dan keharmonian.
- 3.3 Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan lebih berintegriti melalui tindakan penguatkuasaan sejajar dengan MISI Jabatan.

4.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan berjaya mencapai KPI yang ditetapkan melalui NKRA : Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang iaitu memastikan perbelanjaan bajet mengurus mencapai sasaran melebihi 90% yang mana pencapaian sebenar sehingga Disember 2018 adalah **95.6%**.

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 47,712,600.00 | 95.55 |
| • Perbelanjaan | RM 45,589,285.54 | |

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|---------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 344,000.00 | 85.29 |
| • Perbelanjaan | RM 293,401.81 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018



Kursus Asas Penguatkuasa
 • April 2018
 • Institut Latihan DBKL



Majlis Tamat Latihan
 • 19 April 2018
 • Institut Latihan DBKL



Majlis Ceramah Israk & Mikraj

• 23 April 2018

- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan



Lawatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya

- 3 Mei 2018
- Menara DBKL 1



Perjumpaan Bersama YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

- September 2018
- Unit Berkuda JPK



Majlis Tahliil dan Bacaan Yassin Sempena Hari Penguatkuasa Ke-49

- 13 September 2018
- Jabatan Penguatkuasaan



Misi 24 Jam Jelajah Semenanjung Malaysia

- 15 - 16 September 2018
- Jabatan Penguatkuasaan



Perbarisan Sempena Hari Penguatkuasa ke-49 Tahun

- 20 September 2018
- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan



Program Kempen Derma Darah

- 2 Oktober 2018
- UTC Sentul, Kuala Lumpur



Latihan Menembak Pegawai

- 17 Oktober 2018
- Kuala Lumpur



Sukan Peringkat Jabatan Penguatkuasaan

- 17 - 18 November 2018
- Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju (1), Kuala Lumpur



Majlis Penghargaan Bersama Agensi Sahabat

- 28 November 2018
- Premiera Hotel, Kuala Lumpur



Mesyuarat Agung Badan Kebajikan JPK

- September 2018
- Jabatan Penguatkuasaan



◀ Jabatan Pelesenan & Pembangunan Penjaja

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja adalah sebuah jabatan yang berfungsi terhadap kawalan perniagaan yang terlibat di dalam pengendalian, pengeluaran lesen dan tindakan penguatkuasaan terhadap semua aktiviti perniagaan dan penjaja di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jabatan ini mengeluarkan lesen premis perniagaan, iklan, hiburan, penjaja dan peniaga kecil, tempat letak kereta, lesen minuman keras, dan lesen pelbagai serta menguatkuasakan undang-undang yang digunapakai oleh jabatan ini.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Mencadangkan penggubalan dasar dan melaksanakan dasar pelesenan yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran DBKL.
- 2.2 Memproses dan mengeluarkan lesen premis perniagaan, penjaja, peniaga kecil, lesen iklan, lesen hiburan, minuman keras dan lesen pelbagai berpandukan kepada syarat dan peraturan DBKL sebagai penguasa tempatan.
- 2.3 Menguatkuasakan undang-undang dan syarat-syarat semua lesen yang dikeluarkan oleh jabatan untuk mewujudkan aktiviti dan komuniti perniagaan yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.
- 2.4 Mengawal dan memastikan amalan budaya sihat dalam komuniti perniagaan.
- 2.5 Merancang serta menggalakkan pertumbuhan sektor perniagaan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan suasana perniagaan yang bersih, sihat dan teratur serta mengekalkan keindahan Kuala Lumpur.
- 2.6 Merancang keperluan dan pembangunan pasar dan pusat penjaja yang seragam, teratur dan serba lengkap bagi mewujudkan sistem perniagaan kecil yang lebih sistematik dan bertaraf tinggi.
- 2.7 Bertindak sebagai sebuah Jabatan pemungut hasil DBKL dan kerajaan persekutuan melalui kutipan fi lesen dan cukai hiburan.

3.0 OBJEKTIF

Memastikan proses permohonan dan keputusan bagi semua jenis lesen perniagaan dilaksanakan mengikut piagam pelanggan serta memastikan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dijalankan secara sistematik dalam membantu membangunkan perkembangan perniagaan secara terkawal.

4.0 BAJET JABATAN

| BULAN | PERBELANJAAN BULANAN | | BAJET SEBENAR (RM) |
|---------------|----------------------|-----------|----------------------|
| | RM | % | |
| Januari | 2,916,020.00 | 7 | 40,183,900.00 |
| Februari | 3,241,512.00 | 15 | |
| Mac | 2,377,097.00 | 21 | |
| April | 3,143,676.00 | 29 | 40,183,900.00 |
| Mei | 3,414,167.00 | 38 | |
| Jun | 2,484,497.00 | 44 | |
| Julai | 7,453,236.00 | 62 | 43,145,900.00 |
| Ogos | 2,812,529.00 | 69 | |
| September | 2,873,237.00 | 76 | |
| Oktober | 3,723,653.00 | 80 | 43,532,900.00 |
| November | 5,572,184.00 | 93 | |
| Disember | 1,785,544.00 | 96 | |
| JUMLAH | 41,797,352.00 | 96 | 43,532,900.00 |

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 43,532,900.00 | 96.01 |
| • Perbelanjaan | RM 41,797,352.00 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

|  | AKTIVITI | LOKASI |  |
|---|--|--------------------------|---|
| 7 Feb | Taklimat Penyelarasan Tugas bagi Pegawai dan Kakitangan Bahagian Siasatan dan Pembangunan | Bilik Mesyuarat Anggerik | 60 |
| 27 Feb | Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja | Dewan Megapuri | 200 |
| 23 Apr | Taklimat Mengenai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Piagam Pelanggan JPPP Tahun 2018 | Bilik Mesyuarat Anggerik | 34 |
| 13 Jul | Taklimat Pengarah Bersama Kakitangan Jabatan | Bilik Mesyuarat Anggerik | 200 |
| 13 Ogo | Bengkel Pengurusan Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur | Bilik Mesyuarat Anggerik | 26 |
| 12-14 Ogo | Bengkel Pemantapan Proses Kerja Bahagian Siasatan dan Pembangunan | Seri Suasana PD | 60 |
| 26-28 Sep | "SuperRecharge" Teambuilding Dinamik Pegawai dan Kakitangan JPPP 2018 Siri 1 | Seri Suasana PD | 24 |

bersambung...

... sambungan

| 1 | AKTIVITI | LOKASI | 👥 |
|--------------|--|---------------------------------------|----|
| 15-17 Okt | "SuperRecharge" Teambuilding Dinamik Pegawai dan Kakitangan JPPP 2018 Siri 2 | Seri Suasana PD | 27 |
| 16-19 Okt | Retreat Kajian Semula Dan Pindaan MS ISO 9001:2015 JPPP | Cheringin Hills Convention Spa Resort | 30 |
| 19 Nov | Seminar Penyelarasan Dan Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi di WP | Institut Latihan DBKL | - |
| 23-25 Nov | Bengkel Penyediaan MyPortfolio JPPP | Colmar Resort Tropicale | 58 |
| 28-30 Nov | Bengkel Penyediaan SOP Pengurusan Pasar Pusat Penjaja DBKL | Avillion Port Dickson | 45 |





Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk memantau tahap kesihatan warga kota selain berusaha mempertingkatkan mutu kesihatan warganya. Disamping itu jabatan ini juga turut bertanggungjawab dalam menyelesaikan aduan berkaitan kecemasan dan memantau kerja-kerja pembersihan awam. Ianya selaras dengan salah satu fungsi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyedia dan memberikan perkhidmatan kesihatan awam kepada penduduk di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 1.2 JKAS terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu **Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Persekitaran, Bahagian Alam Sekitar dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**. Bahagian-bahagian utama ini disokong oleh pelbagai unit bagi memastikan fungsi Jabatan berjalan lancar.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Mengawas dan mengawal sanitasi dan hygiene premis makanan dan tempat awam.
- 2.2 Memantau dan mengawal kualiti makanan dan minuman melalui pemeriksaan makanan, Contoh : Air dan penguatkuasaan undang-undang.
- 2.3 Mengawas dan kawalan industri, tred dan aktiviti domestik yang mempunyai kesan kepada alam sekitar.
- 2.4 Mengawal penyakit-penyakit berjangkit.
- 2.5 Mengawas dan mengawal penyakit bawaan vektor dan pest melalui kawalan denggi dan malaria serta aktiviti kawalan pest.
- 2.6 Pemeriksaan mayat untuk tujuan pengeluaran permit pengkebumian dan sijil kematian.
- 2.7 Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan untuk orang awam.
- 2.8 Menyediakan perkhidmatan imunisasi untuk pengendali makanan dan pengembara antarabangsa
- 2.9 Menyediakan rawatan pesakit luar untuk kakitangan DBKL serta keluarga.
- 2.10 Mengawal pembersihan bandar:
 - Membantu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) memantau kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah yang dilaksanakan oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd (AFSB) melalui pengeluaran 'Notis Pemberitahuan' (NP) dan 'Notis Menjalankan Kerja' (NMK).
 - Mengendalikan program 3K (Bukit Bintang, Jalan Petaling dan Chow Kit) atas arahan Datuk Bandar Kuala Lumpur.
 - Bantuan kecemasan yang beroperasi 24 jam setiap hari seperti menangkap ular, memusnahkan sarang tebuhan/lebah, mengalihkan pokok tumbang yang menghalang jalan raya, membersihkan tumpahan minyak di atas jalan raya dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

- Menguruskan Tanah Perkuburan Islam di Jalan Ampang dan Cheras Baru.
- Menguruskan Krematorium (pembakaran mayat) dan Tanah Perkuburan Kristian di Cheras Baru.
- Memproses sebahagian permohonan pelan sistem rumah sampah sebelum penswastaan penuh pada 1 September 2011 dan menerima permohonan kutipan sampah, sapuan jalan, cucian longkang dan potong rumput untuk diserahkan kepada pihak PPSPPA.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Untuk mengawasi dan meningkatkan taraf kesihatan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.2 Objektif khusus :

- Untuk meningkatkan taraf kesihatan individu.
- Untuk melindungi dan meningkatkan mutu alam sekitar dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Untuk mengawal dan meningkatkan mutu makanan yang disediakan untuk makanan orang ramai.
- Untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit berjangkit.
- Untuk meningkatkan taraf kesihatan orang awam melalui promosi dan pendidikan kesihatan.

4.0 BAJET

Pada tahun 2018, DBKL telah membelanjakan sejumlah **RM217,609,063.32** daripada jumlah yang diperuntukan sebanyak **RM211,364,700.00** untuk menjalankan pelbagai aktiviti dan program bagi meningkatkan tahap kesihatan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dari jumlah tersebut, pecahan perbelanjaan yang melibatkan fungsi utama jabatan adalah seperti berikut:

| PERKARA | RM | |
|--|-----------------------|-----------------------|
| | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN |
| • Pengurusan Sisa Pepejal | 155,000,000.00 | 164,044,073.51 |
| • Kesihatan Awam | 10,341,000.00 | 7,488,825.45 |
| • Promosi Kesihatan | 550,000.00 | 460,649.15 |
| • Rawatan Perubatan Kakitangan/ Tanggungjawab | 28,205,000.00 | 26,781,314.20 |
| • Pentadbiran | 17,268,700.00 | 18,834,201.01 |
| JUMLAH | 211,364,700.00 | 217,609,063.32 |

Pecahan perbelanjaan bagi dua fungsi utama jabatan

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 211,364,700.00 | 102.95 |
| • Perbelanjaan | RM 217,609,063.32 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur

- Objektif utama Blueprint Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah untuk menaiktaraf status kebersihan dan keindahan Bandar Raya Kuala Lumpur. Ianya juga diwujudkan sebagai satu penanda aras (benchmark) status kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur.
- Sehingga Disember 2018, penarafan kawasan telah berjaya diadakan di 79 buah kawasan melibatkan 11 parlimen di Kuala Lumpur. Pelaksanaannya melibatkan tiga (3) Peringkat dan telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Berikut adalah tempoh pelaksanaan bagi setiap Peringkat :

| BIL | PARLIMEN | FASA 6 (JUL 2018) | FASA 7 (DIS 2018) |
|-----|---------------|--|--|
| 1 | Kepong | Jln Kepong, Jln Rimbunan Raya & Jln Metro Perdana | Jln Kepong, Jln Tebing Timor, Jln Jinjang Utama, jalan Benteng Barat & Jln Benteng Utara |
| 2 | Batu | Jln Ipoh & Jln Kuching | Jln Sultan Azlan Shah, Jln Union, Jalan Sentul & Jln Kovil Ulu |
| 3 | Wangsa Maju | Jln Taman Ibu Kota, Jln Genting Kelang, Jln Tumbuhan, Persiaran Pertahanan & Jln 1/23E | Jln Taman Ibu Kota, Jalan Genting Kelang, Jalan Langkawi & Jalan Chengal |
| 4 | Segambut | Sekitar Bukit Tuanku | Jln Wan Kadir, Jln Tun Mohd Fuad, Jln Abang Hj Openg & Lorong Datuk Sulaiman |
| 5 | Setiawangsa | Jln 26/26, Jln Setiawangsa & Jln Padang Tembak | Jln 34/26, Jln Kilang & Jln Usahawan |
| 6 | Titiwangsa | Sekitar Taman U Thant | Jln Lingkaran Tengah 2, Jln Ampang, Jln Ampang Hilir, Lebuhraya Bertingkat Ampang - KL, Jln Jelatek & Jln 1/76 |
| 7 | Bukit Bintang | Sekitar Medan Tuanku & Jln Ipoh Kecil | Jln TAR, Jln Raja, Jln Benteng, Jln Scott, Jln Tebing & Jln Tun Sambanthan |
| 8 | Lembah Pantai | Lorong Maarof & Persiaran Persekutuan | Jln Bangsar, Jln Pantai Permai & Jln Kerinchi |
| 9 | Seputeh | Jln Gembira, Jalan Klang Lama & Jalan Sepadu | Jln Mesra Ria, Jln Manisan, Jln Lazat 1, Jln Ramah & Jalan 1/149L |
| 10 | Cheras | Taman Sri Bahtera & Jln Kuari | Jln Kuari, Kg Cheras Baru, Jln Badam, Jln Ketumbar, Jln Manis & Jln Desa Aman |
| 11 | Bdr Tun Razak | Sekitar Kawasan Stadium Bukit Jalil | Jln Sri Permaisuri, Jln Jelawat, Jln Yaacob Latif & Jln Ikan Emas |

5.3 Malam Apresiasi Blueprint Penarafan Kebersihan WPKL

Program ini telah diadakan pada 3 Julai 2018 di Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur bagi memberi penghargaan kepada kawasan-kawasan yang berjaya memperolehi Gred A (Bersih) dalam Penarafan Kebersihan WPKL. Selain itu penghargaan turut diberikan kepada semua pihak yang terlibat seperti Jabatan dalaman DBKL, SWCorp, Alam Flora Sdn Bhd, SYABAS, Indah Water Konsortium dan wakil persatuan penduduk.

5.4 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat WPKL

Program anjuran bersama antara Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL dan Institut Perguruan Kampus Ilmu Khas Cheras Kuala Lumpur ini telah diadakan pada 21 Oktober 2018. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar di sektor pendidikan. Antara acara yang dijalankan adalah pertandingan debat perdana (melibatkan 60 pasukan), permainan interaktif alam sekitar, information booth, pertandingan mewarna kanak-kanak dan sebagainya.

5.5 Green Waste Programme (World Urban Forum)

Program ini merupakan program anjuran bersama antara DBKL dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ianya telah diadakan pada 12 Februari 2018 bertempat di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur.

5.6 Program Promosi Kesihatan

Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan melibatkan kerjasama antara Bahagian/Jabatan dalaman DBKL, agensi Kerajaan serta agensi bukan Kerajaan. Klinik Berhenti Merokok (Quit Clinic) merupakan salah satu program yang telah dilaksanakan bertujuan untuk membantu kakitangan DBKL menghindarkan diri mereka daripada tabiat merokok. Selain itu, terdapat juga Program Kesihatan dan Kecergasan Eksekutif yang dilaksanakan untuk membantu individu yang didapati berisiko.

| NAMA PROGRAM | JUMLAH |
|--|---------------|
| • Ceramah Kesihatan | 80 sesi |
| • Pameran Kesihatan | 93 sesi |
| • Kem Kesihatan | 12 sesi |
| • Klinik Berhenti Merokok (Q Klinik) | 122 peserta |
| • Pengedaran Bahan Cetak | 200,000 helai |
| • Bunting/Banner | 144 keping |
| • Program Bersama Datuk Bandar | 1 siri |
| • Kursus Kesihatan & Kecergasan | 2 siri |
| • Ceramah dan Kursus Bantuan Kecemasan | 3 siri |
| • Pelancaran COMBI Sekolah | 36 sekolah |
| • Program Datuk Bandar Bersama Penjaja | 1 siri |
| • Program Keselamatan Makanan Untuk Pengendali Bazaar Ramadhan | 1 siri |

5.7 Program Gaya Hidup Sihat Dan Pertandingan Futsal Piala Pengarah JKAS 2018

Program ini diadakan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dikalangan warga JKAS disamping mengeratkan hubungan silaturahim diantara pegawai dan kakitangan. Program ini telah diadakan pada 23 September 2018 bertempat di UTC Sentul dengan penyertaan sebanyak 25 kumpulan dari pelbagai Bahagian / Unit / Parlimen di Jabatan.



Sekitar program Program Gaya Hidup Sihat Dan Pertandingan Futsal Piala, Pengarah JKAS 2018 pada 23.9.2018 di UTC Sentul

5.8 Program Modal Insan Dan Majlis Apresiasi Vektor

Jabatan telah mengadakan Program Modal Insan Dan Majlis Apresiasi Vektor pada 5 Julai 2018 bagi meraikan kakitangan Vektor yang berperanan dalam memastikan kes bawaan vektor terkawal di WPKL. Majlis tersebut telah diadakan di IDB dan disempurnakan oleh Pengarah Jabatan, Y.Bhg. Datin Dr. Noor Akma binti Shabudin.

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan



1.0 LATARBELAKANG

Jabatan ini pada asalnya dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial.

Pada 1 April 2003 ia telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan yang tersendiri dan dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Sukan. Manakala pada November 2016, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

2.0 FUNGSI

2.1 Bahagian Persembahan & Pengurusan Acara

(i) Unit Muzik

- Memberikan khidmat persembahan orkestra/kombo muzik kepada DBKL/ agensi
- Menyediakan dan melaksanakan program muzik kepada warga kota dan agensi
- Mengubah lagu mengikut keperluan.
- Menjadi sumber rujukan IPT Agensi yang berkaitan untuk persembahan orkestra/kombo
- Merancang pembangunan tahap kompetensi Ahli Muzik DBKL
- Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan
- Menjalinkan hubungan baik dengan agensi dan pengiat muzik.

(ii) Unit Kebudayaan

- Menyediakan mekanisma di dalam pembentukan pembangunan seni dan budaya pelbagai kaum.
- Mengkaji kualiti program kebudayaan dan kesenian menepati peranan merakyatkan dan menyemarakkan seni budaya.
- Menyediakan, mengalakkan dan mempertingkatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian khususnya di dalam seni pementasan teater, tarian, nyanyian dan muzik.
- Menyediakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti seni persembahan kebudayaan yang berkaitan dengan acara sambutan perayaan awam dan acara festival-festival kesenian.
- Menyedia, menyelaras dan memberi kerjasama di dalam menganjurkan aktiviti seni persembahan kebudayaan bersama agensi-agensi kerajaan pihak NGO dan agensi-agensi swasta.
- Menyediakan dan menyelaraskan program pembangunan kebudayaan dan kesenian melalui aktiviti-aktiviti program bengkel apresiasi seni.

(iii) Unit Pengurusan & Promosi

- Program sebagai aktiviti tahunan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan

Sukan.

- Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan acara / program tahunan jabatan (perayaan / kebudayaan/ muzik / sukan / karnival / festival / aktiviti).
- Menyelaras bantuan / sumbangan bagi pelaksanaan acara / program anjuran jabatan dalaman DBKL / Kementerian / agensi (kerajaan / swasta) / pertubuhan / persatuan / kelab / NGO dan lain-lain.
- Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan tahunan bagi sumbangan / bantuan, aset serta acara / program tahunan jabatan.
- Menjalin kerjasama dengan agensi / kementerian yang berkaitan bagi pelaksanaan acara / program berprestij tinggi di peringkat Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, kebangsaan dan antarabangsa.
- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi bagi acara / program anjuran jabatan dengan kerjasama agensi / Kementerian yang berkaitan.
- Menyediakan belanjawan dan laporan pelaksanaan acara / program.
- Mendapatkan kelulusan acara / program tahunan jabatan melalui proses kelulusan Minit Bebas / lantikan terus.

2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti Sukan & Pentadbiran

(i) Unit Pentadbiran dan Kewangan

- Melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia di peringkat Jabatan.
- Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan.
- Pengurusan kualiti dan integriti Jabatan.
- Menguruskan aduan awam, mesyuarat dan surat-menyurat Jabatan.
- Memberi kerjasama, bantuan logistik, bantuan kewangan serta khidmat nasihat dalam penganjuran program sukan dan rekreasi.
- Menguruskan perolehan, inventori dan aset Jabatan.
- Pengurusan ICT Jabatan.

(ii) Unit Fasiliti Sukan

- Merancang penyediaan prasarana kemudahan sukan.
- Menyediakan kemudahan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk melibatkan dalam sukan.
- Menyelaraskan aduan kerosakan untuk penyelenggaraan fasiliti sukan kepada Unit Pengurusan Bangunan
- Mempromosikan kemudahan sukan untuk kegunaan warga kota.
- Membantu persatuan sukan, NGO, agensi kerajaan untuk penganjuran program sukan/sosial di *venue* kemudahan sukan.
- Menyelaraskan permohonan tempahan dan penggunaan kemudahan sukan.
- Memastikan kemudahan sukan mengikut spesifikasi dan berada dalam keadaan baik.

2.3 Biro Pelancongan

- (i) Mempromosikan produk-produk pelancongan untuk pengusaha-pengusaha dan hubungan baik dengan pengusaha produk pelancongan/hotel/restoran dan lain-lain
- (ii) Merancang aktiviti/program untuk penggalakkan industri pelancongan di Kuala

Lumpur.

- (iii) Menyediakan bahan-bahan promosi seperti brosur dan “booklet” yang berkaitan pelancongan
- (iv) Menjalinkan hubungan baik dengan pengusaha produk pelancongan

4.0 BAJET

4.1 Jumlah peruntukan kewangan yang telah ditetapkan untuk Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan bagi tahun 2018 adalah sebanyak **RM52,157,100.00**.

4.2 Jumlah keseluruhan perbelanjaan peruntukan kewangan bagi tahun 2018 pula adalah sebanyak 95.31% yang berjumlah **RM49,710,932.01**.

4.3 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 52,157,100.00 | |
| • Perbelanjaan | RM 49,710,932.01 | 95.31 |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

| UNIT MUZIK | | | |
|------------|--------|------------------------------|--|
| TARIKH | TEMPAT | ACARA | |
| JAN | 8 | Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| FEB | 1 | Istana Negara | • Majlis Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran Bintang & Pingat WP 2018 |
| | 5 | Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| | 7 | Dataran Medan Pasar | • Majlis Pelancaran WUF9 Village @ Medan Pasar |
| | 10 | Dataran Merdeka | • Konsert Karnival Hari Wilayah @KL 2018 |
| | 21 | Auditorium DBKL | • Program Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) anjuran Cuepacs Dengan Kerjasama Anulae DBKL dan Cuepacs KL |
| | 28 | Piazza Gallery | • <i>Chinese New Year Celebration 2018</i> anjuran JKKPS |
| MAC | 10 | Panggung Anniversari | • Program Kuala Lumpur Ceria Siri 1/2018 |
| | 17 | Auditorium DBKL | • Konsert Nostalgia Lagenda |
| | 25 -27 | Dewan Seri Siantan Putrajaya | • Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KWP & Agensi 2017 |
| | 2 | Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| | 26 | The Majestic Hotel KL | • Majlis Meraikan Pesara DBKL |
| MEI | 15 | Tamu Hotel | • Persembahan Kombo Sempena Malam Citra Karisma Ikatan 2018 |
| JUN | 28 | Institut Latihan DBKL (IDB) | • Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Kuala Lumpur 2018 <i>(bersambung...)</i> |

(... sambungan)

| UNIT MUZIK | | |
|------------|---|--|
| TARIKH | TEMPAT | ACARA |
| JUL | 3 Stadium Titiwangsa | • Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Jabatan Pembangunan Komuniti & Kesejahteraan Bandar 2018 |
| | 4 Institut Latihan DBKL (IDB) | • Perhimpunan DBKL & Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri DBKL 1493H/2018 |
| | 12 Podium Dataran | • Kuala Lumpur Aidilfitri Celebration 2018 |
| | 25 Sate Kajang Hj.Samuri Bandar Kajang | • Jamuan <i>Hi-Tea Citynet Infrastructure Cluster & KLRTC 2018</i> " |
| OGOS | 9 Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) Bukit Kiara | • Majlis Makan Tengahari Sempena Kejohanan Golf Kuala Lumpur Amateur Open 2018 |
| | 11 Panggung Anniversari | • Konsert Voices Of Ladies |
| SEP | 17 Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| | 12 The Majestic Hotel KL | • Majlis Sanjungan Budi 2018 |
| | 21 Lucky Garden Bangsar | • Majlis Perasmian Lucky Garden Bangsar Kuala Lumpur |
| OKT | 6 Institut Latihan DBKL (IDB) | • Majlis Perasmian Festival Busana Tradisional KL |
| | 20 Panggung Anniversari | • Konsert Kuala Lumpur <i>Rhythm Nitez</i> Suara " Anak Malaysia" |
| | 23-27 Istana Anak Bukit Alor Star Kedah | • Majlis Santapan Malam Sempena Istiadat Pertabalan KDYMM Sultan Kedah |
| | 24 Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| | 25 Mini Auditorium MATIC | • <i>Central Region Tourism Highlight 2018</i> |
| NOV | 15 Zero Mile KL | • KL Deepavali Celebration 2018 |
| | 24 Auditorium DBKL | • Konsert Hubbu Rasul |
| | 26 Mayor's Courtyard | • <i>Luncheon Talk</i> Pengurusan Tenaga 2018 |
| DIS | 4 Auditorium DBKL | • Perhimpunan DBKL |
| | 4 Sunway Putra Hotel | • Majlis Malam Apresiasi Reka Bentuk Kuala Lumpur 2018 |

| UNIT PENGURUSAN ACARA DAN PROMOSI | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| TARIKH | LOKASI | ACARA |
| JAN | 1 Dataran Merdeka | • KL International New Year Run |
| | 7, 21, 28 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 21 Dataran Merdeka | • KL Car Free Morning |
| FEB | 4, 18 Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 4, 18 Tasik Titiwangsa | • Jelajah Pancing KL |
| | 10 Dataran Merdeka | • Karnival Hari Wilayah 2018 |
| | 11, 18, 25 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 28 Piazza Dataran Merdeka | • KL Chinese New Year Celebration |

(bersambung...)

(... sambungan)

| UNIT PENGURUSAN ACARA DAN PROMOSI | | | |
|-----------------------------------|------------------------|------------------------------------|---|
| TARIKH | LOKASI | ACARA | |
| MAC | 4, 18 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 4, 11, 18, 25 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 10 | Panggung Anniversari | • KL Ceria : Rock Attack |
| | 17 | Auditorium DBKL | • KL Rhythm Nitez : Nostalgia Lagenda |
| | 17 | Tasik Metropolitan Batu | • Jelajah Pancing KL |
| APR | 1, 15 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 8, 15, 29, 30 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 15 | Tasik Ampang Hilir | • Jelajah Pancing KL |
| | 7 | Medan Pasar | • Seniman Hiburan Rakyat |
| | 7 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| | 8 | Jalan Raja | • KL Marathon –Standard Chartered Run |
| | 14 | Panggung Anniversari | • Hiburan Santai Seniman |
| | 21 | Dataran Medan | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| MEI | 1 | Jalan Raja | • KL Fest Of Sport Car |
| | 5 | Jalan Raja | • KL Street Jam |
| | 5 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| | 6, 20 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 6, 13, 20, 27 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 5, 6 | Auditorium DBKL | • World Youth Jazz Festival |
| | 12, 13 | Dewan Tunku Abdul Rahman, MATIC KL | • Kuala Lumpur International Choir Competition (KLICC 2018) |
| JUN | 2, 3, 9, 10 | Jalan Raja | • Iftar KL |
| | 3 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 3, 10, 17, 24 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 8 – 14 | Dataran Merdeka | • Malam 7 Likur |
| | 23 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| JUL | 7, 28 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 28 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| | 1, 22 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 1, 15, 22, 29 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 12 | Podium Dataran Merdeka | • KL Aidilfitri Celebration |
| | 14 | Dataran Merdeka | • KL Street Jam |
| | 15 | Dataran Merdeka | • Fiesta Final Piala Dunia |
| | 21 | Panggung Anniversari | • Hiburan Santai Seniman |
| 22 | Taman Tasik Permaisuri | • Jelajah Pancing KL | |

(bersambung...)

(... sambungan)

| UNIT PENGURUSAN ACARA DAN PROMOSI | | | |
|-----------------------------------|---------------|-------------------------------|---|
| TARIKH | LOKASI | ACARA | |
| OCOS | 1 – 4 | Stadium Hoki Kuala Lumpur | • Kuala Lumpur International Youth Marching Band Competition (KLIYMBC) 2018 |
| | 4 | Dataran Merdeka | • KL Street Jam |
| | 11, 25 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| | 5, 19 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 5, 12, 19, 26 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 11 | Panggung Anniversari | • KL Rhythm Nitez : Voices Of Ladies |
| | 11, 25 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 18 | Panggung AnniversARI | • Hiburan Santai Seniman |
| | 19 | Taman Tasik Metropolitan Batu | • Jelajah Pancing KL |
| | 25 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| SEP | 1 | Dataran Merdeka | • KL Street Jam |
| | 2 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 2, 9, 16, 30 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 8 & 22 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 15 | Dataran Merdeka | • Konsert Semarak Harapan Bersama Seniman Sempena <i>Merdeka Night Run</i> |
| | 16 | Taman Danau Kota | • Jelajah Pancing KL |
| | 22 | Taman Pudu Ulu | • Rentak KL |
| | 23 | Dataran Plaza Low Yat | • Festival Amerika Latin Ke-10 2018 |
| | 16 | Dataran Merdeka | • <i>World Car Free Morning</i> |
| | | Pelbagai Tempat | • <i>KL International Art Festival</i> |
| OKT | 28-30 | Dataran Merdeka | • Jangkauan Seni Budaya : Festival Permainan Malaysia |
| | 6 | Jalan Raja | • KL Street Jam |
| | 7 | Dataran DBKL | • Larian Amal Run For The Deaf |
| | 7 & 21 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 7, 14, 21, 28 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 13, 27 | Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 13 | Dataran Medan Pasar | • Kayuhan Sempena Hari Sukan Negara |
| | 14 | Tasik Metropolitan Batu | • Jelajah Pancing KL |
| | 20 | Panggung Anniversari | • KL Rhythm Nitez : Konsert Suara Anak Malaysia |
| 20 | Dataran DBKL | • KL Fabulous Food Hunt | |

(bersambung...)

(... sambungan)

| UNIT PENGURUSAN ACARA DAN PROMOSI | | | |
|-----------------------------------|---------------|------------------------------------|---|
| TARIKH | LOKASI | ACARA | |
| NOV | 3 | Jalan Raja | • KL Street Jam |
| | 4, 18 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 4, 11, 18, 25 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 10, 24 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 15 | Zero Mile, River Of Life | • KL Deepavali Celebration |
| | 17 | Panggung Anniversari | • Hiburan Santai Seniman |
| | 18 | Taman Tasik Metropolitan Kepong KL | • Jelajah Pancing KL Peringkat Akhir |
| | 24 | Panggung Anniversari | • KL Rhythm Nitez : Konsert Hubbu Rasul |
| DIS | 1 | Jalan Raja | • KL Street Jam |
| | 2, 16 | Dataran DBKL | • KL Car Free Morning |
| | 2, 16, 23, 30 | 10 Taman Rekreasi DBKL | • Senam Sihat DBKL |
| | 8, 22 | Dataran Medan Pasar | • Hiburan Rakyat Senandung Budaya |
| | 5-9 | Panggung Anniversari | • KL Genta 2018 |
| | 16 | Taman Tasik Ampang Anniversari | • Jelajah Pancing KL Grand Final |
| | 22 | Panggung Anniversari | • Hiburan Santai Seniman |



SEKTOR PENGURUSAN





Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) bertanggungjawab merancang keperluan guna tenaga kerja, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, kemudahan untuk kakitangan, penilaian kompetensi, pengurusan prestasi serta pembangunan modal insan. Selain itu, JPSM berperanan meningkatkan pelaksanaan budaya inovasi, integriti dan akauntabiliti serta menguruskan hal ehwal kebajikan dan kaunseling.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Merancang keperluan guna tenaga manusia untuk DBKL.
- 2.2 Menguruskan perjawatan, pengambilan dan penempatan kakitangan.
- 2.3 Memproses permohonan mengikuti latihan, kursus, seminar, konvensyen, lawatan dan mesyuarat di dalam dan luar negeri untuk kakitangan.
- 2.4 Menguruskan pengesahan jawatan kakitangan dalam perkhidmatan.
- 2.5 Menguruskan kenaikan pangkat kakitangan.
- 2.6 Menguruskan perkhidmatan kaunseling kepada kakitangan yang bermasalah sebelum tindakan tatatertib.
- 2.7 Menguruskan disiplin kakitangan termasuk tindakan tatatertib.
- 2.8 Memproses persaraan wajib kakitangan dan permohonan bersara secara pilihan.
- 2.9 Menguruskan Majlis Bersama Jabatan.
- 2.10 Menguruskan tempahan pengangkutan udara dan hotel untuk tugas rasmi kakitangan.
- 2.11 Memproses permohonan elaun-elaun dalam perkhidmatan untuk kakitangan.
- 2.12 Memproses permohonan Pinjaman dan Biasiswa Pelajaran Datuk Bandar dari kakitangan.
- 2.13 Memproses pinjaman kenderaan dan komputer dari kakitangan.
- 2.14 Memproses tuntutan bantuan kebajikan kakitangan yang diluluskan.
- 2.15 Memproses tuntutan insurans kelompok kakitangan.
- 2.16 Menguruskan kemudahan Rumah Rehat dan Kuarters kakitangan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menentukan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang mencukupi bagi menjalankan fungsi perkhidmatan dan pembangunan.
- 3.2 Menentukan supaya kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdisiplin dan berdedikasi.
- 3.3 Merancang dan memberi latihan serta kebajikan kepada seluruh kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 3.4 Mewujudkan perhubungan yang harmoni di antara pihak pekerja dengan pihak pentadbiran menerusi Mesyuarat Majlis Bersama.
- 3.5 Menentukan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai jawatan-jawatan yang seimbang dengan beban tugas mengikut skim-skim.

4.0 BAJET

| PERKARA | RM | | % |
|------------------------------------|----------------------|----------------------|--------------|
| | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | |
| • Emolumen | 10,018,700.00 | 8,052,477.54 | 80.37 |
| • Perkhidmatan Bekalan | 6,085,900.00 | 4,967,366.22 | 81.62 |
| • Aset (Inventori) | 446,300.00 | 401,835.10 | 90.04 |
| • Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | 8,701,100.00 | 7,379,738.77 | 84.81 |
| • Lain-lain Perbelanjaan | 380,000.00 | 209,634.72 | 55.17 |
| | 25,632,000.00 | 21,011,052.35 | 81.97 |

Jadual Prestasi Kewangan JPSM dari Januari – Disember 2018

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 25,632,000.00 | 81.97 |
| • Perbelanjaan | RM 21,011,052.35 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

| PROGRAM | TARIKH | LOKASI |
|---|-----------|------------------------------------|
| • Retreat Perancangan Kerja Bagi Tahun 2018 | 19-21 Jan | Seri Suasana PD |
| • Retreat Pencapaian KPI Tahun 2017 & Perancangan KPI Tahun 2018 | 23-26 Jan | Hotel Hatten, Melaka |
| • Retreat Hala Tuju Kajian Tenaga Kerja | 2-4 Mac | Palace Of The Golden Horses |
| • Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 | 3-5 Mac | Seri Suasana PD |
| • Lawatan Kerja dan Perbincangan Berkaitan Buku Perkhidmatan ke JPA | 6 Mac | Putrajaya |
| • Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015 | 13-16 Mac | Hotel Muadzaffar |
| • Kursus Juruaudit Dalam ISMS ISO/IEC 27001:2013 | 16-18 Mac | The Legend Resort |
| • Bengkel Penyediaan Dokumen ISO 27001:2013 | 19-21 Mac | Avilion PD |
| • Kursus Lanjutan Rasionalisasi Tenaga Kerja DBKL : Manpower Study Siri I | 16-20 Mac | Duyong Marina Resort, Pulau Duyong |
| • Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan | 23 Mac | Bilik Lembaga, Tkt 29 |
| • Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 | 27 Mac | Putrajaya |
| • Program Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience (SHARE) – Modul Pengguna | 11-12 Apr | Putrajaya |
| • Latihan Pemantapan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan | 18-19 Apr | Institut Latihan DBKL |
| • Kursus Lanjutan Rasionalisasi Tenaga Kerja DBKL : Manpower Study Siri II | 20-24 Apr | Adya Hotel, Langkawi |

bersambung...

... sambungan

| PROGRAM | TARIKH | LOKASI |
|--|----------------|------------------------------|
| • Program Agihan Wang Zakat | 15 Mei | Auditorium DBKL |
| • Audit Dalam MS ISO 9001 : 2015 | 6 Jun-7 Ogos | Dewan Megapuri |
| • Program Meraikan Bakal Haji | 3 Julai | Dewan Megapuri |
| • Latihan Pemantapan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan | 10-11 Julai | Institut Latihan DBKL |
| • Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan | 16 Julai | Bilik Lembaga |
| • Gotong-Royong bersama Penduduk Kwarters/Rumah Sewa Kakitangan Siri 1/2018 | 21 Julai | Kwarters Jln Semarak |
| • Program Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience (SHARE) – Modul Penamatan Perkhidmatan | 6-7 Ogos | Putrajaya |
| • Taklimat Penyerahan Tugas Kepada Pasukan Kajian Tenaga Kerja DBKL | 15 Ogos | Bilik Lembaga, Tkt 29 |
| • Pelantikan Pasukan Kajian Tenaga Kerja DBKL Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur | 17 Ogos | Auditorium DBKL |
| • Taklimat Pembukaan Kepada Jabatan-jabatan DBKL mengenai Kajian Tenaga Kerja DBKL | 27 Ogos | Dewan Megapuri |
| • Sesi Klinik Pasukan Kajian Bersama Konsultan | Ogos – Dis | Menara DBKL 1 |
| • Audit Dalaman ISMS ISO/IEC 27001:2013 | 7 Sept | Dewan Megapuri |
| • Bengkel HRMIS User Group 2018 | 1-2 Okt | Putrajaya |
| • Bengkel Pindaan Dokumen Manual Kualiti | 3-5 Okt | Tg Bidara Beach Resort |
| • Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) | 10-12 Okt | Seri Suasana PD |
| • Gotong-Royong Bersama Penduduk Kwarters/Rumah Sewa kakitangan Siri 2/2018 | 20 Okt | Kwarters Pantai Permai |
| • Kursus Asas Penyeliaan dan Pengurusan Rumah Rehat DBKL | 22-24 Okt | Seri Suasana PD |
| • Retreat Penambahbaikan Modul Kursus dan Pembangunan Prospektus 2018 | 30 Okt – 1 Nov | Hotel Hatten, Melaka |
| • Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) | 1 Nov | Bilik Mesyuarat Tkt 3 M1 |
| • Kursus Protokol dan Pengurusan Majlis Oleh Kakitangan IDB | 7-8 Nov | Institut Latihan DBKL |
| • Kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran Bangunan IDB | 12-13 Nov | Institut Latihan DBKL |
| • Mini Karnival Sukan bersama Penduduk Kwarters/ Rumah Sewa | 16-17 Nov | Kwarters Pantai Permai |
| • Bengkel Pengendalian Pemantapan Majlis Meraikan Pesara | 19 Nov | Hotel Swiss Garden |
| • Audit Badan Persijilan | 12-23 Nov | DBKL |
| • Retreat Pegawai Kebajikan Jabatan | 21-24 Nov | Hotel HIG, Langkawi |
| • Bengkel Pemantapan Hala Tuju Fail Sulit Kakitangan dan Penambahbaikan Proses Kerja bagi Unit Prestasi & Kenaikan Pangkat | 23-25 Nov | Hotel Le Meridien, Putrajaya |
| • Audit Pensijilan EKSA MAMPU 2018 | 26-30 Nov | DBKL |
| • Bengkel Pemurnian Proses Kerja Seksyen Kemudahan dan Persaraan | 28-30 Nov | Hotel Imperial Heritage |
| • Kursus Pengurusan & Penyelenggaraan IDB | 4-5 Dis | Institut Latihan DBKL |
| • Bantuan Back To School Baucer & Beg Sekolah | 21 Dis | Tkt 11, JPSM |
| • Bengkel Pemurnian Kajian Tenaga Kerja | 27 Dis | Hotel Seri Pacific, KL |

Gambar-Gambar Program Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



Karnival Inovasi Dan Kualiti DBKL 2018
25 & 26 Julai 2018

Audit Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh MAMPU



Pengauditan EKSA di ITIS

Retreat Pencapaian KPI Tahun 2017 & Perancangan KPI Tahun 2018



Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) oleh KPKT 13 Disember 2018



Sesi Lawatan Tapak oleh KPKT



Jabatan Kewangan

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Jabatan Bendahari dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 263 orang. Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian dan empat belas (14) unit.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.
- 2.2 Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

4.0 BAJET

4.1 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan DBKL

| KOD OBJEK AM | OBJEK AM | PERUNTUKAN SEMASA 2018 | BELANJA SEBENAR 2018 | KOMITMEN 2018 | JUMLAH BELANJA 2018 | BAKI | % BELANJA |
|--------------|----------------------------|------------------------|----------------------|------------------|----------------------|-------------------|--------------|
| | | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) | |
| 10000 | EMOLUMEN | 501,931,000 | 472,085,322 | - | 472,085,322 | 29,845,678 | 94.1% |
| 14000 | BAYARAN LEBIH MASA | 67,667,000 | 62,529,480 | - | 62,529,480 | 5,137,520 | 92.4% |
| 20000 | PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | 1,065,418,850 | 1,012,539,075 | 6,317,688 | 1,018,856,763 | 46,562,087 | 95.6% |
| 30000 | ASET KECIL (INVENTORI) | 5,542,750 | 3,194,746 | 10,403 | 3,205,149 | 2,337,601 | 57.8% |
| 40000 | PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP | 56,058,900 | 53,583,751 | 73,520 | 53,657,271 | 2,401,629 | 95.7% |
| 50000 | PERBELANJAAN LAIN | 63,036,100 | 60,222,337 | - | 60,222,337 | 2,813,763 | 95.5% |
| | JUMLAH BESAR | 1,759,654,600 | 1,664,154,711 | 6,401,611 | 1,670,556,321 | 89,098,279 | 94.9% |

Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengurus DBKL 2018

4.2 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan DBKL

| FOLIO | PERKARA | BIL PROJEK / ITEM | KOS PROJEK (RM) | PINDAAN PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH BELANJA (RM) | BAKI PERUNTUKAN (RM) | PERATUS BELANJA (%) |
|-------|---|----------------------------|-----------------------|-------------------------|----------------------|----------------------|---------------------|
| A | PEMBIAYAAN DBKL | | | | | | |
| | PROJEK PEMBANGUNAN : | | | | | | |
| | SIAP | 28 | 315,987,302 | 32,614,300 | 31,668,641 | 945,659 | 97.1% |
| | PELAKSANAAN | 147 | 4,619,197,754 | 837,100,400 | 809,173,915 | 27,926,485 | 96.7% |
| | PERANCANGAN | 101 | 1,343,174,616 | 114,821,200 | 107,756,958 | 7,064,242 | 93.8% |
| | BARU | 72 | 1,018,371,560 | 95,977,900 | 93,810,825 | 2,167,075 | 97.7% |
| | JUMLAH PROJEK PEMBANGUNAN | 348 | 7,296,731,232 | 1,080,513,800 | 1,042,410,340 | 38,103,461 | 96.5% |
| | ASET MODAL : | | | | | | |
| | PEMBELIAN DAN PENGGANTIAN KENDERAAN, ASET DAN KOMPUTER / SISTEM | 631 | 139,409,098 | 56,053,400 | 48,516,733 | 7,536,667 | 86.6% |
| | JUMLAH PEMBIAYAAN DBKL | | 7,436,140,330 | 1,136,567,200 | 1,090,927,072 | 45,640,128 | 96.0% |
| B | RANCANGAN MALAYSIA KE-11 | 18 | 1,677,155,343 | 94,542,000 | 93,308,555 | 1,233,445 | 98.7% |
| C | NATIONAL KEY RESULT AREAS (NKRA) | 3 | 26,230,000 | 1,253,000 | 1,183,365 | 69,635 | 94.4% |
| D | NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS (NKEA - SWASTA (PETRONAS)) | 19 | 1,693,543,849 | 204,614,400 | 202,140,746 | 2,473,654 | 98.8% |
| E | LAIN-LAIN PEMBIAYAAN | 1 | 34,507,900 | 1,000,000 | 261,679 | 738,321 | 26.2% |
| F | LAIN-LAIN PEMBIAYAAN | 7 | 51,111,591 | 13,120,100 | 9,825,299 | 3,294,801 | 74.9% |
| | JUMLAH PEMBIAYAAN KERAJAAN & | 48 | 3,482,548,683 | 314,529,500 | 306,719,644 | 7,809,856 | 97.5% |
| | JUMLAH BESAR | 396 PROJEK 631 ITEM | 10,918,689,013 | 1,451,096,700 | 1,397,646,716 | 53,449,984 | 96.3% |

Pecahan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan DBKL 2018

4.3 Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan (Mengurus) JKEW

| PERUNTUKAN ASAL | PERUNTUKAN SEMASA | BELANJA | |
|-----------------|-------------------|------------|-----|
| RM | RM | RM | % |
| 59,684,200 | 73,831,700 | 72,572,275 | 98% |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Pengurusan Hasil

- (i) Kaunter Bayaran Sementara Di Pusat Membeli Belah

Jabatan Kewangan telah membuka kaunter bayaran sementara di pusat membeli belah bersempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari dan Ogos.

Ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat bayaran cukai taksiran mereka. Lokasi yang terlibat adalah di AEON Maluri Shopping Centre, AEON Metro Prima, Kepong dan Mid Valley Megamall



AEON Maluri Shopping Center



Mid Valley Megamall



AEON Metro Prima, Kepong

(ii) Kaunter Bergerak

Jabatan Kewangan juga telah membuka Kaunter Bergerak di Bandar Sri Permaisuri berdekatan dengan bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan di Wisma Central Jalan Ampang yang beroperasi dari jam 9 pagi sehingga 3 petang bagi bulan Februari dan Ogos. Pembukaan ini adalah bagi memudahkan orang awam untuk membuat bayaran kepada DBKL.

Antara bayaran yang boleh dijelaskan di Kaunter Bergerak ini adalah Cukai Taksiran DBKL, Saman/Kompaun DBKL, dan Sewa Perumahan DBKL.



Kaunter Bergerak di Bandar Sri Permaisuri

(iii) Kaunter Bergerak – Operasi Kutipan Cukai Taksiran (Strata)

Jabatan Kewangan telah melaksanakan operasi kutipan cukai taksiran (strata) di beberapa JMB sepanjang tahun 2018. Tarikh dan lokasi kutipan adalah seperti berikut :-

| LOKASI | TARIKH OPERASI | LOKASI | TARIKH OPERASI |
|---------------------------|----------------|-------------------------|----------------|
| • Kondo Sri Wangsaria | 21/1/2018 | • Danau Idaman | 14/4/2018 |
| • Kondo Seri Penaga | 21/1/2018 | • Desa Villa | 21/4/2018 |
| • Kondo Pertiwi Indah | 24/2/2018 | • Kondo Danau Permai | 21/4/2018 |
| • Maxim Citylights Sentul | 24/2/2018 | • Kondo Residensi 8 | 4/8/2018 |
| • MH Residence | 24/2/2018 | • Kondo Casa Desa | 4/8/2018 |
| • G Residence | 3/3/2018 | • Sri Jati Apartment 1 | 11/8/2018 |
| • The Elements | 3/3/2018 | • Sri Jati Apartment 2 | 11/8/2018 |
| • Setapak Green | 10/3/2018 | • Kenanga Point | 12/8/2018 |
| • Setapak Ria | 10/3/2018 | • Prisma Cheras (pagi) | 18/8/2018 |
| • The Reach | 17/3/2018 | • Prisma Perdana (pagi) | 18/8/2018 |
| • Mawar | 17/3/2018 | • Midah Ria (petang) | 18/8/2018 |
| • The Rafflesia | 24/3/2018 | • Ketumbar Hill | 19/8/2018 |
| • Anjung Villa | 24/3/2018 | • Mont Kiara | 29/12/2018 |
| • Abadi Villa | 14/4/2018 | | |

(iv) Operasi Sita

Jabatan Kewangan telah melaksanakan Operasi Sita selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebanyak 2 kali bagi tahun 2018.



OPERASI SITA 1/2018

30 OKTOBER 2018

- Sekitar Bandar Permaisuri
- 7 premis dilawati
- Tunggakan berjumlah RM 119,026
- Kutipan berjumlah RM 28,689



OPERASI SITA 2/2018

15 NOVEMBER 2018

- Sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman
- 5 premis dilawati.
- Tunggakan berjumlah RM 285,913
- Kutipan berjumlah RM 172,829

5.2 Sesi Townhall Bajet DBKL 2019 Bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Satu sesi penglibatan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan orang awam yang dipecahkan mengikut kawasan Parlimen yang terdiri daripada pelbagai latar belakang organisasi dan pertubuhan seperti persatuan penduduk, persatuan perniagaan/penjaja dan persatuan sukan serta pertubuhan bukan kerajaan telah diadakan pada 3 September 2018 bertempat di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan DBKL bagi memastikan Bajet 2019 dapat disediakan dengan baik dan memenuhi keperluan dan harapan warga kota. Bengkel ini akan membincang, 'brainstorming' dan menjana perancangan aktiviti dengan memfokuskan kepada program-program utama yang selari dengan fungsi DBKL.



5.3 Retreat Bajet

Jabatan Kewangan telah mengadakan Retreat Bajet 2019 selama 3 hari pada 8 - 10 Oktober 2018 bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya yang dihadiri oleh semua Ketua Jabatan. Tujuan retreat diadakan adalah untuk membincangkan permohonan program, aktiviti serta projek jabatan-jabatan yang melibatkan komitmen kewangan dalam penyediaan Bajet 2019 DBKL.



Selain itu, program, aktiviti dan projek yang dirancang juga perlu selari dengan Pelan Strategik DBKL 2010-2020 yang menekankan 5 matlamat utama iaitu bandar raya milik warga kota, bandar raya makmur ekonomi, bandar raya bersaring, bandar raya eko dan bandar raya tadbir urus cekap. DBKL juga terus mengamalkan prinsip ‘value for money’ bagi setiap program, aktiviti dan projek dengan memastikan ianya mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan mempunyai impak positif.

5.4 Pembentangan Bajet DBKL 2019 Bersama Ahli Lembaga Penasihat DBKL

Satu sesi pembentangan Bajet DBKL 2019 bersama Ahli Lembaga Penasihat DBKL telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 7 November 2018.



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain Jabatan dalaman.
- 1.2 Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilik hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.
- 1.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

2.0 FUNGSI

- 2.1 Merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.2 Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.
- 2.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadangkan dibeli/disewa, diambil semua oleh DBKL.
- 2.4 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.
- 2.5 Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam jualan milik DBKL.
- 2.6 Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (*Commissioner of Buildings*) mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

3.0 OBJEKTIF

Memastikan hartanah persendirian di WPKL dinilai bagi maksud cukai taksiran selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976, mengurus hartanah Datuk Bandar serta memberi khidmat nasihat nilaian hartanah untuk jabatan dalaman DBKL dengan efisien dan berkesan.

4.0 BAJET

Pada tahun 2018, jabatan telah diluluskan peruntukan bajet sebanyak **RM22, 249,800.00**. Jabatan telah membelanjakan sebanyak **RM17,435,507.63** dimana prestasi keseluruhan adalah sebanyak **78.36%**. Keterangan secara terperinci perbelanjaan bagi semua Vot adalah seperti di dalam jadual seperti berikut:

| KOD | PERKARA | PERUNTUKAN 2019 | PERBELANJAAN | BAKI PERBELANJAAN | % |
|---------------------------|-----------------------------|----------------------|----------------------|---------------------|--------------|
| S4110 | Mengurus | 13,696,200.00 | 11,310,016.54 | 2,345,639.19 | 82.58 |
| S4120 | Pengurusan Hartanah | 2,213,000.00 | 1,509,397.91 | 703,602.09 | 68.2 |
| S4131 | Keramat Mall | 3,392,800.00 | 2,490,102.07 | 902,697.93 | 73.4 |
| S4132 | Kompleks Bandar Baru Sentul | 2,765,800.00 | 2,083,959.28 | 681,840.72 | 75.3 |
| S9103 | Bandar Tun Razak | 182,000.00 | 42,031.83 | 139,968.17 | 23.1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 22,249,800.00 | 17,435,507.63 | 4,773,748.10 | 78.36 |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

| NAMA PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | SASARAN PESERTA | JUMLAH PESERTA |
|--|----------------------|-----------------|--|----------------|
| • Kursus penggunaan sistem pentadbiran & pengurusan COB / sistem BMS COBKL | 17-18 Januari 2018 | IDB | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus penggunaan sistem e-filing COBKL | 7-8 Februari 2018 | IDB | Pegawai dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus pertauliahian mediator komuniti strata WPKL | 14-16 Mac 2018 | Seri Suasana PD | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus berhubung elemen baru penyenggaraan & pengurusan bagi bangunan strata di WPKL | 18-20 April 2018 | Seri Suasana PD | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus penyenggaraan bangunan strata & kaedah penentuan unit syer mengikut Akta Pengurusan Strata 2015 (akta 757) | 8 Mei 2018 | IDB | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus Pengurusan Kewangan Forensik Akaun dan Pengauditan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan | 26-27 Jun 2018 | Seri Suasana PD | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Kursus Pengendalian Mesyuarat Agung, penubuhan sub MC dan jenis-jenis proksi | 19 Julai 2018 | IDB | AJK JMB/ MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL | 30 |
| • Bengkel Pemantapan 'Standard Operating Procedure'(SOP) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan di bawah Akta Pengurusan Strata 2017 (Akta 757) & peraturan-peraturan pengurusan strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015 | 15-17 Ogos 2018 | Seri Suasana PD | Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL | 30 |
| • Bengkel Kecekapan Pengurusan Jawatankuasa bagi bagi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di perumahan kos RENDAH & kos sederhana rendah) | 19-21 September 2018 | Seri Suasana PD | Pegawai, Kakitangan Bahagian COB KL dan AJK JMB/ MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL | 50 |
| • Konvensyen Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2018 anjuran bersama Kementerian Wilayah Persekutuan & Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur | 10 Ogos 2018 | IDB | AJK JMB/ MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL | 1000 |



Jabatan Pengurusan Maklumat

1.0 LATARBELAKANG

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini mempunyai seramai 89 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini juga mempunyai (3) bahagian yang besar dan disokong oleh unit-unit di bawah bahagian tersebut. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah :

1.1 Bahagian Dasar dan Pembangunan Aplikasi

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan polisi ICT serta menguruskan pembangunan sistem ICT *in house* dan *out source*.

1.2 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan infrastruktur ICT DBKL seperti perkhidmatan rangkaian, server, perkakasan dan telekomunikasi.

1.3 Bahagian Multimedia dan GIS

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengurus dan mengemaskini Portal dan Intranet DBKL. Bahagian ini juga memberi khidmat rundingan mengenai pembangunan produksi multimedia.

2.0 FUNGSI

Bagi menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pejabat berelektronik dan Paperless Office, Jabatan Pengurusan Maklumat berfungsi untuk:

- 2.1 Merancang, menyelaras, membangun dan mengawalselia pembangunan serta pengkomputeran ICT di semua jabatan di DBKL dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.
- 2.2 Menyediakan kemudahan infrastruktur rangkaian dan telekomunikasi yang reliable dan selamat bagi menyokong pelaksanaan pengkomputeran ICT.
- 2.3 Merancang, menyelaras dan memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran server dan sokongan teknikal ICT dalam menyediakan kelengkapan ICT yang terkini.
- 2.4 Menyediakan prasarana internet dan mail elektronik untuk kemudahan di kalangan warga DBKL dan juga antara agensi kerajaan dengan swasta dan orang ramai dalam memudah dan mempercepatkan capaian maklumat dan komunikasi ke arah *paperless*.
- 2.5 Merancang, membangun dan menyelenggara portal dan laman web DBKL dalam menyalurkan informasi jabatan dan aktiviti semasa DBKL kepada warga kota dan kakitangan DBKL dengan tepat dan cepat.

3.0 OBJEKTIF


- 3.1 Melaksana dan memantau teknologi ICT yang terbaik di DBKL sejajar dengan Dasar ICT Kerajaan khususnya Agenda ICT Kebangsaan (NITA) dan Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Coridor).
- 3.2 Merancang, melaksana dan memantau Pelan Strategik ICT (ISP) yang menyokong Visi, Misi dan Objektif DBKL.
- 3.3 Melaksanakan khidmat sokongan sistem ICT yang terbaik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL kepada warga kota Kuala Lumpur.
- 3.4 Melaksanakan khidmat sokongan teknikal ICT yang terbaik kepada jabatan-jabatan pengguna.
- 3.5 Melaksana dan memantau perkhidmatan rangkaian DBKL net supaya beroperasi dengan selamat dan sepenuh masa (24jam x 7 hari).
- 3.6 Melaksana dan memantau sistem latihan teknikal untuk staf DBKL supaya mencapai tahap penggunaan ICT 100% selepas penyerahan sistem yang dibangunkan.
- 3.7 Melaksanakan program pembangunan staf JPM yang dilengkapi dengan maklumat teknologi ICT terkini dalam usaha menyediakan kemahiran dan kepakaran bagi memberi sokongan dan nasihat terbaik kepada jabatan pengguna di DBKL.
- 3.8 Melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas sistem aplikasi supaya penyampaian perkhidmatan DBKL sentiasa berada di tahap terbaik.
- 3.9 Melaksana dan menyokong program-program pembangunan ICT DBKL.

4.0 BAJET

4.1 Statistik Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 31,358,000.00 | 97.25 |
| • Perbelanjaan | RM 30,495,974.73 | |

| | EMOLUMEN | PERKHIDMATAN & BEKALAN ASET | ASET (INVENTORI) | JUMLAH BESAR |
|---------------------|------------------|-----------------------------|------------------|-------------------|
| | (RM) | | | |
| PERUNTUKAN | 6,186,200.00 | 25,137,000.00 | 34,800.00 | 31,358,000.00 |
| PERBELANJAAN | 6,087,657.24 | 24,375,062.49 | 33,255.00 | 30,495,974.73 |
| BAKI | 98,542.76 | 761,937.51 | 1,545.00 | 862,025.27 |



Rajah 2.1 : Peruntukan Belanjawan Mengurus Bagi Tahun 2018

4.2 Statistik Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2018 Dan 2017

| PERBELANJAAN | EMOLUMEN | PERKHIDMATAN & BEKALAN ASET | ASET (INVENTORI) | JUMLAH |
|--------------|--------------|-----------------------------|--------------------|----------------------|
| | RM | | | |
| 2018 | 6,087,657.24 | 24,375,062.49 | 33,255 | 30,495,974.73 |
| 2017 | 6,144,528.88 | 21,726,565.08 | 16,740.00 | 27,887,833.96 |

4.3 Rumusan

Secara keseluruhan, JPM menerima peruntukan sebanyak **RM 70,165,600.00** iaitu merangkumi bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2018. Sebanyak **RM 64,485,301.67** perbelanjaan dicatatkan pada tahun 2018 iaitu **92%** daripada jumlah peruntukan tahun semasa dengan masing-masing sebanyak 88% di bawah Bajet Pembangunan dan 95% di bawah Bajet Mengurus. Prestasi perbelanjaan jabatan pada tahun 2018 adalah menurun sebanyak 5% berbanding pada tahun 2017.

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

5.1 Kumpulan Inovatif DAN Kreatif Jabatan (KIK) Tahun 2018

Nama Kumpulan : **UBIQUITOUS**
 Tajuk Projek : **MOBIS DBKL**

Kumpulan UBIQUITOUS ialah kumpulan Inovasi Jabatan Pengurusan Maklumat yang membangunkan DBKL MOBIS iaitu sebuah aplikasi Mobile. Aplikasi ini membantu orang awam mendapatkan maklumat dengan pantas seperti :

- Membuat semakan Notis Kompaun Trafik DBKL;
- Membuat pembayaran Notis Kompaun Trafik DBKL;
- Pembayaran Atas Talian.
- Navigasi lokasi kaunter Bayaran DBKL;
- Bantuan Panggilan Hotline;
- Ruangan Cadangan; dan
- Nilaiakan perkhidmatan Mobis DBKL.





Jabatan Pentadbiran

1.0 LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada tahun 1970 dan dikenali sebagai Urusetia Bandaraya. Pada 1 Januari 1996, Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Bandaraya bersama Jabatan Personel telah digabungkan dan diwujudkan Jabatan Pengurusan Organisasi (JPO).

Pada 15 Ogos 2003, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan dan Unit Jawatankuasa Tindakan. Pada Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

Selepas penstrukturan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa), Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) telah dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Pada Februari 2014, PKL diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga 1 Ogos 2015. Mulai tarikh tersebut, sekali lagi PKL dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Bahagian Pengurusan Rekod juga telah dipindahkan ke PKL, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar berkuatkuasa pada 3 Disember 2018. Hanya Unit Reprografi sahaja tetap kekal di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga sekarang. Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai 156 orang.

2.0 FUNGSI

Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran & Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan dan Bahagian Pengurusan Perolehan.

2.1 Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Kewangan, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

i) Unit Pentadbiran dan Mel.

- a) Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
 - Perhimpunan DBKL
 - Majlis Berbuka Puasa
 - Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas)
- b) Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.
- c) Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.
- d) Menyelaras urusan mel DBKL.

ii) Unit Penyelarasan Acara

- a) Menyelaras pelantikan Panel Kontraktor bagi:-
 - Katerer
 - Pemasangan bunting dan *billboard*.
 - Pakaian seragam bagi Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.
- b) Menyelaras urusan jamuan/aktiviti sosial peringkat DBKL / KWP.

- c) Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL / KWP/Kebangsaan/ Antarabangsa.
 - Sambutan Hari Kemerdekaan.
 - Sambutan Hari Keputeraan YDP Agong.
 - Kempen Kibar Bendera sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Sambutan Bulan Kemerdekaan.
 - Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- d) Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
 - Mengurus & menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
 - Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.
- e) Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.

iii) Unit Keurusetiaan

- a) Menyelaras mesyuarat utama DBKL seperti berikut:
 - Mesyuarat Majlis Menteri Wilayah
 - Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
 - Mesyuarat PEMUDAH
 - Mesyuarat Ketua Jabatan
 - Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- b) Menyelaras Majlis Sanjungan Budi yang merupakan majlis meraikan mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Pegawai Kanan DBKL gred 41 ke atas.

2.2 Bahagian Pengurusan Perolehan

i) Fungsi-Fungsi Utama

- a) Menguruskan perolehan tender supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- b) Menguruskan perolehan sebutharga dan kerja undi supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- c) Menguruskan pentadbiran kontrak seperti berikut:
 - Arahan Perubahan
 - Lanjutan Masa Kontrak
 - Rundingan Harga
 - Perkhidmatan Perunding
 - Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
 - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
 - Penyelarasan Yuran Perkhidmatan Perunding
- d) Menguruskan hal ehwal kakitangan, pengurusan pentadbiran, pengurusan maklumat serta urusan pejabat dengan lebih berkesan melalui kaedah pengurusan terkini.
- e) Mulai 14 Mei 2018 atas nasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian ini telah menerima tambahan skop kerja sebagai urusetia mesyuarat daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan seperti berikut:
 - Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek Penswastaaan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Penswastaan (JPPP) yang dipengerusikan Pengarah Eksekutif Perancangan.

ii) Prestasi Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama

a) Perolehan Tender, Sebut Harga, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja Undi


Sepanjang tahun 2018, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak 347 tawaran merangkumi perolehan tender, sebutharga dan kerja undi. Daripada perolehan tersebut, sebanyak **90** perolehan **tender**, **105** perolehan **sebutharga**, **133** perolehan **kerja undi** dan **19** perolehan **perkhidmatan perunding** telah dijalankan. Perincian mengikut kategori perolehan adalah berdasarkan **JADUAL 1** dan **GAMBAR RAJAH 1** di bawah :

JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2018

| BIL. | KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN PEROLEHAN |
|---------------|--------------------|--------------------|
| 1. | Tender | 90 |
| 2. | Sebut Harga | 105 |
| 3. | Kerja Undi | 133 |
| 4. | Perunding | 19 |
| JUMLAH | | 347 |

JADUAL 1

PERBANDINGAN JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2017 DAN 2018




GAMBAR RAJAH 1

NILAI PEROLEHAN DBKL TAHUN 2018

| BIL. | KATEGORI PEROLEHAN | BILANGAN AWARD | NILAI (RM) |
|---------------|--------------------|----------------|-------------------------|
| 1. | TENDER | 90 | 1,041,030,900.72 |
| 2. | SEBUT HARGA | 105 | 60,318,626.34 |
| 3. | KERJA UNDI | 133 | 13,126,510.19 |
| 4. | PERUNDING | 19 | 20,278,949.40 |
| JUMLAH | | 347 | 1,134,754,986.65 |


JADUAL 2

PERBANDINGAN NILAI AWARD (RM) TAHUN 2017 DAN 2018



GAMBAR RAJAH 2

PERBANDINGAN BILANGAN AWARD TAHUN 2017 DAN 2018



GAMBAR RAJAH 3

iii) Pengiklanan dan Penjualan Dokumen Tender dan Sebutharga

- a) Tawaran Tender yang dipelawa sepanjang tahun 2018 telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu Utusan Malaysia dan New Straits Times Press. Penjualan dokumen Tender dan Sebutharga dibuat secara atas talian di eperolehan.dbkl.gov.my. Transaksi pembayaran juga dibuat secara atas talian.
- b) Pendaftaran pihak kontraktor sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak **2,696** pendaftaran telah dilakukan.

2.3 Bahagian Pengurusan Aset Dan Bangunan

i) Unit Pengurusan Aset dan Fasilitas

- a) Meneliti dan menyemak dasar pengurusan aset alih yang dikeluarkan Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa.
- b) Menyelaraskan pelaksanaan dasar pengurusan aset alih DBKL.
- c) Menilai dan memantau pelaksanaan dasar aset alih DBKL.
- d) Menguruskan pelantikan seperti Pegawai Pengawal, Pegawai Aset, Pegawai Penerima Aset, Pegawai Pemeriksa Aset, Pegawai Perakuan Pelupusan (PEP).
- e) Menguruskan pelantikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPA), Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Pelupusan Aset DBKL, pelantikan pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Kes Kehilangan aset alih KEW.PA-29.
- f) Mengurus dan mentadbir sistem e-aset sebagai Pentadbir sistem.

• **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPA) DBKL bagi tahun 2018:**

| SUKU TAHUN | TARIKH MESYUARAT |
|------------|-------------------|
| Pertama | 29 Mac 2018 |
| Kedua | 7 Jun 2018 |
| Ketiga | 24 September 2018 |
| Keempat | 18 Februari 2019 |

• **Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan dan Pelupusan Aset Alih Bagi Tahun 2018**

| JENIS PELUPUSAN | ASET ALIH | ASET TAK ALIH | ASET HIDUP | ASET SITAAN | ASET STOK | JUMLAH KESELURUHAN BIL. MESYUARAT |
|--------------------|-----------|---------------|------------|-------------|-----------|-----------------------------------|
| Bilangan Mesyuarat | 32 | 10 | 2 | 12 | - | 56 |

- g) Tanggungjawab Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan (BPAB) –Keselamatan
 - Menilai dan mengukur prestasi bagi memastikan penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan DBKL berada pada tahap yang cemerlang.
 - Memberi pengiktirafan ke atas tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik di kalangan jabatan-jabatan DBKL dan menggalakkan pembudayaan persekitaran pengurusan keselamatan perlindungan yang kondusif.
 - Persediaan awal DBKL sebelum Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
 - Empat (4) Aspek Utama yang disemak adalah meliputi Aspek Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen, Keselamatan Peribadi dan Keselamatan ICT.
 - Ahli Jawatankuasa juga terdiri daripada enam (6) Jabatan di DBKL:
 - Jabatan Pentadbiran
 - Jabatan Penguatkuasaan
 - Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
 - Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
 - Jabatan Audit Dalam
 - Jabatan Pengurusan Maklumat

JABATAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TAHUN 2018 ADALAH SEBANYAK 8 JABATAN

| BIL. | JABATAN | LOKASI |
|------|---|--|
| 1. | Jabatan Pengurusan Sumber Manusia | Institut Latihan Dewan Bandaraya (IDB) |
| 2. | Jabatan Perancangan Bandaraya | Tingkat 7-10, Menara DBKL 1 |
| 3. | Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar | Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS) |
| 4. | Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan) | Tingkat 20, Menara DBKL 1 |
| 5. | Jabatan Ukur Bahan | Tingkat 31 & 33, Menara DBKL 3 |
| 6. | Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan | Tingkat 25-26, Menara DBKL 1 |
| 7. | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta | Tingkat 5, Menara TH Perdana |
| 8. | Jabatan Penguatkuasaan | Jalan Tun Razak |
| 9. | Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan | Tingkat 17, 21-25 Menara DBKL 3 |
| 10. | Jabatan Pengurusan Maklumat | Pusat Data, Tingkat 1, Menara DBKL 1 |
| 11. | Jabatan Pengurusan Maklumat | Pusat Data, Tingkat 18, Menara DBKL 3 |
| 12. | Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi | Tingkat 19 – 20, Menara DBKL 3 |
| 13. | Jabatan Perancangan Infrastruktur | Tingkat 15, 16 & 19, Menara DBKL 1 |
| 14. | Jabatan Pentadbiran | Tingkat 4, Menara DBKL 1 |
| 15. | Jabatan Kebudayaan, Kesenian Pelancongan & Sukan | Tingkat 14-15, Menara DBKL 3 |
| 16. | Jabatan Pengurusan Sumber Manusia | Tingkat 23, Menara DBKL 1 |
| 17. | Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar | KM 4, Jalan Cheras |

i) Unit Urus Bangunan, Bahagian Pengurusan Aset Dan Bangunan

- a) Terdapat 2 unit di bawah seliaan Unit Urus Bangunan
 - Seksyen Urus Bangunan
 - Seksyen Reprografi
 - Fungsi Urus Bangunan
 - i. Mengawalselia kerja-kerja pembersihan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan CDC.
 - ii. Mengurus dan memantau penyewaan premis Menara DBKL 1, 2, 3.
 - iii. Memantau pengurusan keselamatan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3 dan PT80.
 - iv. Mengurus permohonan penyewaan dan pengguna venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Kolam Biru (ROL), Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama.
 - v. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80, Jalan Raja Mahadi dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.
 - vi. Memantau kerja-kerja baikpulih, ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan venue-venue utama program.
 - vii. Menyelaras keperluan logistik di bangunan Menara DBKL 1, 2, 3 dan bilik-bilik mesyuarat utama.
 - viii. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai di peringkat mesyuarat dan pelaksanaan.
 - ix. Pengendali Sistem Operator Telefon DBKL.

- Fungsi Unit Reprografi
 - i. Menguruskan hal ehwal percetakan.
 - ii. Memberi perkhidmatan reka bentuk.
 - iii. Menyedia / mengeluarkan dan menggantikan kad e-akses kakitangan / pelajar latihan praktikal / pelawat / kontraktor DBKL.

• **STATISTIK PERMOHONAN PENGGUNAAN VENUE BAGI TAHUN 2018**

- **Bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 melalui e-Booking / Manual**

MENARA DBKL 1

| BIL | LOKASI | JUMLAH PERMOHONAN | BELUM DIPROSES | LULUS | MENUNGGU MUAT NAIK SURAT | PERMOHONAN PEMBATALAN | DITOLAK | DIBATALKAN |
|-----|--|-------------------|----------------|-------|--------------------------|-----------------------|---------|------------|
| 1. | Bilik Mesyuarat Tingkat 3 | 153 | 19 | 86 | 19 | 15 | 1 | 13 |
| 2. | Bilik Gerakan Tingkat 3 | 100 | 15 | 46 | 15 | 17 | 1 | 6 |
| 3. | Bilik Jamuan Tingkat 3 | 52 | 9 | 25 | 10 | 6 | - | 2 |
| 4. | Bilik Lembaga Tingkat 29 | 185 | 27 | 64 | 27 | 47 | - | 20 |
| 5. | Bilik Putra Tingkat 29 | 189 | 26 | 121 | 24 | 7 | 1 | 10 |
| 6. | Bilik Jamuan Tingkat 29 | 123 | 14 | 82 | 14 | 5 | - | 8 |
| 7. | Dewan Megapuri Tingkat 30 | 152 | 24 | 53 | 24 | 24 | 1 | 26 |
| 8. | Bilik Biru Tingkat 30 | 72 | 9 | 36 | 9 | 11 | - | 7 |
| 9. | Auditorium DBKL | 97 | - | 26 | 61 | - | - | 10 |
| 10. | Anjung Singgahsana, Tingkat 1 Auditorium | 29 | - | 13 | 16 | - | - | - |
| 11. | Dataran Merdeka/ Jalan Raja | 19 | - | 18 | - | - | - | 1 |
| 12. | Dataran DBKL | 28 | - | 28 | - | - | - | - |

MENARA DBKL 3

| BIL | LOKASI | JUMLAH PERMOHONAN | BELUM DIPROSES | LULUS | MENUNGGU MUAT NAIK SURAT | PERMOHONAN PEMBATALAN | DITOLAK | DIBATALKAN |
|-----|--|-------------------|----------------|-------|--------------------------|-----------------------|---------|------------|
| 1. | Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 3) | 223 | 8 | 57 | 112 | 7 | 1 | 38 |
| 2. | Bilik Mesyuarat 1 (Tingkat 3) | 148 | 5 | 33 | 60 | 3 | 33 | 14 |
| 3. | Bilik Mesyuarat 2 (Tingkat 3) | 71 | 2 | 17 | 40 | 2 | - | 10 |
| 4. | Bilik Mesyuarat Lembaga Perolehan (Tingkat 32) | 24 | - | 8 | 9 | - | - | 7 |
| 5. | Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 34) | 108 | 4 | 47 | 41 | 5 | - | 11 |
| 6. | Bilik Taklimat (Tingkat 3) | 95 | 4 | 14 | 51 | 6 | 1 | 19 |
| 7. | Bilik Latihan (Tingkat 3) | 69 | - | 23 | 44 | | | 2 |
| 8. | Bilik Jamuan (Tingkat 3) | 57 | 3 | 6 | 32 | 4 | 1 | 11 |

3.0 OBJEKTIF

Memastikan tadbir urus pengurusan perolehan, rekod, aset, bangunan, keurusetiaan majlis dan mesyuarat utama dilaksanakan mengikut dasar, perundangan/peraturan dan garis panduan semasa.

4.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan berjaya mencapai KPI yang ditetapkan melalui NKRA: Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang iaitu memastikan perbelanjaan bajet mengurus mencapai sasaran melebihi 90% yang mana pencapaian sebenar sehingga Disember 2018 adalah 90.2%.

4.1 Perbelanjaan Mengurus

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|------------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 26,444,100.00 | 88.99 |
| • Perbelanjaan | RM 23,532,754.00 | |

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

| PERKARA | TAHUN 2018 | PERATUS (%) |
|------------------------------|---------------|-------------|
| • Peruntukan Yang Diluluskan | RM 306,400.00 | 21.86 |
| • Perbelanjaan | RM 66,970.00 | |

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2018

a) Mesyuarat-mesyuarat Utama DBKL yang telah diadakan sepanjang tahun 2018

| MESYUARAT MAJLIS MENTERI WILAYAH | MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT | MESYUARAT PEMUDAH | MESYUARAT KETUA-KETUA JABATAN | PERJUMPAAN AHLI-AHLI PARLIMEN WPKL BERSAMA DATUK BANDAR | MAJLIS SANJUNGAN BUDI |
|-----------------------------------|--|---------------------------------|--------------------------------|---|--|
| BIL. 1/2018 20 Julai 2018 | BIL. 1/2018 21 Februari 2018 | BIL. 1/2018 14 Februari 2018 | BIL. 1/2018 5 Februari 2018 | 8 Oktober 2018 | 12 September 2018 Majestic Hotel Kuala Lumpur |
| BIL. 2/2018 28 Ogos 2018 | BIL. 2/2018 6 April 2018 | | BIL. 2/2018 2 April 2018 | | 26 September 2018 Pulse Grande Putrajaya |
| BIL. 3/2018 7 November 2018 | MESYUARAT KHAS LEMBAGA PENASIHAT 7 November 2018 | | BIL. 3/2018 14 Mei 2018 | | |
| | BIL. 3/2018 19 Disember 2018 | | BIL. 4/2018 27 Jun 2018 | | |
| | | | BIL. 5/2018 6 Ogos 2018 | | |
| | | | BIL. 6/2018 24 Oktober 2018 | | |
| | | | BIL. 7/2018 3 Disember 2018 | | |

b) Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan Di Menara DBKL 1, 2 dan 3 Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2018



c) Pemasangan Bendera Jalur Gemilang di Menara DBKL sempena Sambutan Hari Kemerdekaan tahun 2018



d) Program Kempen Kibar Jalur Gemilang 2018



e) Penyelarasan Panel Katerer DBKL



f) Aktiviti Keagamaan Sepanjang Tahun 2018

- Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 2018



- Majlis Qiamullail dan Zikir Munajat Perdana pada 13 & 14 April 2018



- Program Pelancaran Ijarah Ramadan pada 15 Mei 2018



- Majlis Khatam Al-Quran Perdana DBKL 1439/2018 pada 7 Jun 2018



- Kursus Pengurusan Jenazah Perdana pada 15 Oktober 2018





LAPORAN PENYATA KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Penasihat.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Penasihat dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hai-hai Lain

Laporan ini disediakan untuk Lembaga Penasihat dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
3 OGOS 2019



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Saya, **DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN**, Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN, *DPMS, SMS*
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bertarikh : 29 AUG 2019

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKUAN BERKANUN

Saya, **MOHAMAD BIN HAMIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui oleh }
yang tersebut di atas, }
MOHAMAD BIN HAMIM C.A (M) }
di **KUALA LUMPUR** }
pada **29 AUG 2019** }



Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel: 019 6680745

PESURUHJAYA SUMPAH

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|---|------|----------------|----------------|
| ASET | | | |
| Aset semasa | | | |
| Baki bank dan wang tunai | | 143,777,071 | 166,820,002 |
| Deposit tetap di institusi kewangan | | 6,287,604,550 | 5,360,656,203 |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima | 4 | 245,082,125 | 238,717,939 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | 5 | 777,726,833 | 1,042,631,568 |
| Inventori | 6 | 4,033,462 | 4,346,908 |
| | | 7,458,224,041 | 6,813,172,620 |
| Aset bukan semasa | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 7 | 10,151,334,033 | 9,733,075,003 |
| Aset kewangan lain | 8 | 124,467,012 | 160,290,023 |
| Aset hartanah untuk dijual | 9 | 760,072,323 | 742,530,328 |
| Urusniaga pertukaran belum terima | 5 | 228,624,247 | 216,497,316 |
| | | 11,264,497,615 | 10,852,392,670 |
| JUMLAH ASET | | 18,722,721,656 | 17,665,565,290 |
| LIABILITI | | | |
| Liabiliti semasa | | | |
| Urusniaga pertukaran belum bayar | 10 | 1,372,213,002 | 1,142,697,952 |
| Pendapatan tertunda | 11 | 704,849,835 | 400,179,243 |
| Pinjaman | 12 | 3,026,367 | 3,007,207 |
| Penerimaan terdahulu | 13 | 1,235,607 | 1,235,607 |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 14 | 4,393,838 | 5,206,242 |
| | | 2,085,718,649 | 1,552,326,251 |
| Liabiliti bukan semasa | | | |
| Kumpulan wang | 15 | 213,529,249 | 281,481,986 |
| Pinjaman | 12 | 109,506,069 | 112,532,435 |
| Penerimaan terdahulu | 13 | 211,853,356 | 302,969,981 |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 14 | 39,478,785 | 39,834,864 |
| | | 574,367,459 | 736,819,266 |
| JUMLAH LIABILITI | | 2,660,086,108 | 2,289,145,517 |
| ASET BERSIH | | 16,062,635,548 | 15,376,419,773 |
| EKUITI/ASET BERSIH | | | |
| Lebihan terkumpul | | 2,245,666,415 | 2,360,990,423 |
| Rizab | | 13,816,969,133 | 13,015,429,350 |
| JUMLAH EKUITI/ASET BERSIH | | 16,062,635,548 | 15,376,419,773 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018 RM | 2017 RM |
|--|------|----------------------|----------------------|
| HASIL | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | | | |
| Cukai taksiran | | 1,217,122,106 | 1,093,497,820 |
| Bantuan daripada kerajaan | | 9,727,547 | 52,335,819 |
| Peruntukan projek pembangunan direalisasi | 15 | 414,491,768 | 245,526,340 |
| Pindahan aset hartanah daripada kerajaan | | 56,000,000 | - |
| Denda | | 30,695,491 | 23,827,896 |
| Lesen | | 55,521,848 | 50,934,532 |
| | | 1,783,558,760 | 1,466,122,407 |
| Urusniaga pertukaran | | | |
| Kawalan binaan dan perancangan | | 667,939,586 | 568,619,245 |
| Faedah daripada pelaburan | | 239,233,580 | 234,533,835 |
| Sewaan perumahan | | 59,292,292 | 60,684,117 |
| Sewaan lain | | 86,442,241 | 66,959,853 |
| Hasil dari projek penswastaaan | | 164,911,134 | 557,535,077 |
| Keuntungan dari pelupusan aset | | 461,224,222 | 120,642,322 |
| Pendapatan operasi perbadanan pengurusan | | 34,383,255 | 32,185,737 |
| Lain-lain hasil | | 126,201,724 | 77,846,692 |
| | | 1,839,628,034 | 1,719,006,878 |
| JUMLAH HASIL | | 3,623,186,794 | 3,185,129,285 |
| BELANJA | | | |
| Belanja mengurus | | | |
| Emolumen | | 470,385,830 | 456,716,691 |
| Elaun lebih masa | | 62,529,480 | 74,942,109 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 16 | 1,017,865,176 | 976,597,183 |
| Aset kecil | | 3,214,596 | 3,921,415 |
| Pemberian dan kenaikan tetap | | 39,888,398 | 32,643,499 |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | 214,549,237 | 274,188,978 |
| Peruntukan penjejasan nilai penghutang | | 2,652,867 | 17,648,434 |
| Kerugian daripada pelupusan aset | | 40,529,636 | 34,496,160 |
| Kos kewangan | | 4,153,682 | 4,294,026 |
| Peruntukan penjejasan nilai aset untuk dijual | | 133,202,534 | - |
| Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan | | 21,731,065 | 19,388,059 |
| Perbelanjaan cukai barang dan perkhidmatan | | 43,278,476 | 88,552,308 |
| Perbelanjaan lain | | 67,497,449 | 34,476,525 |
| Belanja pembangunan dan penyelenggaraan | 17 | 815,492,593 | 648,153,903 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 2,936,971,019 | 2,666,019,290 |
| LEBIHAN TAHUN SEMASA | | 686,215,775 | 519,109,995 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

| | Rizab pembangunan RM | Rizab modal RM | Rizab penjualan rumah RM | Tabung pinjaman RM | Tabung amanah RM | Kumpulan wang perumahan RM | Lebihan terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|----------------------------|-------------------------------|-----------------------------------|--------------------------|------------------------|-------------------------------------|-----------------------------|-------------------------------|
| Pada 1 Januari 2017, <i>seperti dinyatakan sebelum</i> Kesan penggunaan MPSAS | 687,215,761 - | 10,061,821,479 364,586,923 | 365,655,251 5,157,550 | 17,932,925 - | 2,330,848 - | 120,300,000 - | 3,216,060,221 16,248,820 | 14,471,316,485 385,993,293 |
| Pada 1 Januari 2017, <i>seperti dinyatakan semula</i> | 687,215,761 | 10,426,408,402 | 370,812,801 | 17,932,925 | 2,330,848 | 120,300,000 | 3,232,309,041 | 14,857,309,778 |
| Lebihan tahun semasa | - | - | - | - | - | - | 519,109,995 | 519,109,995 |
| Belanja pembangunan | (352,862,276) | - | - | - | - | (149,932,535) | 502,794,811 | - |
| Pelupusan aset | - | (26,554,007) | - | - | - | - | 26,554,007 | - |
| Hapus kira pinjaman | - | - | - | (6,196) | - | - | 6,196 | - |
| Pindahan lain | 522,944,684 | 1,255,984,038 | (4,997,722) | - | 1,234,143 | 114,232,535 | (1,889,397,678) | - |
| Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan* | - | - | 30,385,949 | - | - | - | (30,385,949) | - |
| Pada 31 Disember 2017, <i>seperti dinyatakan semula</i> | 857,298,169 | 11,655,838,433 | 396,201,028 | 17,926,729 | 3,564,991 | 84,600,000 | 2,360,990,423 | 15,376,419,773 |

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

| | Rizab pembangunan RM | Rizab modal RM | Rizab penjualan rumah RM | Tabung pinjaman RM | Tabung amanah RM | Kumpulan wang perumahan RM | Lebihan terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|----------------------------|-------------------------------|-----------------------------------|--------------------------|------------------------|-------------------------------------|-----------------------------|-------------------------------|
| Pada 1 Januari 2018, <i>seperti dinyatakan sebelum</i> Kesan penggunaan MPSAS | 857,298,169 - | 11,291,251,508 364,586,925 | 396,201,028 - | 17,926,729 - | 3,564,991 - | 84,600,000 - | 2,344,741,603 16,248,820 | 14,995,584,028 380,835,745 |
| Pada 1 Januari 2018, <i>seperti dinyatakan semula</i> | 857,298,169 | 11,655,838,433 | 396,201,028 | 17,926,729 | 3,564,991 | 84,600,000 | 2,360,990,423 | 15,376,419,773 |
| Lebihan tahun semasa | - | - | - | - | - | - | 686,215,775 | 686,215,775 |
| Belanja pembangunan | (813,637,376) | 632,322,936 | - | - | - | (102,626,569) | 283,941,009 | - |
| Pelupusan aset | - | (147,961,634) | - | - | - | - | 147,961,634 | - |
| Hapus kira pinjaman | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pindahan aset daripada kerajaan | - | 56,000,000 | - | - | - | - | (56,000,000) | - |
| Pindahan lain | 847,876,467 | 147,613,953 | (725,000) | 44,493,200 | 43,580 | 122,261,569 | (1,161,563,770) | - |
| Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan* | - | - | 15,878,656 | - | - | - | (15,878,656) | - |
| Pada 31 Disember 2018 | 891,537,260 | 12,343,813,688 | 411,354,684 | 62,419,929 | 3,608,571 | 104,235,000 | 2,245,666,415 | 16,062,635,548 |

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018

| | 2018 RM | 2017 RM |
|--|----------------------|----------------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan tahun semasa | 686,215,775 | 519,109,995 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 214,549,237 | 274,188,978 |
| Faedah dari pelaburan | (236,759,230) | (234,533,835) |
| Faedah penjualan rumah | (2,474,350) | (2,618,498) |
| Faedah penghutang pajakan | (6,702,184) | (7,989,010) |
| Faedah wang pinjaman dikenakan (Penulisan)/Peruntukan hutang ragu | 4,153,682 | 4,294,026 |
| Keuntungan ke atas jualan aset tetap | (3,231,561) | 16,831,475 |
| Pendapatan dividen | (420,694,586) | (120,642,322) |
| Kerugian perubahan nilai saksama aset kewangan lain | (1,380,699) | (7,744,593) |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 37,203,710 | (19,243,691) |
| Geran pembangunan direalisasi | 4,232,970 | 4,232,062 |
| Rosotnilai aset hartanah untuk dijual | (414,415,536) | (245,526,340) |
| Pemindahan aset hartanah daripada kerajaan | 133,202,534 | - |
| | (56,000,000) | - |
| (Kerugian)/Pendapatan dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja | (62,100,238) | 180,358,247 |
| Perubahan dalam: | | |
| Penghutang | 213,505,151 | (142,410,435) |
| Inventori | 313,447 | (342,903) |
| Pemiutang | 337,307,674 | 433,229,185 |
| Tunai dijana dari aktiviti operasi | 489,026,034 | 470,834,094 |
| Bayaran manfaat kakitangan | (5,401,452) | (5,959,668) |
| Faedah pelaburan diterima | 239,701,915 | 245,141,343 |
| Tunai bersih dijana dari aktiviti operasi | 723,326,497 | 710,015,769 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Penerimaan dari: | | |
| Pelupusan aset tetap | 544,142,973 | 194,096,724 |
| Pelupusan aset untuk dijual | 42,911,906 | 30,514,659 |
| Pembelian aset tetap | (697,296,177) | (916,668,273) |
| Pembalikan semula penjualan tanah | (59,172,376) | - |
| Dividen diterima | 370,800 | 7,744,592 |
| Terimaan sewa pajakan | 10,236,822 | - |
| Tunai bersih (digunakan untuk) dari aktiviti pelaburan | (158,806,054) | (684,312,298) |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2018 (SAMBUNGAN)

| | 2018 RM | 2017 RM |
|--|----------------------|----------------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Bayaran balik pinjaman jangka panjang | (3,007,206) | (2,866,862) |
| Terimaan pembiayaan projek kerajaan dan swasta (Nota 15) | 347,276,212 | 108,195,364 |
| Bayaran pembiayaan projek kerajaan dan swasta (Nota 15) | (737,182) | - |
| Kos kewangan | (4,153,682) | (4,294,026) |
| Tunai bersih dijana dari aktiviti pembiayaan | 339,378,142 | 101,034,476 |
| PERTAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI | | |
| TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 5,527,476,205 | 5,400,738,258 |
| TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 6,431,374,790 | 5,527,476,205 |
| TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI | | |
| Wang tunai dan dana jangka pendek | 143,777,071 | 166,820,002 |
| Deposit tetap | 6,287,604,550 | 5,360,656,203 |
| | 6,431,381,621 | 5,527,476,205 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | <u>Bajet asal</u> RM | <u>Bajet akhir</u> RM | <u>Amaun sebenar</u> <u>pada asas</u> <u>setanding</u> RM | <u>Perbezaan</u> <u>bajet akhir dan</u> <u>amaun sebenar</u> RM |
|----------------------------------|-------------------------|--------------------------|--|--|
| TERIMAAN | | | | |
| Cukai taksiran | 1,105,000,000 | 970,000,000 | 1,142,379,236 | 172,379,236 |
| Bantuan daripada Kerajaan | 45,000,000 | 8,000,000 | 10,256,536 | 2,256,536 |
| Denda | 27,000,000 | 15,000,000 | 26,555,632 | 11,555,632 |
| Lesen | 49,000,000 | 37,000,000 | 55,521,848 | 18,521,848 |
| Kawalan binaan dan perancangan | 350,000,000 | 442,000,000 | 667,939,586 | 225,939,586 |
| Faedah daripada pelaburan | 230,000,000 | 143,000,000 | 235,862,036 | 92,862,036 |
| Sewaan perumahan | 61,000,000 | 36,000,000 | 57,040,005 | 21,040,005 |
| Sewaan lain | 39,900,000 | 29,000,000 | 57,680,731 | 28,680,731 |
| Hasil dari projek penswastaan | 127,380,000 | 37,000,000 | 23,475,138 | (13,524,862) |
| Lain-lain hasil | 632,870,000 | 1,173,000,000 | 1,410,249,032 | 237,249,032 |
| JUMLAH TERIMAAN | 2,667,150,000 | 2,890,000,000 | 3,686,959,780 | 796,959,780 |
| BELANJA MENGURUS | | | | |
| Emolumen | 501,927,000 | 501,931,000 | 470,385,830 | (31,545,170) |
| Elaun lebih masa | 67,671,000 | 67,667,000 | 62,529,480 | (5,137,520) |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | | | |
| Pengurusan dan Pentadbiran | 209,911,700 | 222,189,800 | 206,646,180 | (15,543,620) |
| Pembersihan Bandar | 263,150,000 | 230,251,000 | 229,747,210 | (503,790) |
| Penhijauan, Penyelenggaraan | | | | |
| Taman, Tanah Lapang dan | | | | |
